



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN
PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI

NEGERI PULAU PINANG

TAHUN 2013



JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA



JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA

**LAPORAN
KETUA AUDIT NEGARA**
彭亨州政府財政報告及管理
JABATAN/AGENSI
NEGERI PULAU PINANG
TAHUN 2013

KANDUNGAN



KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KATA PENDAHULUAN	vii
INTISARI LAPORAN	xi
BAHAGIAN I - PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013	
Pendahuluan	3
Objektif Dan Metodologi Pengauditan	4
Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2013	4
BAHAGIAN II - ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI	
Latar Belakang	9
Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri	9
Kumpulan Wang Disatukan	9
Wang Awam	10
Akaun Hasil Disatukan	13
Akaun Pinjaman Disatukan	23
Akaun Amanah Disatukan	23
Penyata Prestasi Kewangan	32
Penyata Akaun Memorandum	32
Nota Kepada Penyata Kewangan	37
Rumusan Dan Syor Audit	39
BAHAGIAN III - RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI	
Pencapaian Pelaksanaan Projek Pembangunan RMKe-10	43
Rumusan	46
BAHAGIAN IV - PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI	
Pendahuluan	49
Penambahbaikan Pengurusan Kewangan Oleh Jabatan/Agensi Negeri	49
Pelaksanaan Indeks Akauntabiliti (AI)	50
Objektif Pengauditan	51

PERKARA	MUKA SURAT
Skop Dan Metodologi Pengauditan	51
Kawalan Utama	51
Penemuan Audit	63
Pemeriksaan Audit Mengejut	68
Syor Audit	71
BAHAGIAN V - PENYERAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI	
Pendahuluan	75
Pengauditan Penyata Kewangan	75
Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan	76
Pengesahan Penyata Kewangan	77
Pembentangan Penyata Kewangan	77
Prestasi Kewangan	77
Rumusan Dan Syor Audit	88
BAHAGIAN VI - PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI	
Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri; Dan Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri	91
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri	91
PENUTUP	95
LAMPIRAN	
I Sijil Ketua Audit Negara	99
II Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri Dan Bendahari Negeri	100
III Penyata Kedudukan Kewangan	101
IV Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai	102
V Penyata Prestasi Kewangan	104
VI Penyata Akaun Memorandum	105
VII Nota Kepada Penyata Kewangan	106

KATA PENDAHULUAN



KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengikut apa-apa cara yang difikirkannya patut, memeriksa, menyiasat dan mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan/Negeri/Agensi dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen manakala Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang memperkenankan untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Bagi memenuhi fungsi dan tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan 2 jenis pengauditan seperti berikut:

1.1. Pengauditan Penyata Kewangan – Pengauditan ini yang berpandukan kepada Piawaian Perakaunan Kerajaan bertujuan untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pengauditan ini juga dibuat terhadap Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam.

1.2. Pengauditan Pengurusan Kewangan – Pengauditan ini bertujuan untuk menilai sama ada pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi Negeri dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan. Jabatan Audit Negara telah memperkenalkan Indeks Akauntabiliti (AI) pada tahun 2007 dan tahun 2013 adalah tahun ketujuh pelaksanaannya. AI diwujudkan bertujuan untuk membuat penilaian secara objektif terhadap pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri bagi mengukur dan menambah baik kawalan pengurusan kewangan sehingga mencapai tahap cemerlang. Penarafan AI diberi berdasarkan kepada tahap pematuhan terhadap peraturan-peraturan kewangan berhubung dengan kawalan pengurusan, bajet, terimaan, perbelanjaan, kumpulan wang amanah/akaun amanah/deposit, aset dan stor, pinjaman, pelaburan dan penyediaan Penyata Kewangan. Dengan pelaksanaan AI ini, ia dapat membantu mewujudkan budaya kerja berdasarkan amalan terbaik seperti **Cepat, Tepat dan Berintegriti**. Selain itu, sebagai usaha berterusan memupuk kesedaran dan iltizam integriti yang tinggi di kalangan penjawat awam dalam pengurusan kewangan, pemeriksaan mengejut juga dilaksanakan di beberapa Pusat Tanggungjawab terpilih seluruh negeri.

2. Laporan saya mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Pulau Pinang Tahun 2013 disediakan hasil daripada pengauditan yang dijalankan di pejabat Perbendaharaan Negeri dan beberapa Jabatan/Agensi Negeri sepanjang tahun 2013. Semasa pengauditan dijalankan, pemeriksaan telah dibuat secara teliti lagi telus terhadap segala langkah yang diambil oleh

Jabatan/Agensi bagi melindungi semua pemungutan, penjagaan serta pembayaran wang awam daripada berlakunya ketidakakuruan yang serius.

3. Kerajaan Persekutuan telah memutuskan untuk mengubah asas perakaunan yang diamalkan sekarang iaitu Asas Perakaunan Tunai Ubahsuai kepada Perakaunan Akruan mulai tahun 2015. Perakaunan Akruan mengiktiraf dan merekodkan semua urus niaga pada masa ia berlaku. Selain itu, ia menghendaki semua aset Kerajaan sama ada aset alih, tak alih dan aset hidup berserta semua jenis liabiliti Kerajaan ditunjukkan sepenuhnya dalam Penyata Kewangan Kerajaan. Pelaksanaan dasar Perakaunan Akruan ini adalah selaras dengan aspirasi Kerajaan untuk memperkasakan Transformasi Sektor Awam bagi mempertingkatkan kecekapan dalam pengurusan kewangan dan perakaunan. Sehubungan ini, Kerajaan Negeri hendaklah memantapkan lagi Pengurusan Kewangan di peringkat Jabatan/Agensi khususnya dalam aspek pengurusan aset dan stor sebagai persediaan awal ke arah tersebut. Justeru itu, pembangunan modal insan yang berterusan kepada pegawai yang terlibat perlu dipertingkatkan.
4. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi Negeri Pulau Pinang yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

~~Ketua Audit Negara~~

~~Malaysia~~

Putrajaya

13 Ogos 2014

INTISARI LAPORAN



INTISARI LAPORAN

BAHAGIAN I - PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

1. Pada keseluruhannya, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2013. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 telah dapat disahkan kerana dokumen sokongan adalah mencukupi untuk mengesahkan semua butiran dalam Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

BAHAGIAN II - ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

2. Pada keseluruhannya, analisis Audit mendapati kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada akhir tahun 2013 adalah baik. Pada tahun 2013, Kumpulanwang Disatukan mencatatkan peningkatan sejumlah RM99.85 juta atau 8.4% kepada RM1,292.10 juta berbanding RM1,192.25 juta pada tahun 2012. Baki Akaun Hasil Disatukan pada 31 Disember 2013 telah bertambah sedikit sejumlah RM1.30 juta atau 0.2% kepada RM826.58 juta daripada RM825.28 juta pada tahun 2012. Hasil yang dikutip pada tahun 2013 telah meningkat sejumlah RM179.17 juta atau 27.4% berbanding tahun 2012 iaitu daripada RM654.55 juta menjadi RM833.72 juta. Kedudukan aset yang terdiri daripada wang tunai dan pelaburan juga meningkat sejumlah RM99.85 juta. Kerajaan Negeri disyorkan untuk mengekalkan prestasi menambahkan hasil dan mengekalkan perbelanjaan berhemat bagi memastikan kedudukan kewangannya terus baik. Kerajaan Negeri masih boleh meningkatkan hasilnya dengan memastikan pelaburan-pelaburan Kerajaan Negeri dapat memberi dividen yang lebih tinggi. Di samping itu, Kerajaan Negeri disyorkan meneruskan usaha untuk mengutip tunggakan hasil yang berjumlah RM82.40 juta pada akhir tahun 2013 yang terdiri daripada cukai tanah, bayaran balik pinjaman penuntut, ansuran atau sewa rumah dan kedai serta hasil-hasil lain.

BAHAGIAN III - RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI

3. Bagi menjayakan RMKe-10 Negeri Pulau Pinang, sejumlah RM1,412.96 juta siling peruntukan telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri. Peruntukan ini telah diagihkan kepada 9 Jabatan. Pada keseluruhannya prestasi perbelanjaan RMKe-10 untuk tahun 2013 adalah kurang memuaskan. Sehingga 31 Disember 2013, sejumlah RM211.86 juta atau 58.3% telah dibelanjakan berbanding peruntukan yang diluluskan berjumlah RM363.39 juta. Prestasi pelaksanaan projek yang telah berjaya dilaksanakan adalah berjumlah 3,461 projek atau 98.4% daripada 3,516 projek yang dirancang manakala baki projek sama ada sedang dilaksanakan, belum mula/ditangguhkan.

BAHAGIAN IV - PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI

4. Prestasi pengurusan kewangan di peringkat Jabatan/Agensi Negeri bagi tahun 2013 menunjukkan ada peningkatan. Pada tahun 2013, 8 atau 53.3% Jabatan/Agensi Negeri memperoleh tahap sangat baik berbanding 7 atau 58.3% Jabatan/Agensi Negeri pada tahun 2012. Manakala 7 atau 46.7% Jabatan/Agensi Negeri adalah pada tahap baik pada tahun 2013 berbanding 4 atau 33.3% pada tahun 2012. Keadaan ini juga menunjukkan Jabatan/Agensi telah mengambil tindakan proaktif untuk meningkatkan prestasi pengurusan kewangan masing-masing daripada kedudukan baik kepada kedudukan sangat baik. Selain itu, tiada Jabatan/Agensi Negeri yang memperoleh tahap memuaskan atau tidak memuaskan pada tahun 2013 berbanding tahun sebelumnya.

BAHAGIAN V - PENYERAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

5. Sehingga 30 April 2014, Jabatan Audit Negara telah mengesahkan sebanyak 11 penyata kewangan bagi tahun berakhir 2012 yang terdiri daripada 8 penyata kewangan Badan Berkanun Negeri, 2 penyata kewangan Pihak Berkuasa Tempatan dan 1 penyata kewangan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang. Semua penyata kewangan telah diberi Sijil Tanpa Teguran kecuali 1 Badan Berkanun Negeri yang telah menerima Sijil Berteguran. Keperluan pembentangan penyata kewangan yang telah disahkan di Dewan Undangan Negeri sebagaimana kehendak undang-undang telah diambil perhatian oleh pihak Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri. Sehingga April 2014, sebanyak 9 Penyata Kewangan Agensi Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2012 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 9 Disember 2013. Bagi Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang dan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, Penyata Kewangan tidak dibentangkan kerana tidak ada keperluan perundangan untuk berbuat demikian. Selain itu 10 penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 telah diterima sebelum 30 April 2014. Manakala 1 penyata kewangan diterima pada 12 Mei 2014, iaitu penyata kewangan Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang

BAHAGIAN VI - PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

6. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Pulau Pinang Tahun 2012 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 9 Disember 2013. Sepanjang tahun 2013, Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri hanya bermesyuarat sekali iaitu pada 25 September 2013 membincangkan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2010 dan 2011 mengenai aktiviti Jabatan.

BAHAGIAN I
Pengesahan Penyata Kewangan
Kerajaan NEGERI PULAU PINANG
Bagi Tahun Berakhir
31 Disember 2013



BAHAGIAN I

PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

1. PENDAHULUAN

1.1. Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan, 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan Penyata Kewangan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara dalam tempoh 7 bulan selepas berakhirnya tahun kewangan berkenaan untuk diaudit seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 9 Akta Audit, 1957.

1.2. Selaras dengan peruntukan undang-undang tersebut, Pegawai Kewangan Negeri telah mengemukakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 kepada Jabatan Audit Negara pada **10 Januari 2014**. Penyata tersebut melaporkan semua urus niaga kewangan asas tunai bagi tahun 2013 berkaitan dengan sumber dan penggunaan wang awam. Penyata tersebut mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

1.3. Mulai tahun kewangan 2011, Kerajaan Negeri telah menggunakan piawaian perakaunan kerajaan 2 (Disemak – 2010) Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan menggantikan piawaian perakaunan kerajaan 2 (2004) selaras dengan kehendak piawaian perakaunan berdasarkan *International Public Sector Accounting Standards (IPSAS) – Financial Reporting Under The Cash Basis of Accounting*.

1.4. Penyata Kedudukan Kewangan menunjukkan pegangan Wang Awam Kerajaan terdiri daripada wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan melalui Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Selaras dengan asas perakaunan tunai ubahsuai yang digunakan oleh Kerajaan Negeri, hanya pelaburan am dan pelaburan yang dipegang bagi maksud amanah tertentu sahaja dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Manakala pelaburan lain dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum.

1.5. Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai menunjukkan sumber dan penggunaan dana bagi tahun 2013. Sumber dana adalah terdiri daripada hasil, pinjaman, terimaan modal dan terimaan lain seperti amanah dan deposit. Penggunaan dana pula adalah untuk membiayai perbelanjaan mengurus, pembangunan, modal dan bayaran balik pinjaman.

1.6. Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan lebihan atau kurangan hasil keseluruhan berbanding jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta sumber pembiayaannya. Penyata ini juga menunjukkan pergerakan dana dalam Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri, Terimaan Bayaran Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan serta

Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah.

1.7. Penyata Akaun Memorandum adalah penyata yang menunjukkan aset dan liabiliti Kerajaan Negeri yang tidak dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Memorandum Aset adalah aset Kerajaan Negeri terdiri daripada Pinjaman Boleh Dituntut, Pelaburan dan deposit berkanun. Manakala Memorandum liabiliti adalah merangkumi Hutang Awam, Jaminan, Nota Kena Bayar dan sebagainya.

1.8. Nota Kepada Penyata Kewangan pula memberi penerangan dan maklumat terperinci mengenai jumlah yang ditunjukkan dalam Penyata Kewangan.

2. OBJEKTIF DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

2.1. Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata tersebut menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Bagi membolehkan Ketua Audit Negara memberi pendapat yang berasas dan munasabah, pengauditan telah dirancang dan dilaksanakan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan.

2.2. Pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen dijalankan secara berterusan sepanjang tahun 2013. Pemerhatian Audit mengenainya telah dibangkitkan kepada Perbendaharaan Negeri Pulau Pinang dan Jabatan-jabatan Negeri melalui surat pemerhatian Audit sebaik sahaja pengauditan selesai dijalankan dan disalinkan kepada YB. Setiausaha Kerajaan Negeri untuk makluman.

3. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

3.1. Pengauditan Penyata Kewangan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Akta dan piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan bagi mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan dan ketinggalan yang ketara.

3.2. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan penzahiran yang mencukupi dalam penyampaian Penyata Kewangan. Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2013 adalah selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan. **Pada pendapat Audit, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada keseluruhannya menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 dan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.** Sijil Ketua Audit Negara

mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang disertakan bersama dengan Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan adalah seperti di **Lampiran I** hingga **Lampiran VII**.

BAHAGIAN II

Analisis Kewangan Kerajaan Negeri



BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

4. LATAR BELAKANG

Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang Tahun 2013, juga membuat analisis terhadap data kewangan bagi menilai tahap prestasi kewangan Kerajaan Negeri. Analisis yang dijalankan adalah berdasarkan Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

4.1. KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri ini menunjukkan pegangan Wang Awam di bawah Kumpulan Wang Disatukan. Wang Awam terdiri daripada Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan melalui Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

4.2. KUMPULAN WANG DISATUKAN

4.2.1. Kumpulanwang Disatukan terdiri daripada 3 akaun iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Pada akhir tahun 2013, Kumpulanwang Disatukan adalah berjumlah RM1,292.10 juta. Jumlah tersebut terdiri daripada aset berbentuk wang tunai sejumlah RM8.75 juta dan pelaburan RM1,283.35 juta. Kedudukan Kumpulanwang Disatukan bagi tahun 2013 berbanding tahun 2012 adalah seperti di **Jadual 4.1**.

Jadual 4.1
Kedudukan Kumpulanwang Disatukan Bagi Tahun 2013 Berbanding Tahun 2012

Bil.	Butiran	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Hasil Disatukan	825.28	826.58	1.30	0.2
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	0.00	0.00	0.00	-
3.	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	366.97	465.52	98.55	26.9
	<i>i. Kumpulanwang Amanah Kerajaan</i>	163.70	237.97	74.27	45.4
	<i>ii. Kumpulanwang Amanah Awam</i>	112.87	145.60	32.73	29.0
	<i>iii. Deposit</i>	90.40	81.95	-8.45	-9.3
Jumlah		1,192.25	1,292.10	99.85	8.4

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.2.2. Analisis Audit mendapati baki Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri mencatat peningkatan berjumlah RM99.85 juta atau 8.4% kepada RM1,292.10 juta pada tahun 2013 berbanding RM1,192.25 juta pada tahun 2012. Peningkatan ini adalah hasil dari peningkatan Akaun Hasil Disatukan berjumlah RM1.30 juta dan Akaun Amanah Disatukan berjumlah RM98.55 juta.

4.2.3. Kedudukan Kumpulanwang Disatukan bagi tempoh tahun 2009 hingga 2013 menunjukkan trend yang meningkat seperti di **Jadual 4.2** dan **Carta 4.1**. Analisis Audit mendapati kedudukan Kumpulanwang Disatukan pada tahun 2013 adalah yang tertinggi dalam tempoh 5 tahun berbanding tahun-tahun sebelumnya.

Jadual 4.2


Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Bagi Tahun 2009 Hingga 2013

Bil.	Butiran	Tahun				
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
1.	Akaun Hasil Disatukan	538.95	572.50	710.81	825.28	826.58
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
3.	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	562.94	558.68	422.93	366.97	465.52
iv.	<i>Kumpulanwang Amanah Kerajaan</i>	292.86	196.34	229.35	163.70	237.97
v.	<i>Kumpulanwang Amanah Awam</i>	66.68	75.20	116.90	112.87	145.60
vi.	<i>Deposit</i>	203.40	287.14	76.68	90.40	81.95
Jumlah		1,101.89	1,131.18	1,133.74	1,192.25	1,292.10

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Carta 4.1

Kedudukan Kumpulanwang Disatukan Bagi Tahun 2009 Hingga 2013



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.3. WANG AWAM

4.3.1. Wang Tunai

4.3.1.1. Wang tunai merupakan aset yang terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan. Manakala Wang Tunai Dalam Tangan terdiri daripada Panjar Wang Runcit, Panjar Wang Khas Panjar Tabung TYT dan Kumpulanwang Banjir, Panjar Wang Khas Jabatan Kewangan Pulau Pinang dan Tabung Bantuan Segera Jabatan Kebajikan Masyarakat.

4.3.1.2. Analisis perbandingan kedudukan wang tunai bagi tahun 2013 dan 2012 menunjukkan peningkatan berjumlah RM0.95 juta atau 12.2% menjadi RM8.75 juta pada tahun 2013 berbanding RM7.80 juta pada tahun 2012 seperti di **Jadual 4.3**. Peningkatan ini berlaku kerana Wang Tunai Dalam Bank meningkat sejumlah RM5.04 juta atau 169.7% menjadi RM8.01 juta pada tahun 2013 berbanding RM2.97 juta pada tahun 2012.

Jadual 4.3

Kedudukan Wang Tunai Bagi Tahun 2013 Berbanding 2012

Bil.	Butiran	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Wang Tunai Dalam Bank	2.97	8.01	5.04	169.7
2.	Wang Tunai Dalam Perjalanan	4.50	0.42	-4.08	-90.7
3.	Wang Tunai Dalam Tangan	0.33	0.32	-0.01	-3.0
	Jumlah	7.80	8.75	0.95	12.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.3.1.3. Kedudukan baki wang tunai Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi tempoh tahun 2009 hingga 2013 menunjukkan baki pada akhir tahun 2013 adalah yang tertinggi seperti di **Jadual 4.4** dan **Carta 4.2**.

Jadual 4.4


Baki Wang Tunai Bagi Tempoh Tahun 2009 Hingga 2013

Bil.	Butiran	Tahun				
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
1.	Wang Tunai Dalam Bank	3.29	1.50	5.21	2.97	8.01
2.	Wang Tunai Dalam Perjalanan	0.10	0.52	0.16	4.50	0.42
3.	Wang Tunai Dalam Tangan	0.49	0.49	0.32	0.33	0.32
	Jumlah	3.88	2.51	5.69	7.80	8.75

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Carta 4.2

Baki Wang Tunai Bagi Tahun 2009 Hingga 2013



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.3.2. Pelaburan

4.3.2.1. Seksyen 8 Akta Tatacara Kewangan 1957 menyatakan Kerajaan Negeri dibenarkan membuat pelaburan di bank, institusi kewangan dan syarikat sekiranya mempunyai lebihan wang. Pelaburan Kerajaan Negeri adalah terdiri daripada Pelaburan Am dan Pelaburan Kumpulan Wang Amanah. Pelaburan Kumpulan Wang Amanah adalah selaras dengan Seksyen 9 dan Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957, Arahan Amanah dan peraturan yang dikuatkuasakan.

4.3.2.2. Analisis jumlah pelaburan pada tahun 2013 berbanding tahun 2012 menunjukkan peningkatan sejumlah RM98.90 juta atau 8.3% menjadi RM1,283.35 juta pada akhir tahun 2013 berbanding RM1,184.45 juta pada akhir tahun 2012 seperti di **Jadual 4.5**. Peningkatan baki akaun Pelaburan Kerajaan Negeri adalah disebabkan oleh peningkatan jumlah simpanan tetap berjumlah RM101.50 juta dalam tahun 2013. Pada tahun 2013, faedah yang diterima daripada simpanan tetap berjumlah RM40.60 juta dan dividen yang diterima daripada saham dan syer berjumlah RM4.50 juta.

Jadual 4.5

Pelaburan Kerajaan Negeri Pulau Pinang Pada Tahun 2013 Berbanding 2012

Bil.	Butiran	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Pelaburan Kumpulanwang Amanah terdiri daripada:				
	i. Kumpulanwang Biasiswa	0.00	0.00	0.00	0.0
	ii. Kumpulanwang Amanah Bantuan TYT Yang di-Pertua Negeri	3.00	0.40	-2.60	-86.7
	Jumlah Pelaburan Kumpulanwang Amanah	3.00	0.40	-2.60	-86.7
2.	Pelaburan Am terdiri daripada:				
	i. Simpanan Tetap	1,150.00	1,251.50	101.50	8.8
	ii. Saham Dan Syer	31.45	31.45	0.00	0.0
	Jumlah Pelaburan Am	1,181.45	1,282.95	101.50	8.6
	Jumlah	1,184.45	1,283.35	98.90	8.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri


4.3.2.3. Kedudukan baki pelaburan bagi tahun 2009 hingga 2013 menunjukkan jumlah pelaburan meningkat setiap tahun kecuali menurun sedikit pada tahun 2011. Bagaimanapun, pelaburan meningkat semula pada tahun 2012 sebanyak 5.0% dan seterusnya meningkat sebanyak 8.3% pada tahun 2013 seperti di **Jadual 4.6** dan **Carta 4.3**. Pelaburan tahun 2013 adalah yang tertinggi dalam tempoh 5 tahun.

Jadual 4.6

Pelaburan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2009 Hingga 2013

Bil.	Butiran	Tahun				
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
1.	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah	5.06	4.21	3.61	3.00	0.40
2.	Pelaburan Am	1,092.95	1,124.45	1,124.45	1,181.45	1,282.95
	Jumlah	1,098.01	1,128.66	1,128.06	1,184.45	1,283.35

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4. AKAUN HASIL DISATUKAN

4.4.1. Akaun Hasil Disatukan merekod semua urus niaga penerimaan hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri. Akaun ini ditubuhkan mengikut Perkara 97 dan 98 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a), Akta Tatacara Kewangan 1957.

4.4.1.1. Kerajaan Negeri telah mengakhiri tahun kewangan 2013 dengan sedikit lebihan sejumlah RM1.30 juta. Lebihan ini berpunca daripada hasil yang diperolehi berjumlah RM833.72 juta berbanding perbelanjaan Kerajaan Negeri berjumlah RM832.42 juta pada tahun 2013. Dengan lebihan ini, baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan telah meningkat menjadi RM826.58 juta pada akhir tahun seperti di **Jadual 4.7**.

Jadual 4.7
Kedudukan Akaun Hasil Disatukan Pada 31 Disember 2013

Butiran	Tahun		Perubahan	
	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	710.81	825.28	114.47	16.1
Hasil	654.55	833.72	179.17	27.4
Perbelanjaan Mengurus	540.08	832.42	292.34	54.1
Lebihan/Kurangan	114.47	1.30	-113.17	-98.9
Baki Pada 31 Disember	825.28	826.58	1.30	0.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.1.2. Analisis perbandingan hasil dan perbelanjaan bagi tahun 2009 hingga 2013 menunjukkan Kerajaan Negeri memperoleh lebihan pada setiap tahun dan pada tahun 2013 adalah merupakan lebihan yang terendah berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya seperti di **Jadual 4.8** dan **Carta 4.4**. Bagaimanapun, baki Akaun Hasil


disatukan Kerajaan Negeri menunjukkan trend meningkat dan baki lebihan terkumpul pada tahun 2013 adalah yang tertinggi.

Jadual 4.8
Kedudukan Akaun Hasil Disatukan Bagi Tahun 2009 hingga 2013

Butiran	Tahun				
	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
Baki Pada 1 Januari	461.61	538.95	572.49	710.81	825.28
Hasil	376.51	410.70	602.89	654.55	833.72
Perbelanjaan Mengurus	299.17	377.16	464.57	540.08	832.42
Lebihan/Kurangan	77.34	33.54	138.32	114.47	1.30
Baki Pada 31 Disember	538.95	572.49	710.81	825.28	826.58

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Carta 4.4
Kedudukan Akaun Hasil Disatukan Bagi Tahun 2009 Hingga 2013



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.2. Hasil

4.4.2.1. Kerajaan Negeri Pulau Pinang memungut 3 jenis hasil yang terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Hasil yang dikutip oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2013 berjumlah RM833.72 juta atau 17.7% melebihi anggaran hasil. Perbandingan anggaran hasil dengan kutipan hasil sebenar bagi tahun 2013 adalah seperti di **Jadual 4.9**.

Jadual 4.9
Kutipan Hasil Sebenar Berbanding Anggaran Yang Diluluskan Bagi Tahun 2013

Bil.	Jenis Hasil	Anggaran Hasil (RM Juta)	Hasil Sebenar (RM Juta)	Perubahan	
				(RM Juta)	(%)
1.	Hasil Cukai	134.72	120.17	-14.55	-10.8
2.	Hasil Bukan Cukai	158.00	511.71	353.71	223.8
3.	Terimaan Bukan Hasil	415.80	201.84	-213.96	-51.5
Jumlah		708.52	833.72	125.20	17.7

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.2.2. Kutipan Hasil Sebenar Tahun 2013 Berbanding Tahun 2012

Hasil yang dikutip oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2013 adalah berjumlah RM833.72 juta iaitu meningkat sejumlah RM179.17 juta atau 27.4% berbanding tahun 2012 yang berjumlah RM654.55 juta. Jumlah kutipan hasil mengikut 3 jenis hasil adalah seperti di **Jadual 4.10**.

Jadual 4.10

Kutipan Hasil Pada Tahun 2013 Berbanding Tahun 2012

Bil.	Jenis Hasil	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Hasil Cukai	116.64	120.17	3.53	3.0
2.	Hasil Bukan Cukai	416.43	511.71	95.28	22.9
3.	Terimaan Bukan Hasil	121.48	201.84	80.36	66.2
Jumlah		654.55	833.72	179.17	27.4

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.2.3. Prestasi Kutipan Hasil Sebenar Bagi Tempoh Lima Tahun


Kutipan hasil oleh Kerajaan Negeri menunjukkan jumlah kutipan hasil bertambah dari setahun ke setahun. Kutipan hasil Negeri pada tahun 2009 ialah sejumlah RM376.51 juta telah meningkat dengan ketara sejumlah RM457.21 juta atau 121.4% menjadi RM833.72 juta pada tahun 2013. Prestasi kutipan hasil Negeri bagi tahun 2009 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 4.11** dan **Carta 4.5**. Kutipan hasil tahun 2013 adalah yang tertinggi dalam tempoh 5 tahun.

Jadual 4.11

Kutipan Hasil Negeri Bagi Tahun 2009 Hingga 2013

Bil.	Jenis Hasil	Tahun				
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
1.	Hasil Cukai	111.94	116.29	118.17	116.64	120.17
2.	Hasil Bukan Cukai	197.91	197.92	212.11	416.43	511.71
3.	Terimaan Bukan Hasil	66.66	96.49	272.61	121.48	201.84
Jumlah		376.51	410.70	602.89	654.55	833.72

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.2.4. Penyumbang Utama Hasil Kerajaan Negeri

Penyumbang utama hasil Kerajaan Negeri adalah terdiri daripada Premium Tanah-Pemberian Hak Milik, Pelbagai Terimaan Dari Lain Agensi Kerajaan, Premium Tanah-Pemberian Milik Bayaran Khas, Cukai Tanah dan Premium Tanah - Tukar Syarat. Butiran ini telah menyumbang sejumlah RM592.70 juta atau 71.1% daripada keseluruhan hasil dalam tahun 2013 berbanding sejumlah RM401.90 juta atau 61.4% dalam tahun 2012 seperti di **Jadual 4.12**. Manakala trend kutipan bagi tempoh 5 tahun dari tahun 2009 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 4.13** dan **Carta 4.6**.

Jadual 4.12
Penyumbang Utama Hasil Kerajaan Negeri Tahun 2013 Berbanding Tahun 2012


Bil.	Jenis Hasil	Tahun	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
1.	Premium Tanah – Pemberian Hak Milik	206.10	210.80
2.	Pelbagai Terimaan Dari Lain Agensi Kerajaan	19.34	129.43
3.	Premium Tanah – Pemberian Milik Bayaran Khas	34.01	107.11
4.	Cukai Tanah	95.78	98.79
5.	Premium Tanah – Tukar Syarat	46.67	46.57
Jumlah		401.90	592.70

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Jadual 4.13**Penyumbang Utama Hasil Negeri Bagi Tahun 2009 Hingga 2013**

Bil.	Jenis Hasil	Tahun				
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
1.	Premium Tanah – Pemberian Hak Milik	54.45	55.98	51.09	206.10	210.80
2.	Pelbagai Terimaan Dari Lain Agensi Kerajaan	5.47	5.22	7.69	19.34	129.43
3.	Premium Tanah - Pemberian Milik Bayaran Khas	11.69	7.30	16.75	34.01	107.11
4.	Cukai Tanah	83.52	92.56	96.86	95.78	98.79
5.	Premium Tanah - Tukar Syarat	24.71	19.94	16.80	46.67	46.57
Jumlah		179.84	181.00	189.19	401.90	592.70

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Carta 4.6
Penyumbang Utama Hasil Negeri Bagi Tahun 2009 Hingga 2013


Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.2.5. Peningkatan Dan Penurunan Hasil Ketara

Analisis Audit seterusnya mendapati pada tahun 2013, sebanyak 53 butiran hasil mengalami peningkatan berjumlah RM219.08 juta manakala 47 butiran hasil mengalami penurunan berjumlah RM40.88 juta. Lima daripada 53 butiran hasil yang telah mencatatkan peningkatan yang ketara pada tahun 2013 berbanding tahun 2012 dan lima daripada 47 butiran hasil yang telah mencatatkan penurunan yang ketara pada tahun 2013 berbanding tahun 2012 adalah seperti di **Jadual 4.14** dan **Jadual 4.15**.

Jadual 4.14

Peningkatan Hasil Yang Ketara Pada Tahun 2013 Berbanding 2012

Bil.	Butiran	Tahun		Perubahan		Punca
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
1.	Pelbagai Terimaan Dari Lain Agensi Kerajaan	19.34	129.43	110.09	569.2	Terimaan terutamanya daripada PDC berjumlah RM125.64 juta untuk pembiayaan bayaran pampasan tanah di Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Selatan.
2.	Premium Tanah-Pemberian Milik Bayaran Khas	34.01	107.11	73.10	214.9	Peningkatan kutipan di Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Selatan kerana jumlah permohonan meningkat terutamanya untuk Projek Industri di Batu Kawan milik PDC. Permohonan diterima pada tahun 2013 adalah sebanyak 28 permohonan berbanding 14 pada tahun 2012.
3.	Bayaran Mengenai Permohonan Tanah	9.34	17.12	7.78	83.3	Kutipan bayaran permohonan tanah bertambah kerana jumlah permohonan telah meningkat.
4.	Premium Tanah-Pemberian Hak Milik	206.10	210.80	4.70	2.3	Premium tanah berjumlah RM117.19 juta bagi milikan tanah Bayan Mutiara.
5.	Faedah Daripada Wang Simpanan Tetap	36.38	40.60	4.22	11.6	Faedah daripada pelaburan simpanan tetap.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Jadual 4.15

Penurunan Hasil Yang Ketara Pada Tahun 2013 Berbanding 2012

Bil.	Butiran	Tahun		Perubahan		Punca
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
1.	Penerimaan Peruntukan Lebihan Daripada Kumpulan Wang Amanah	25.12	1.72	-23.40	-93.2	Peruntukan yang dikhurasukan dalam Akaun Amanah Jabatan Kewangan Negeri untuk sesuatu projek telah dibelanjakan dan hanya mempunyai lebihan yang sedikit untuk dipindahkan ke Akaun Hasil Negeri berbanding tahun 2012.
2.	Bayaran-bayaran Balik Yang Lain	5.69	0.20	-5.49	-96.5	Terimaan pembayaran telah diperakaunkan dalam tahun semasa dan tidak dibawa ke tahun hadapan.
3.	Dividen Saham Syarikat Tersiar Harga	14.48	11.33	-3.15	-21.7	Penurunan terimaan dividen disebabkan pengumuman kadar dividen yang rendah.
4.	Pemberian Pertambahan Hasil	14.09	11.65	-2.44	-17.3	Pemberian Kerajaan Persekutuan kepada negeri-negeri berdasarkan Akta Pertambahan Hasil 1977 dan bergantung kepada kedudukan hasil Kerajaan Persekutuan.
5.	Pemberian Caj Perkhidmatan Projek Persekutuan	10.92	9.14	-1.78	-16.3	Jumlah projek Kerajaan Persekutuan yang dilaksanakan di peringkat negeri berkurangan berbanding tahun sebelumnya.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.3. Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan Mengurus adalah perbelanjaan bagi membiayai aktiviti seharian yang berulang. Perbelanjaan Mengurus terbahagi kepada 2 jenis iaitu Perbelanjaan Tanggungan dan Perbelanjaan Perbekalan. Mengikut Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan, Perbelanjaan Tanggungan adalah perbelanjaan yang dipertanggungkan terus kepada Kumpulanwang Disatukan seperti Gaji dan Elaun Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri, Elaun/Ganjaran/Pencen Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan dan Ahli Dewan Undangan Negeri, Bayaran Balik Pinjaman dan lain-lain bayaran dengan perintah mahkamah. Perbelanjaan Perbekalan pula adalah bagi membiayai aktiviti dan kegiatan harian Jabatan. Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada 5 kategori iaitu Emolumen, Perkhidmatan Dan Bekalan, Aset, Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap dan Perbelanjaan Lain.

4.4.3.1. Perbelanjaan Sebenar Berbanding Anggaran Yang Diluluskan

Pada tahun 2013, perbelanjaan Kerajaan Negeri secara keseluruhannya tidak melebihi 85.8% daripada anggaran yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri. Punca utama pengurangan perbelanjaan berbanding anggaran disebabkan pembiayaan penuh untuk skim perumahan mampu milik yang diluluskan kepada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) masih dalam peringkat awal pelaksanaan. Selain itu, terdapat jawatan-jawatan kosong masih belum diisi, penentuan kadar harga yang kompetitif serta dasar penjimatan yang diterapkan juga telah menyumbang ke arah pengurangan Perbelanjaan Mengurus. Kedudukan Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 2013 berbanding anggaran diluluskan mengikut maksud perbelanjaan adalah seperti di **Jadual 4.16**.

Jadual 4.16
Perbelanjaan Mengurus Berbanding Anggaran Diluluskan Bagi Tahun 2013

Bil.	Butiran	Anggaran Diluluskan (RM Juta)	Perbelanjaan Mengurus (RM Juta)	Peratus (%)
1.	Emolumen	143.76	134.75	93.7
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	117.12	109.12	93.2
3.	Aset	7.54	6.77	89.8
4.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	696.02	578.17	83.1
5.	Perbelanjaan Lain	6.13	3.61	58.9
Jumlah		970.57	832.42	85.8

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.3.2. Perbelanjaan Sebenar Tahun 2013 Berbanding Tahun 2012

Perbelanjaan Kerajaan Negeri secara keseluruhannya meningkat sejumlah RM292.34 juta atau 54.1% iaitu daripada RM540.08 juta pada tahun 2012 menjadi RM832.42 juta pada tahun 2013. Peningkatan perbelanjaan ini adalah berpunca daripada pertambahan pembiayaan untuk program sosial dan kesejahteraan rakyat serta pindahan sejumlah RM200.00 juta ke Kumpulan Wang Pembangunan untuk pembiayaan projek-projek pembangunan yang diperuntukkan di bawah butiran Pemberian Dan Kenaan Bayaran

Tetap. Kedudukan Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri bagi tahun 2012 dan 2013 mengikut pecahan butiran perbelanjaan adalah seperti di **Jadual 4.17**.

Jadual 4.17

Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun 2012 Dan 2013

Bil.	Butiran	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Emolumen	124.65	134.75	10.10	8.1
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	98.38	109.12	10.74	10.9
3.	Aset	3.14	6.77	3.63	115.6
4.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	311.45	578.17	266.72	85.6
5.	Perbelanjaan Lain	2.46	3.61	1.15	46.7
Jumlah		540.08	832.42	292.34	54.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.3.3. Analisis Audit mendapati pada tahun 2013 sebanyak 21 butiran perbelanjaan meningkat sejumlah RM293.93 juta manakala sebanyak 5 butiran perbelanjaan menurun sejumlah RM1.59 juta. Enam daripada 21 butiran perbelanjaan yang meningkat dan 3 daripada 5 butiran perbelanjaan yang menurun dengan ketara melebihi 15% pada tahun 2013 berbanding tahun 2012 adalah seperti di **Jadual 4.18** dan **Jadual 4.19**.

Jadual 4.18

Peningkatan Perbelanjaan Yang Ketara Pada Tahun 2013 Berbanding 2012

Bil.	Butiran	Tahun		Perubahan		Punca
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
1.	Pemberian Dalam Negeri	296.95	554.87	257.92	86.9	Pertambahan pemberian untuk program sosial dan kesejahteraan rakyat berjumlah RM56.15 juta, skim perumahan mampu milik RM117.19 juta serta pindahan RM200 juta ke Kumpulan Wang Pembangunan.
2.	Perkhidmatan Ikhtisas Dan Perkhidmatan Yang Dibeli Dan Hospitaliti	45.01	52.00	6.99	15.5	Kos lantikan pegawai sementara/kontrak/perkhidmatan kawalan keselamatan/kos perubatan, elaun JKKK dan pembiayaan program di bawah portfolio JK MMK yang bertambah.
3.	Tuntutan Insurans Dan Pampasan	3.85	9.52	5.67	147.3	Peningkatan tanggungan yang perlu dijelaskan untuk kes-kes tuntutan Perintah Mahkamah.
4.	Faedah-faedah kewangan yang lain	8.52	12.83	4.31	50.6	Bayaran bantuan khas kewangan kepada anggota perkhidmatan awam.
5.	Ganjaran	0.22	4.29	4.07	1,850.0	Bayaran kepada Anggota Pentadbiran dan ADUN berikutan pembubarannya Dewan Undangan Negeri ke-12.
6.	Kenderaan dan jentera	1.25	4.72	3.47	277.6	Pembelian baru bagi menggantikan kenderaan/jentera yang dilupuskan dan tidak ekonomik untuk dibaiki.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Jadual 4.19**Penurunan Perbelanjaan Yang Ketara Pada Tahun 2013 Berbanding 2012**

Bil.	Butiran	Tahun		Perubahan		Punca
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
1.	Faedah, dividen dan kenaan bayaran hutang negara yang lain	4.18	3.14	-1.04	-24.9	Baki pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan telah berkurangan dan pembayaran yang dijelaskan adalah mengikut anuiti yang ditetapkan.
2.	Pulangan balik dan hapus kira	0.62	0.19	-0.43	-69.4	Penurunan disebabkan kurangnya keperluan untuk pulangan balik hasil.
3.	Bangunan dan pembaikan bangunan	0.11	0.03	-0.08	-72.7	Kerja-kerja pembaikan telah dilaksanakan dalam tahun 2012.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.3.4. Prestasi Perbelanjaan Sebenar Bagi Tempoh Lima Tahun


Kedudukan Perbelanjaan Mengurus mengikut Maksud Perbelanjaan bagi tempoh 2009 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 4.20** dan **Carta 4.7**. Analisis Audit terhadap kedudukan Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 2009 hingga 2013 mendapat Perbelanjaan Mengurus menunjukkan trend yang meningkat pada setiap tahun dalam tempoh 5 tahun. Bagi tempoh tersebut, perbelanjaan Kerajaan Negeri yang terbesar adalah bagi Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap iaitu berjumlah RM1,448.83 juta. Ini diikuti oleh perbelanjaan bagi Emolumen yang berjumlah RM582.82 juta dan Perkhidmatan Dan Bekalan yang berjumlah RM432.47 juta bagi tempoh 5 tahun berkenaan. Perbelanjaan Mengurus tahun 2013 adalah yang tertinggi dalam tempoh 5 tahun. Peningkatan Perbelanjaan Mengurus ini dari tahun ke setahun memberi kesan terhadap lebihan baki Akaun Hasil Disatukan yang pada tahun 2013 telah berkurang sejumlah RM113.17 juta atau 98.9% berbanding tahun sebelumnya.

Jadual 4.20**Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun 2009 Hingga 2013**

Bil.	Butiran	Tahun				
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
1.	Emolumen	101.74	109.03	112.65	124.65	134.75
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	66.02	72.07	86.88	98.38	109.12
3.	Aset	2.72	1.89	3.13	3.14	6.77
4.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	110.39	188.29	260.53	311.45	578.17
5.	Perbelanjaan Lain	18.30	5.88	1.38	2.46	3.61
Jumlah		299.17	377.16	464.57	540.08	832.42

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Carta 4.7
Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun 2009 Hingga 2013



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.3.5. Bayaran Di Bawah Arahan Perbendaharaan 58(a)


- Arahan Perbendaharaan 58(a) memperuntukkan bahawa bayaran terhadap bekalan/perkhidmatan yang telah diterima pada tahun sebelumnya boleh dibuat pada tahun semasa dengan syarat Kementerian/Jabatan mempunyai baki peruntukan yang mencukupi pada tahun di mana bekalan/perkhidmatan diterima dan tiada sebarang keraguan tentang sebab berlaku kelewatan pembayaran tersebut. Semakan Audit mendapati bayaran di bawah AP58(a) pada tahun 2013 meningkat sejumlah RM0.03 juta menjadi RM0.86 juta berbanding RM0.83 juta pada tahun 2012 seperti di **Jadual 4.21**.
- Pembayaran di bawah AP58(a) sebahagian besarnya adalah untuk bayaran Perkhidmatan Ikhtisas Dan Perkhidmatan Lain Yang Dibeli Dan Hospitaliti dengan jumlah RM0.42 juta yang melibatkan 4 jabatan. Selain itu, sejumlah RM0.44 juta merupakan bayaran-bayaran lain yang terdiri daripada Perhubungan Dan Utiliti, Cukai Dan Pelbagai, Ganjaran dan lain-lain bayaran seperti Penyelenggaraan Dan Pembaikan Kecil, Perbelanjaan Perjalanan Dan Sara Hidup, Elaun/Imbuhan Tetap, Pemberian Dalam Negeri, Sewaan dan Bekalan Dan Bahan-Bahan Lain.

Jadual 4.21
Bayaran Di Bawah Arahan Perbendaharaan 58(a) Bagi Tahun 2012 Dan 2013

Bil.	Butiran	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	0.74	0.80	0.06	8.1
2.	Jabatan Kewangan Negeri	0.04	0.01	-0.03	-75.0
3.	Lain - Lain Jabatan	0.05	0.05	0.00	-
Jumlah		0.83	0.86	0.03	3.6

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

- c. Trend pembayaran AP 58 untuk tempoh 5 tahun menunjukkan sedikit menurun pada tahun 2010 dan 2012 tetapi kembali meningkat pada tahun 2013 seperti di **Carta 4.8**.



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.5. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

4.5.1. Akaun Pinjaman Disatukan ditubuhkan selaras dengan Seksyen 7(b), Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun ini digunakan untuk mengakaun pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan dan pindahan penerimaan pinjaman ke Akaun Kumpulan Wang Pembangunan atau Akaun Hasil Disatukan.

4.5.2. Mengikut Penyata Kedudukan Kewangan, baki Akaun Pinjaman Disatukan pada akhir tahun 2013 adalah sifar iaitu sama dengan baki pada akhir tahun 2012. Baki pada akhir tahun 2013 adalah sifar kerana keseluruhan pinjaman yang diterima berjumlah RM3.16 juta telah dipindahkan ke Akaun Kumpulanwang Pembangunan. Kedudukan Akaun Pinjaman Disatukan pada tahun 2012 dan 2013 adalah seperti di **Jadual 4.22**.

Jadual 4.22
Akaun Pinjaman Disatukan Pada Tahun 2012 Dan 2013

Butiran	Tahun		Perubahan	
	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	0.00	0.00	0.00	-
Terimaan	14.69	3.16	-11.53	-78.5
Pindahan	14.69	3.16	-11.53	-78.5
Baki Pada 31 Disember	0.00	0.00	0.00	-

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.6. AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan adalah sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan yang terdiri daripada Kumpulanwang Amanah Kerajaan, Kumpulanwang Amanah Awam dan Akaun Deposit. Akaun ini ditubuhkan mengikut Perkara 99 Perlembagaan Persekutuan dan

Seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan 1957. Semua penerimaan dan pembayaran kumpulan wang ini diuruskan mengikut arahan amanah dan terma-terma arahan amanah tersebut. Pada 31 Disember 2013, baki Kumpulanwang ini mengikut Penyata Kedudukan Kewangan adalah berjumlah RM465.52 juta berbanding RM366.97 juta pada akhir tahun 2012 iaitu meningkat sejumlah RM98.55 juta atau 26.9% seperti di **Jadual 4.23**.

Jadual 4.23

Kedudukan Akaun Amanah Disatukan Bagi Tahun 2013 Berbanding 2012

Bil.	Butiran	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	163.70	237.97	74.27	45.4
	- Kumpulan Wang Pembangunan	45.67	85.80	40.13	87.9
	- Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	118.03	152.17	34.14	28.9
2.	Kumpulan Wang Amanah Awam	112.87	145.60	32.73	29.0
3.	Akaun Deposit	90.40	81.95	-8.45	-9.3
Jumlah		366.97	465.52	98.55	26.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.6.1. Kumpulanwang Amanah Kerajaan

4.6.1.1. Wang dalam Kumpulanwang Amanah Kerajaan ini terdiri daripada Kumpulanwang Pembangunan dan Pelbagai Kumpulanwang Amanah Kerajaan. Kumpulanwang Amanah Kerajaan ditubuhkan di bawah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 bagi mengakaunkan terimaan daripada peruntukan Kerajaan dan bayaran bagi maksud tertentu.

4.6.1.2. Baki Kumpulanwang Amanah Kerajaan pada akhir tahun 2013 adalah berjumlah RM237.97 juta meningkat sejumlah RM74.27 juta atau 45.4% berbanding pada akhir tahun 2012 berjumlah RM163.70 juta.

4.6.1.3. Semakan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri sehingga tahun 2013 mendapati 5 akaun amanah tidak bergerak antara 6 hingga 12 tahun. Kedudukan akaun amanah tersebut adalah seperti di **Jadual 4.24**.

Jadual 4.24

Akaun Amanah Yang Tidak Bergerak

Bil.	Butiran	Baki (RM)	Tidak Bergerak Mulai (Tahun)	Tempoh (Tahun)
1.	Kumpulanwang Amanah Belanja Mengejut (Kumpulanwang Luar Jangka)	400,000	2002	12
2.	Akaun Amanah Pengurusan Krisis Negeri	4,000,000	2004	10
3.	Akaun Kira-kira Worksyop JKR	272,000	2004	10
4.	Akaun Stor Tak Beruntuk	90,000	2007	7
5.	Akaun Stor Tak Beruntuk JKR	14,044	2008	6

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.6.2. Kumpulanwang Pembangunan

4.6.2.1. Kumpulanwang Pembangunan diwujudkan mengikut Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966 (Akta 70). Punca kewangan bagi Kumpulanwang ini terdiri daripada caruman Akaun Hasil, Terimaan Pemberian dan Pinjaman Daripada Kerajaan Persekutuan dan juga Terimaan Bayaran Balik Pinjaman daripada Agensi Kerajaan Negeri. Wang dalam Kumpulanwang ini hanya boleh dibelanjakan untuk maksud seperti yang ditentukan dalam Akta tersebut.

4.6.2.2. Pada akhir tahun 2013, Kumpulanwang Pembangunan mencatat lebih sejumlah RM40.13 juta berbanding kurangan sejumlah RM54.19 juta pada tahun 2012. Baki terkumpul Kumpulanwang Pembangunan pada akhir tahun 2013 meningkat menjadi RM85.80 juta atau 87.9% berbanding RM45.67 juta pada tahun 2012 akibat daripada peningkatan pindahan lebih hasil dari Akaun Hasil Disatukan iaitu sejumlah RM200.00 juta pada tahun 2013 berbanding sejumlah RM70.00 juta pada tahun 2012. Sementara itu, perbelanjaan bagi 9 jabatan meningkat sejumlah RM30.33 juta daripada RM181.53 juta pada tahun 2012 menjadi RM211.86 juta pada tahun 2013. Kedudukan Kumpulan Wang Pembangunan tersebut adalah seperti di **Jadual 4.25**.

Jadual 4.25
Kedudukan Kumpulan Wang Pembangunan Bagi Tahun 2012 dan 2013

Butiran	Tahun		Perubahan	
	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	99.86	45.67	-54.19	-54.3
Terimaan	127.34	251.99	124.65	97.9
Bayaran	181.53	211.86	30.33	16.7
Lebihan/Kurangan	-54.19	40.13	94.32	174.1
Baki Pada 31 Disember	45.67	85.80	40.13	87.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.6.2.3. Analisis Peningkatan Dan Penurunan Perbelanjaan Pembangunan Yang Ketara

Analisis Audit terhadap perbandingan perbelanjaan pembangunan tahun 2013 dengan tahun 2012 mendapat 10 butiran perbelanjaan telah menunjukkan peningkatan dan penurunan yang ketara seperti di **Jadual 4.26** dan **Jadual 4.27**. Perbelanjaan Pembangunan Negeri dibiayai oleh caruman daripada Akaun Hasil Disatukan berjumlah RM200.00 juta, Pindahan dari Akaun Pinjaman Disatukan berjumlah RM3.16 juta dan Terimaan Lain-lain berjumlah RM48.83 juta.

Jadual 4.26

Peningkatan Perbelanjaan Pembangunan Yang Ketara Pada Tahun 2013 Berbanding 2012

Bil.	Butiran	Tahun		Perubahan		Punca
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
1.	Projek Pembangunan/Khas Pihak Berkuasa Negeri (Jabatan Kewangan Negeri)	0.00	53.65	53.65	-	Pada tahun 2013 di bawah butiran 04 telah diperuntukkan sebanyak RM50 juta untuk Program YES! HAPPY iaitu untuk menyumbang pembiayaan 10% atau 30% bagi projek-projek perumahan swasta yang diluluskan di bawah Program Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP-1Malaysia) dan RM45 juta untuk membiayai projek-projek pembinaan jalan dan jambatan.
2.	Pengambilan Tanah (Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri)	12.38	20.50	8.12	65.6	Peningkatan berlaku kerana pembayaran bagi 8 kes pengambilan tanah.
3.	Jalan-Jalan Kerajaan Negeri (Jabatan Kerja Raya)	6.83	14.92	8.09	118.4	Projek tahun lalu yang tidak dapat dilaksanakan kerana masalah setinggan dan masalah tapak. Pada tahun 2013 semua projek dalam tahun semasa dapat dijalankan sepenuhnya.
4.	Projek Bekalan Air (Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri)	1.00	6.15	5.15	515.0	Pengeluaran baki pinjaman sebanyak RM6.15 juta daripada Kerajaan Negeri bagi membiayai Program Mengurangkan Kadar Kehilangan Air Tidak Terhasil (NRW) kepada Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang.
5.	Kemajuan Bukit Bendera (Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri)	4.89	7.02	2.13	43.6	Kebanyakan projek tahun 2012 tidak dapat disiapkan kerana masalah cerun dan kelewatan keputusan perolehan (tender). Projek-projek tersebut disambung pada tahun 2013.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Jadual 4.27

Penurunan Perbelanjaan Pembangunan Yang Ketara Pada Tahun 2013 Berbanding 2012

Bil.	Butiran	Tahun		Perubahan		Punca
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
1.	Pinjaman Kepada Pihak Berkuasa Tempatan (Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri)	25.00	0.00	-25.00	-100.0	Tiada pinjaman baru dikeluarkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan.
2.	Memperbaiki Jambatan-Jambatan Dan Jalan-Jalan Kerajaan Negeri (Jabatan Kerja Raya)	18.96	15.03	-3.93	-20.7	Peruntukan yang diterima berkurang berbanding tahun sebelumnya.
3.	Pinjaman Kepada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri)	3.85	0.00	-3.85	-100.0	Tiada pinjaman baru dikeluarkan kepada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang.

Bil.	Butiran	Tahun		Perubahan		Punca
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
4.	Rancangan Perumahan Murah (Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri)	12.11	9.01	-3.10	-25.6	Peruntukan yang diterima berkurang berbanding tahun sebelumnya.
5.	Bangunan-Bangunan Kerajaan Baru (Jabatan Kerja Raya)	2.05	0.18	-1.87	-91.2	Pada tahun 2013, pembayaran hanya untuk kerja sambungan bagi 2 projek yang telah dilaksanakan pada tahun 2012.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.6.3. Pelbagai Kumpulanwang Amanah Kerajaan

Kumpulanwang ini ditubuhkan di bawah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 melalui resolusi Dewan Undangan Negeri. Wang dalam Kumpulanwang ini hanya boleh digunakan bagi maksud ia ditubuhkan. Baki Kumpulanwang Amanah Kerajaan yang terdiri daripada 63 akaun pada akhir tahun 2013 meningkat sejumlah RM34.14 juta atau 28.9% menjadi RM152.17 juta berbanding tahun 2012 berjumlah RM118.03 juta. Peningkatan baki yang ketara melibatkan Kumpulanwang Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri berjumlah RM27.85 juta dan Kumpulanwang Bantuan Wang TYT berjumlah RM2.31 juta. Selain itu, terdapat peningkatan pada tahun 2013 bagi baki Tabung Amanah Pinjaman Penuntut berjumlah RM2.10 juta, Kumpulanwang Amanah Pelaburan Negeri berjumlah RM1.00 juta dan Akaun Amanah Jawatankuasa Tapak Pesta berjumlah RM0.78 juta.

4.6.3.1. Kumpulanwang Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri

Kumpulanwang Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri ditubuhkan untuk memperakaunkan peruntukan geran pemberian Kerajaan Persekutuan bagi membayai penyenggaraan jalan raya negeri yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya dan Pihak Berkuasa Tempatan. Pegawai Pengawal bagi Akaun Amanah ini ialah Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang. Pada tahun 2013, panjang jalan raya negeri yang disenggara oleh Jabatan Kerja Raya adalah 1,666.14 kilometer manakala jalan raya negeri yang disenggara oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan Jabatan Pengairan Dan Saliran, masing-masing sepanjang 1,059.78 kilometer dan 983.17 kilometer. Baki Kumpulanwang ini pada akhir tahun 2013 adalah berjumlah RM50.47 juta iaitu meningkat sejumlah RM27.85 juta atau 123.1% berbanding RM22.62 juta pada akhir tahun 2012. Peningkatan pada tahun 2013 disebabkan oleh peruntukan tambahan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan berikutan bertambahnya pendaftaran jalan di dalam sistem MARRIS. Kedudukan perbelanjaan Kumpulanwang ini bagi tempoh 2009 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 4.28**.

Jadual 4.28

**Baki Kumpulanwang Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri
Bagi Tahun 2009 Hingga 2013**

Tahun	Baki Pada 1 Januari (RM Juta)	Terimaan Daripada Kerajaan Persekutuan (RM Juta)	Perbelanjaan Semasa (RM Juta)	Baki Pada 31 Disember (RM Juta)	Penggunaan (%)
2009	9.70	51.37	40.23	20.84	78.3
2010	20.84	57.30	49.76	28.38	86.8
2011	28.38	59.90	65.04	23.24	108.6
2012	23.24	65.98	66.60	22.62	100.9
2013	22.62	84.59	56.74	50.47	67.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.6.3.2. Tabung Amanah Pinjaman Penuntut

Tabung Amanah Pinjaman Penuntut ini diwujudkan pada tahun 1970 bertujuan untuk memberi pinjaman pendidikan tinggi kepada warganegara Malaysia yang lahir atau menerima sebahagian daripada pelajaran mereka di Pulau Pinang. Pegawai Pengawal Kumpulanwang Amanah ini ialah Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Baki Kumpulanwang ini pada akhir tahun 2013 adalah berjumlah RM33.70 juta iaitu peningkatan sejumlah RM2.10 juta atau 6.6% berbanding RM31.60 juta pada akhir tahun 2012. Peningkatan pada tahun 2013 disebabkan penambahan peruntukan tahunan daripada Kerajaan Negeri sebanyak RM0.50 juta.

4.6.3.3. Akaun Kena Bayar

Akaun Kena Bayar diwujudkan bagi menyelesaikan tanggungan Kerajaan Negeri kepada pembekal barang dan perkhidmatan yang diperoleh oleh Kerajaan sehingga 31 Disember sesuatu tahun dan bayarannya dibuat pada bulan Januari tahun berikutnya. Pada tahun 2013, jumlah Akaun Kena Bayar telah meningkat sejumlah RM3.37 juta atau 25.3% menjadi RM16.69 juta berbanding RM13.32 juta pada tahun 2012. Pada tahun 2013, semua 20 Jabatan di Pulau Pinang ada membuat pembayaran di bawah Akaun Kena Bayar. Empat daripada 20 Jabatan yang menunjukkan jumlah bayaran Akaun Kena Bayar tertinggi ialah Pejabat Daerah dan Tanah, Daerah Timur Laut berjumlah RM4.96 juta atau 29.7%, Jabatan Kerja Raya berjumlah RM4.86 juta atau 29.1%, Pejabat Ketua Menteri Dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri berjumlah RM3.53 juta atau 21.2% dan Jabatan Kewangan Negeri berjumlah RM1.86 juta atau 11.1%. Peningkatan Akaun Kena Bayar pada tahun 2013 adalah disebabkan bayaran ke atas Pengambilan Balik Tanah Lot 702-703 Bandar Georgetown, Daerah Timur Laut yang hanya boleh dibuat setelah perintah dikeluarkan pada lewat bulan Disember 2013 dan bayaran kemajuan projek Jalan Song Ban Kheng di mana tuntutan bayaran adalah mengikut kemajuan projek.

4.6.3.4. Akaun Penyelesaian Cek Terbatal

Akaun ini bertujuan untuk mengakaunkan cek terbatal iaitu cek yang tamat tempoh sah laku kerana tidak ditunaikan oleh penerima dalam tempoh 3 bulan selepas ia dikeluarkan. Pegawai Pengawal bagi Akaun Amanah ini ialah Pegawai Kewangan Negeri Pulau Pinang. Baki Akaun ini pada akhir tahun 2013 adalah berjumlah RM0.79 juta menurun sejumlah RM0.04 juta atau 4.8% berbanding pada akhir tahun 2012 sejumlah RM0.83 juta. Penurunan baki Akaun ini adalah kerana cek terbatal yang diterima pada tahun 2013 adalah berjumlah RM11.24 juta berbanding dengan cek gantian yang berjumlah RM11.28 juta.

4.6.4. Kumpulanwang Amanah Awam

Kumpulanwang ini ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 untuk mengakaunkan sumbangan wang daripada orang perseorangan dan/atau organisasi kepada Kerajaan Negeri bagi tujuan tertentu. Pada akhir tahun 2013, baki Kumpulanwang Amanah Awam yang terdiri daripada 18 akaun adalah berjumlah RM145.60 juta meningkat sejumlah RM32.73 juta atau 29.0% berbanding RM112.87 juta pada akhir tahun 2012. Peningkatan ketara melibatkan Akaun Amanah Penyelenggaraan Rumah-Rumah Pangsa, Akaun Amanah Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang, Akaun Amanah Pelbagai JKR Negeri Pulau Pinang, Akaun Amanah Pelbagai Bagi Projek Perumahan Awam Kos Rendah dan Akaun Amanah Perumahan Bumiputera Pulau Pinang. Pada tahun 2013, Akaun Amanah ePerolehan dan Akaun Amanah Pusat Warisan telah ditutup.

4.6.4.1. Akaun Amanah Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang

Akaun Amanah ini ditubuhkan pada bulan Ogos 2011 dengan tujuan memperakaunkan peruntukan yang disalurkan kepada Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang oleh pihak Persekutuan, Badan Berkanun, Agensi, Syarikat dan terimaan lain untuk digunakan bagi membiayai pelaksanaan projek, program dan aktiviti yang khusus selaras dengan tujuan peruntukan dan terimaan yang disalurkan. Pegawai Pengawal bagi akaun ini ialah Pegawai Kewangan Negeri Pulau Pinang. Pada tahun 2013, baki Akaun ini adalah RM19.19 juta meningkat sejumlah RM13.29 juta atau 225.2% berbanding RM5.90 juta pada tahun 2012. Peningkatan ketara baki Akaun ini adalah disebabkan pelarasan bagi terimaan untuk membiayai projek menaik taraf *Penang Institute* yang sebelum ini dikenali sebagai *Socio-Economic And Environmental Research* (SERI) iaitu sebuah badan pemikir Kerajaan Negeri berjumlah RM4.00 juta, pelarasan bagi membiayai tuntutan bayaran kedua mengikut keputusan Mahkamah Rayuan Malaysia berjumlah RM4.71 juta dan pembiayaan pengambilan tanah di Daerah Barat Daya yang berjumlah RM4.75 juta.

4.6.4.2. Akaun Amanah Perumahan Bumiputera Pulau Pinang

Akaun Amanah ini ditubuhkan pada bulan September 2009 dengan tujuan untuk mengakaunkan bayaran sumbangan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan, pemaju atau pihak lain untuk membolehkan Kerajaan Negeri melaksanakan aktiviti atau program yang berkaitan dengan pembelian atau pembangunan tanah, rumah, ruang komersial atau hartanah lain untuk manfaat penduduk Bumiputera. Pegawai Pengawal bagi Akaun Amanah ini ialah Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Pada tahun 2013, baki akaun amanah ini ialah RM53.90 juta iaitu meningkat sejumlah RM12.70 juta atau 30.8% berbanding RM41.20 juta pada tahun 2012. Peningkatan ini adalah disebabkan terimaan daripada pemaju perumahan untuk bayaran pelepasan kuota bumiputera bagi 55 projek perumahan pada tahun 2013. Setakat 31 Disember 2013, tiada perbelanjaan dilakukan daripada akaun ini. Semua terimaan yang terdapat dalam akaun ini dikumpulkan untuk pelaksanaan Projek Perumahan Mampu Milik Kerajaan Negeri di Jalan S.P. Chelliah dan Bandar Cassia, Batu Kawan. Pelancaran galeri jualan rumah mampu milik di Bandar Cassia, Batu Kawan dijadualkan pada bulan Jun 2014.

4.6.4.3. Akaun Amanah Pelbagai Projek Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR)

Akaun Amanah ini ditubuhkan pada Julai 2007 dengan tujuan untuk membolehkan Kerajaan Negeri melaksanakan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan perumahan seperti pembelian dan pengambilan balik tanah bagi mendirikan rumah kos rendah dan kos rendah sederhana, membangunkan tapak dengan menyediakan infrastruktur, memberi pendahuluan kepada kontraktor tempatan yang terlibat dan bayaran penempatan semula setinggan. Pegawai Pengawal bagi Akaun Amanah ini ialah Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Pada tahun 2013, baki Akaun Amanah ini ialah RM18.40 juta iaitu meningkat sejumlah RM6.96 juta atau 60.8% berbanding RM11.44 juta pada tahun 2012. Peningkatan Akaun ini adalah disebabkan hasil jualan rumah projek penswastaan Unit Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri (SSI) iaitu Sri Saujana dan Ampang Jajar. Selain itu, bayaran gantian penyediaan rumah kos rendah juga diterima daripada pemaju.

4.6.5. Akaun Deposit

4.6.5.1. Deposit merupakan wang yang diterima oleh sesebuah Jabatan bagi sesuatu maksud mengikut undang-undang atau syarat tertentu dan perlu dikembalikan sebaik sahaja selesai maksudnya. Pengurusan akaun deposit adalah dikawal mengikut Arahan Perbendaharaan 156 hingga 163 yang juga menghendaki Pegawai Pengawal bertanggungjawab terhadap penyelenggaraan akaun deposit di bawah jagaannya.

4.6.5.2. Pada tahun 2013, baki deposit telah menurun sejumlah RM8.45 juta atau 9.3% menjadi RM81.95 juta berbanding tahun 2012 yang berjumlah RM90.40 juta. Analisis penurunan mendapati baki Akaun Deposit Pejabat Tanah Seberang Perai Tengah pada

tahun 2013 menunjukkan penurunan sejumlah RM8.96 juta atau 60.0% kepada RM5.97 juta berbanding RM14.93 juta pada tahun 2012. Mengikut maklum balas yang diterima, usaha-usaha sedang dibuat untuk mengurangkan lagi baki deposit dengan membuat semakan kepada akaun-akaun yang tidak aktif dan boleh ditutup. Kedudukan baki Akaun Deposit bagi tempoh 5 tahun adalah seperti di **Jadual 4.29** dan **Carta 4.9**.


Jadual 4.29

Kedudukan Akaun Deposit Bagi Tahun 2009 Hingga 2013

Butiran	Tahun				
	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
Deposit Am	203.40	287.14	76.68	90.40	81.95

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Carta 4.9
Kedudukan Baki Akaun Deposit Bagi Tahun 2009 Hingga 2013



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.6.5.3. Pada akhir tahun 2013, Kerajaan Negeri mempunyai 150 akaun deposit berbaki RM81.95 juta yang diselenggarakan oleh 19 Jabatan. Semakan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri mendapati 5 akaun deposit tidak bergerak antara 5 hingga 12 tahun. Kedudukan akaun deposit tersebut adalah seperti di **Jadual 4.30**.

Jadual 4.30

Akaun Deposit Yang Tidak Bergerak

Bil.	Butiran	Baki Deposit (RM)	Tidak Bergerak Mulai (Tahun)	Tempoh (Tahun)
1.	Tawaran Pertaruhan Pejabat Haiwan Pulau Pinang	553.00	2002	12
2.	Pengadilan Sewa Pulau Pinang	3,484.00	2002	12
3.	Kira-kira Cagaran Perancang Bandar & Desa Kajian MPPP/MPSP	838.00	2005	9
4.	Akaun Amanah Sagu hati Pegawai-pegawai Masjid	400.00	2008	6
5.	PAKR Infrastruktur	103,608.00	2009	5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.7. PENYATA PRESTASI KEWANGAN

4.7.1. Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan lebihan atau kurangan hasil keseluruhan berbanding jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta sumber pembiayaannya. Penyata ini juga menunjukkan pergerakan dana bagi Pinjaman Dalam Negeri, Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan serta Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah.

4.7.2. Pada tahun 2013, Penyata Prestasi Kewangan mencatatkan kurangan sejumlah RM10.56 juta berbanding lebihan RM2.94 juta pada tahun 2012 iaitu menurun sejumlah RM13.50 juta atau 459.2%. Hasil Kerajaan Negeri berjumlah RM833.72 juta manakala perbelanjaan mengurus berjumlah RM632.42 juta (tidak termasuk pindahan ke dalam Kumpulan Wang Pembangunan berjumlah RM200.00 juta). Hasil Kerajaan Negeri meningkat sejumlah RM179.17 juta atau 27.4% menjadi RM833.72 juta berbanding RM654.55 juta pada tahun 2012. Perbelanjaan mengurus berjumlah RM632.42 juta, meningkat RM162.34 juta atau 34.5% berbanding RM470.08 juta pada tahun 2012 manakala perbelanjaan pembangunan turut meningkat sejumlah RM30.33 juta atau 16.7% menjadi RM211.86 juta berbanding RM181.53 juta pada tahun 2012. Kedudukan Penyata Prestasi Kewangan pada tahun 2012 dan 2013 adalah seperti di **Jadual 4.31**.

Jadual 4.31

Kedudukan Penyata Prestasi Kewangan Pada Tahun 2012 Dan 2013

Butiran	Tahun		Perubahan	
	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Hasil	654.55	833.72	179.17	27.4
<i>Tolak :</i>				
Perbelanjaan Mengurus	470.08	632.42	162.34	34.5
Perbelanjaan Pembangunan	181.53	211.86	30.33	16.7
Lebihan/Kurangan	2.94	-10.56	-13.50	459.2
<i>Kurangan Dibiayai Oleh:</i>				
Pinjaman	14.69	3.16	-11.53	-78.5
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan	42.65	48.82	6.17	14.5
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah	-60.28	-41.42	18.86	31.3
Jumlah	-2.94	10.56	13.50	-459.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.8. PENYATA AKAUN MEMORANDUM

Aset dan tanggungan Kerajaan Negeri yang tidak dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan ditunjukkan di bawah Penyata Akaun Memorandum.

4.8.1. Pinjaman Boleh Dituntut

4.8.1.1. Pinjaman Boleh Dituntut adalah baki pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Agensi dan Syarikat. Sumber pinjaman tersebut diperoleh oleh Kerajaan Negeri atau menerusi pinjaman dari

Kerajaan Persekutuan. Pada akhir tahun 2013, baki Pinjaman Boleh Dituntut meningkat sedikit sejumlah RM2.57 juta atau 2.1% menjadi RM122.20 juta pada tahun 2013 berbanding RM119.63 juta pada tahun 2012. Pada tahun 2013, tiada pinjaman baru dikeluarkan. Kedudukan baki Pinjaman Boleh Dituntut pada tahun 2012 dan 2013 adalah seperti di **Jadual 4.32**.

Jadual 4.32

Baki Pinjaman Boleh Dituntut Bagi Tahun 2012 Dan 2013

Bil.	Agensi/Pinjaman	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Badan Berkanun	6.00	5.60	-0.40	-6.7
2.	Pihak Berkuasa Tempatan	67.45	64.27	-3.18	-4.7
3.	Agensi	13.00	19.15	6.15	47.3
4.	Syarikat	33.18	33.18	0.00	-
Jumlah		119.63	122.20	2.57	2.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri


4.8.1.2. Kedudukan baki Pinjaman Boleh Dituntut bagi tahun 2009 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 4.33** dan **Carta 4.10**. Kedudukan baki Pinjaman Boleh Dituntut bagi tahun 2009 hingga 2013 menunjukkan kenaikan setiap tahun kecuali pada tahun 2011. Peningkatan pada tahun 2013 disebabkan oleh baki pinjaman yang dikeluarkan kepada Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd sejumlah RM6.15 juta. Baki pinjaman yang diberikan kepada Jelutong Development Sdn. Bhd. tidak berubah semenjak tahun 2009 kerana mengikut perjanjian, bayaran balik kepada Kerajaan Negeri akan dibuat secara berperingkat iaitu 36 bulan dan bayaran balik akan dibuat setelah kesemua tiga fasa pembinaan lebuh raya siap sepenuhnya. Setakat 31 Disember 2013, pembinaan lebuh raya adalah dalam fasa ketiga dan dijangka siap pada bulan Oktober 2015. Bagi pinjaman yang diberikan kepada Majlis Perbandaran Pulau Pinang, baki pinjaman sejumlah RM2.61 juta bagi maksud Projek Pembentungan Najis Negeri Pulau Pinang tidak bergerak bagi tempoh 5 tahun kerana projek berkenaan telah diambil alih oleh Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. Kerajaan Persekutuan telah memberi kelulusan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menghentikan bayaran balik pinjaman bagi projek tersebut. Baki pinjaman boleh tuntut tahun 2013 adalah yang tertinggi dalam tempoh 5 tahun. Pada akhir tahun 2013, tiada tunggakan bayaran balik bagi Pinjaman Boleh Dituntut kepada Kerajaan Negeri.

Jadual 4.33

Baki Pinjaman Boleh Dituntut Bagi Tahun 2009 Hingga 2013

Bil.	Agensi	Tahun				
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
1.	Badan Berkanun	-	-	2.15	6.00	5.60
2.	Pihak Berkuasa Tempatan	2.61	12.61	43.95	67.45	64.27
3.	Agensi	78.34	72.66	-	13.00	19.15
4.	Syarikat	33.18	33.18	33.18	33.18	33.18
Jumlah		114.13	118.45	79.28	119.63	122.20

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Carta 4.10**Kedudukan Baki Pinjaman Boleh Dituntut Bagi Tahun 2009 Hingga 2013**

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.8.2. Pelaburan

4.8.2.1. Pelaburan adalah pegangan ekuiti dalam Badan Berkanun, saham dalam syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia dan saham dalam syarikat berkaitan Kerajaan serta syarikat-syarikat lain. Ini termasuk modal pelaburan melalui Pengurus Dana yang dilantik oleh Kerajaan Negeri.

4.8.2.2. Pada tahun 2013, pelaburan Kerajaan Negeri berjumlah RM239.07 juta berbanding RM240.61 juta pada tahun 2012 iaitu menurun sedikit sejumlah RM1.54 juta atau 0.6% seperti di **Jadual 4.34**. Pelaburan ini terdiri daripada RM37.96 juta pelaburan saham melalui pengurus dana, pelaburan saham Maxis Berhad dan Astro Berhad berjumlah RM25.25 juta dan RM3.03 juta masing-masingnya dan pelaburan ekuiti Kerajaan Negeri dalam PBA Holdings Berhad berjumlah RM172.83 juta. Bagi pelaburan melalui pengurus dana, nilai pasaran pelaburan adalah berjumlah RM40.47 juta iaitu RM2.51 juta atau 6.6% lebih tinggi daripada nilai kos pelaburan yang berjumlah RM37.96 juta. Pada tahun 2013, sejumlah RM13.91 juta dividen dan keuntungan diterima hasil daripada pelaburan tersebut.

Jadual 4.34**Pelaburan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2012 Dan 2013**

Bil.	Jenis Pelaburan	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Pelaburan Pengurus Dana (Nilai Buku)	39.50	37.96	-1.54	-3.9
2.	Maxis Berhad	25.25	25.25	-	-
3.	Astro Berhad	3.03	3.03	-	-
4.	Pelaburan (Ekuiti)	172.83	172.83	-	-
Jumlah		240.61	239.07	-1.54	-0.6

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.8.2.3. Kedudukan pelaburan Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2009 hingga 2013 menunjukkan sedikit peningkatan sejumlah RM1.40 juta atau 0.6% dalam tempoh 5 tahun seperti di **Jadual 4.35**. Pelaburan pada tahun 2012 adalah yang tertinggi dalam tempoh 5 tahun.

Jadual 4.35
Pelaburan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2009 Hingga 2013

Bil.	Jenis Pelaburan	Tahun				
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
1.	Pelaburan Pengurus Dana (Nilai Buku)	39.59	40.59	36.32	39.50	37.96
2.	Maxis Berhad	25.25	25.25	25.25	25.25	25.25
3.	Astro Berhad	-	-	-	3.03	3.03
4.	Pelaburan (Ekuiti)	172.83	172.83	172.83	172.83	172.83
Jumlah		237.67	238.67	234.40	240.61	239.07

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.8.2.4. Tiga syarikat telah dilantik oleh Kerajaan Negeri sebagai Pengurus Dana bagi mengendali, mengurus pelaburan dan membeli saham-saham di Bursa Malaysia. Kerajaan Negeri melalui Unit Pelaburan Jabatan Kewangan Negeri memantau pelaburan yang dibuat oleh Pengurus Dana melalui laporan bulanan. Selain itu pada tahun 2013, sebanyak 4 mesyuarat dengan Pengurus Dana telah diadakan bagi membincang prestasi Pengurus Dana. Kadar caj yang dikenakan oleh Pengurus Dana ialah antara 0.225% hingga 0.25% berdasarkan purata nilai semasa *portfolio* bagi tempoh 3 bulan. Pada tahun 2013, jumlah yuran pengurusan yang dibayar kepada Pengurus Dana adalah sejumlah RM0.10 juta berbanding RM0.11 juta pada tahun 2012 manakala dividen dan keuntungan yang diterima pada tahun 2013 berjumlah RM5.00 juta berbanding RM3.36 juta pada tahun 2012 iaitu meningkat sejumlah RM1.64 juta atau 48.8% seperti di **Jadual 4.36**.

Jadual 4.36
Dividen Dan Keuntungan Diterima Berbanding Yuran Pengurusan Bagi Tahun 2013 Dan 2012

Bil.	Butiran	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Dividen Diterima	1.06	1.00	-0.06	5.7
2.	Keuntungan Diterima	2.30	4.00	1.70	73.9
Jumlah Dividen Dan Keuntungan		3.36	5.00	1.64	48.8
3.	Bayaran Yuran Pengurusan	0.11	0.10	-0.01	-9.1

Sumber: Jabatan Kewangan Negeri

4.8.3. Hutang Awam

4.8.3.1. Kerajaan Negeri Pulau Pinang dari semasa ke semasa menerima pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan bagi membiayai projek pembangunannya. Semua pinjaman yang diterima pada tahun 2013 sejumlah RM3.16 juta telah dipindahkan ke Akaun Kumpulanwang Pembangunan sebelum diagihkan. Kedudukan Hutang Awam pada tahun 2013 berbanding tahun 2012 adalah seperti di **Jadual 4.37**.

Jadual 4.37**Baki Hutang Awam Pada Tahun 2013 Berbanding 2012**

Bil.	Tujuan Pinjaman	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Membayai Projek Bekalan Air Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd.	16.84	20.00	3.16	18.8
2.	Perumahan Awam Kos Rendah	25.06	23.57	-1.49	-5.9
3.	Membayai Projek Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang- <i>Indoor Archade and Seafood Centre</i> di Batu Kawan	6.00	5.60	-0.40	-6.7
4.	Membayai Projek Majlis Perbandaran Pulau Pinang - Pembentungan Najis	1.33	1.33	0.00	-
Jumlah		49.23	50.50	1.27	2.6

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.8.3.2. Pada akhir tahun 2013, baki Hutang Awam adalah berjumlah RM50.50 juta berbanding sejumlah RM49.23 juta pada tahun 2012, iaitu meningkat sejumlah RM1.27 juta atau 2.6%. Peningkatan hutang ini adalah disebabkan pada tahun 2013 terdapat pengeluaran baki pinjaman membayai Projek Mengurangkan Kadar Kehilangan Air Tidak Berhasil (NRW) daripada Kerajaan Persekutuan sejumlah RM3.16 juta.

4.8.3.3. Pada tahun 2013, jumlah bayaran balik pinjaman Perumahan Awam Kos Rendah yang dibuat oleh Kerajaan Negeri ialah RM2.60 juta (pokok dan faedah). Kedudukan Hutang Awam bagi tahun 2009 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 4.38**. Kedudukan baki hutang bagi tahun 2009 hingga 2013 menunjukkan Hutang Awam dari Kerajaan Persekutuan meningkat disebabkan ada pinjaman baru diterima pada tahun-tahun tersebut dan menurun pada tahun 2011 akibat daripada pengambilalihan pinjaman Projek Bekalan Air oleh PAAB. Kedudukan baki pinjaman Projek Majlis Perbandaran Pulau Pinang untuk Pembentungan Najis sejumlah RM1.33 juta tidak berubah sejak tahun 2004 kerana Kerajaan Persekutuan telah memberi kelulusan kepada Kerajaan Negeri untuk menghentikan bayaran balik pinjaman bagi projek tersebut berikutan dengan pengambilalihan oleh Indah Water Konsortium. Setakat Kerajaan Negeri ini masih menunggu kelulusan Kementerian Kewangan Malaysia untuk menghapus kira baki hutang tersebut. Pada akhir tahun 2013 tiada tunggakan bayaran balik pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan.

Jadual 4.38
Baki Hutang Awam Bagi Tahun 2009 Hingga 2013

Bil.	Tujuan Pinjaman	Tahun				
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
1.	Membayar Projek Bekalan Air Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd.	651.01	655.25	6.00	16.84	20.00
2.	Perumahan Awam Kos Rendah	31.41	29.65	27.24	25.06	23.57
3.	Membayar Projek Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang - <i>Indoor Archade and Seafood Centre</i> di Batu Kawan	0.00	1.56	2.15	6.00	5.60
4.	Membayar Projek Majlis Perbandaran - Pembentungan Najis	1.33	1.33	1.33	1.33	1.33
Jumlah		683.75	687.79	36.72	49.23	50.50

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.8.4. Bayaran Air Mentah

Pada tahun 2011, Kerajaan Negeri telah mengenakan caj Bayaran Air Mentah (*Raw Water Fee*) kepada Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) berdasarkan kadar 3 sen semeter/padu dan jumlah yang dikenakan bagi tempoh 3 tahun pertama iaitu bagi tahun 2011 hingga 2013 adalah sejumlah RM33.85 juta. Pada akhir tahun 2013, baki Bayaran Air Mentah yang perlu dibayar oleh PBAPP adalah sejumlah RM7.67 juta.

4.9. NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Nota Kepada Penyata Kewangan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Ia memberi penerangan dan maklumat terperinci mengenai amaun yang ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan maklumat tambahan lain seperti Akaun Belum Terima, peristiwa yang berlaku selepas tarikh Penyata Kedudukan Kewangan dan angka perbandingan.

4.9.1. Akaun Belum Terima

4.9.1.1. Peraturan mengenai tunggakan hasil dinyatakan dalam Arahan Perpendaharaan 89 yang menghendaki setiap Pegawai Pengawal menghantar penyata mengenai apa-apa hasil yang sepatutnya diterima pada 31 Disember kepada Perpendaharaan Negeri dengan sesalinannya kepada Jabatan Audit Negara. Pekeliling Perpendaharaan Bil. 3 Tahun 2008 juga menjelaskan dasar dan tatacara Akaun Belum Terima di mana tunggakan hasil adalah sebahagian daripadanya.

4.9.1.2. Pada tahun 2013 akaun belum terima Kerajaan Negeri berjumlah RM82.40 juta meningkat sejumlah RM4.10 juta berbanding RM78.30 juta pada tahun 2012 seperti di **Jadual 4.40**.

Jadual 4.40
Akaun Belum Terima Pada Tahun 2013 Berbanding Tahun 2012

Bil.	Jenis Hasil	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Cukai Tanah	57.95	61.45	3.50	6.0
2.	Ansuran/Sewa Rumah Dan Kedai	13.06	13.97	0.91	7.0
3.	Pinjaman Penuntut	7.12	6.82	-0.30	-4.2
4.	Hasil Lain	0.17	0.16	-0.01	-5.9
Jumlah		78.30	82.40	4.10	5.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.9.1.3. Kedudukan hasil belum terima bagi tahun 2009 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 4.41**.

Jadual 4.41
Akaun Belum Terima Bagi Tahun 2009 Hingga 2013

Bil.	Jenis Hasil	Tahun				
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
1.	Cukai Tanah	67.43	57.58	57.30	57.95	61.45
2.	Ansuran/Sewa Rumah Dan Kedai	10.34	11.42	12.53	13.06	13.97
3.	Pinjaman Penuntut	10.66	9.57	7.83	7.12	6.82
4.	Hasil Lain	0.20	0.21	0.18	0.17	0.16
Jumlah		88.63	78.78	77.84	78.30	82.40

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.9.1.4. Analisis Audit mendapati sebahagian besar daripada tunggakan hasil ini merupakan hasil cukai tanah, ansuran/sewa rumah dan kedai serta pinjaman penuntut berjumlah RM82.24 juta atau 99.8% daripada keseluruhan jumlah tunggakan hasil tahun 2013. Semakan Audit mendapati Pejabat Tanah Daerah Timur Laut merupakan penyumbang utama tunggakan hasil cukai tanah iaitu RM21.86 juta dan diikuti oleh Pejabat Tanah Seberang Perai Tengah berjumlah RM18.36 juta serta Pejabat Tanah Seberang Perai Utara berjumlah RM11.21 juta pada tahun 2013.

4.9.1.5. Pada tahun 2013, tunggakan hasil cukai tanah meningkat RM3.50 juta menjadi RM61.45 juta berbanding RM57.95 juta pada tahun 2012. Mengikut maklumat daripada Pejabat Tanah, punca utama peningkatan tunggakan hasil cukai tanah disebabkan oleh data yang tidak kemas kini yang menunjukkan akaun cukai masih aktif walaupun hak milik telah terbatal. Akaun cukai tanah yang tidak mempunyai alamat menyebabkan pemilik tanah tidak dapat dikesan. Selain itu, terdapat pemilik tanah yang masih enggan membayar cukai tanah walaupun pelbagai tindakan telah dilaksanakan oleh Pejabat Tanah.

4.9.1.6. Semakan Audit juga mendapati tunggakan hasil cukai tanah ke atas 4 kes tanah yang dirampas di Daerah Timur Laut berjumlah RM0.10 juta telah dihapus kira pada tahun 2013.

4.10. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

4.10.1. Pada keseluruhannya, analisis Audit mendapati kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada akhir tahun 2013 adalah baik. Pada tahun 2013, Kumpulanwang Disatukan mencatatkan peningkatan berjumlah RM99.85 juta atau 8.4% kepada RM1,292.10 juta berbanding RM1,192.25 juta pada tahun 2012. Baki Akaun Hasil Disatukan pada 31 Disember 2013 telah bertambah sejumlah RM1.30 juta atau 0.2% menjadikannya berjumlah RM826.58 juta berbanding sejumlah RM825.28 juta pada tahun 2012. Hasil yang dikutip pada tahun 2013 telah meningkat sejumlah RM179.17 juta atau 27.4% berbanding tahun 2012 iaitu daripada sejumlah RM654.55 juta menjadi RM833.72 juta. Pelaburan keseluruhan Kerajaan Negeri telah meningkat sejumlah RM97.36 juta atau 6.8% menjadi RM1,522.42 juta pada tahun 2013 berbanding pelaburan keseluruhan sejumlah RM1,425.06 juta pada tahun 2012.

4.10.2. Kerajaan Negeri disyorkan untuk mengekalkan prestasi kutipan hasil dan mengekalkan perbelanjaan berhemat bagi memastikan kedudukan kewangannya baik. Di samping itu, Kerajaan Negeri disyorkan terus berusaha mengutip tunggakan hasil yang berjumlah RM82.40 juta pada akhir tahun 2013 yang terdiri daripada cukai tanah, bayaran balik pinjaman penuntut, ansuran atau sewa rumah dan kedai serta hasil-hasil lain.

BAHAGIAN III

Rancangan Pembangunan Kerajaan Negeri



BAHAGIAN III

RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI

5. PENCAPAIAN PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN RMKe-10

Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) Negeri Pulau Pinang untuk tempoh 5 tahun bermula pada tahun 2011. Rancangan ini digubal bagi menjelaskan strategi, program dan projek yang akan diperkenal dan dilaksanakan untuk mencapai objektif pembangunan Pulau Pinang iaitu untuk mencapai pembangunan mampan dengan jaminan bahawa rakyatnya dapat menikmati urus tadbir yang baik, kualiti hidup yang tinggi dan tahap keperkasaan yang tinggi. Ia adalah signifikan ke arah menggerakkan Negeri Pulau Pinang mencapai status negeri maju pada tahun 2020.

5.1. Pencapaian Perbelanjaan Pembangunan RMKe-10

5.1.1. Jumlah siling peruntukan RMKe-10 bagi tempoh 2011 hingga 2015 adalah sejumlah RM1,412.96 juta telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri untuk membiayai 9,770 projek sepanjang tempoh tersebut seperti di **Jadual 5.1**. Pada tahun 2013, daripada RM363.39 juta yang diperuntukkan kepada 9 jabatan untuk projek pembangunan Negeri Pulau Pinang, sejumlah RM211.86 juta atau 58.3% telah dibelanjakan. Analisis Audit menunjukkan 7 Jabatan iaitu Jabatan Pengairan Dan Saliran, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, Jabatan Perhutanan, Jabatan Taman Botani, Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Pertanian telah membelanjakan antara 90% hingga 100% daripada peruntukan yang diluluskan. Sementara itu, 2 Jabatan lagi iaitu Pejabat Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan Jabatan Kewangan Negeri membelanjakan antara 40% hingga 60%. Prestasi perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2013 adalah seperti di **Jadual 5.2**.

Jadual 5.1
Peruntukan dan Bilangan Projek RMKe-10

Bil.	Jabatan	Peruntukan (RM Juta)	Bil. Projek
1.	Pejabat Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	693.92	307
2.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	61.78	680
3.	Jabatan Perhutanan	5.42	210
4.	Jabatan Taman Botani	5.51	54
5.	Jabatan Kerja Raya	119.52	513
6.	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam	33.47	340
7.	Jabatan Kewangan Negeri	475.40	7532
8.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	6.73	69
9.	Jabatan Pertanian	11.21	65
Jumlah		1,412.96	9,770

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Jadual 5.2**Peruntukan Dan Pencapaian Perbelanjaan Pembangunan RMKe-10 Pada Tahun 2013**

Bil.	Jabatan Pelaksana	Peruntukan Yang Diluluskan Tahun 2013 (RM Juta)	Perbelanjaan Bagi Tahun 2013 (RM Juta)	Pencapaian (%)
1.	Pejabat Ketua Menteri Dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	107.51	63.61	59.2
2.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	16.16	16.00	99.0
3.	Jabatan Perhutanan	2.34	2.31	98.7
4.	Jabatan Taman Botani	1.68	1.58	94.0
5.	Jabatan Kerja Raya	41.60	38.74	93.1
6.	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam	10.22	9.50	93.0
7.	Jabatan Kewangan Negeri	176.70	72.95	41.3
8.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	2.94	2.94	100.0
9.	Jabatan Pertanian	4.24	4.23	99.8
Jumlah		363.39	211.86	58.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

5.1.2. Prestasi perbelanjaan adalah rendah bagi Pejabat Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri disebabkan perkara berikut:

5.1.2.1. Projek pengambilan balik tanah bagi tujuan tapak Hub Pendidikan Fasa 3 bernilai RM26.30 juta telah dibatalkan.

5.1.2.2. Proses pengambilan tanah untuk jalan berkembar Jalan Paya Terubong bernilai RM5.04 juta belum selesai dan bayaran pampasan tidak dapat dijelaskan.

5.1.2.3. Projek Rancangan Perumahan Murah bernilai RM3.45 juta tidak dapat dibelanjakan kerana bergantung pada kemajuan pelaksanaan fizikal projek dan bagi projek Pembaikan Taman Sri Desa, Kampung Besar pula tidak dapat dimulakan kerana masih menunggu laporan IKRAM berkenaan tahap keselamatan rumah-rumah terlibat yang kedudukannya berhampiran dengan projek landasan berkembar.

5.1.2.4. Pembinaan Mahkamah Rendah Syariah Daerah Seberang Perai Tengah bernilai RM6.00 juta tidak dapat dibelanjakan kerana kegagalan kontraktor untuk melaksanakan projek dan kontrak telah ditawarkan semula dalam tahun 2014.

5.1.3. Manakala bagi Jabatan Kewangan Negeri adalah disebabkan perkara berikut:

5.1.3.1. Di bawah butiran 04 telah diperuntukkan sebanyak RM50.00 juta untuk program YES! HAPPY untuk menyumbang pembentangan 10% atau 30% bagi projek-projek perumahan swasta yang diluluskan di bawah program Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP-1Malaysia). Namun hanya 2 projek yang telah diluluskan oleh pihak ICU, JPM dan sumbangan bernilai RM0.05 juta telah disalurkan kepada Perbadanan Pengurusan untuk pembentangan kos pelaksanaan projek.

5.1.3.2. Sebanyak RM45.00 juta telah diperuntukkan untuk membiayai projek-projek pembinaan jalan dan jambatan. Namun perbelanjaan hanya untuk bayaran kos

perunding dan kerja-kerja awalan sahaja kerana isu jajaran dan pengambilan tanah yang belum dapat dimuktamadkan.

5.2. Pencapaian Pelaksanaan Projek Untuk Tempoh RMKe-10

Sepanjang tempoh RMKe-10, sebanyak 3,516 projek telah diluluskan untuk dilaksanakan bagi tahun 2013. Daripada jumlah tersebut, 3,461 projek atau 98.4% telah siap sepenuhnya dan 33 projek atau 0.9% sedang dilaksanakan. Manakala 22 projek atau 0.7% lagi masih belum dimulakan atau ditangguh. Status prestasi pelaksanaan projek RMKe-10 sehingga akhir tahun 2013 adalah seperti di **Jadual 5.3** dan **Carta 5.1** manakala **Jadual 5.4** menunjukkan antara contoh projek yang belum dimulakan/tangguh.

Jadual 5.3


Status Pencapaian Pelaksanaan Projek RMKe-10 Pada Tahun 2013

Bil.	Jabatan/Pejabat	Bilangan Projek Diluluskan (2013)	Projek Siap (2013)	Projek Sedang Dilaksanakan	Projek Belum Mula/ Tangguh
1.	Pejabat Ketua Menteri Dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	252	230	10	12
2.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	270	270	-	-
3.	Jabatan Perhutanan	67	67	-	-
4.	Jabatan Taman Botani	19	19	-	-
5.	Jabatan Kerja Raya	157	135	14	8
6.	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam	118	107	9	2
7.	Jabatan Kewangan Negeri	2,593	2,593	-	-
8.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	22	22	-	-
9.	Jabatan Pertanian	18	18	-	-
Jumlah		3,516	3,461	33	22

Sumber: Rekod Jabatan

Carta 5.1

Status Pencapaian Projek RMKe-10 Sehingga 31 Disember 2013



Sumber: Rekod Jabatan

Jadual 5.4
Antara Lima Projek Yang Belum Dimulakan/Tangguh Pada Tahun 2013

Bil.	Nama Projek	Kos Projek (RM Juta)	Sebab Belum Mula/Tangguh
1.	Cadangan Pengambilan Tanah Lot 77 (GM37) dan Lot 347 (GN 96229) Mukim G Daerah Barat Daya bagi tujuan Tapak Hub Pendidikan Fasa III.	26.30	Cadangan Pengambilan Tanah dibatalkan kerana lokasi projek telah dipindah ke Batu Kawan.
2.	Cadangan Pengambilan Tanah Lot 25 dan 26 Mukim 13 Daerah Timur Laut untuk projek pembinaan sebahagian Jalan Berkembar Jalan Paya Terubung (Jalan Bukit Kukus).	5.04	Dalam proses pewartaan.
3.	Kerja-kerja meroboh dan membina semula Masjid Batu Maung Daerah Barat Daya.	3.78	Projek masih dalam penilaian Lembaga Perolehan Negeri.
4.	Pengambilan Balik Tanah Lot 46, 593 dan 597 Mukim 3 Seberang Perai Tengah untuk tujuan Tapak Dewan Serba guna Kadun Penanti.	2.40	Pewartaan Seksyen 8 telah diperolehi dan menunggu proses perbicaraan.
5.	Merawat kebocoran bumbung dan mengecat semula Bangunan Masjid.	1.30	Mesyuarat Lembaga Pengurusan Masjid Negeri Pulau Pinang telah menangguhkan projek dan akan melaksanakan pada tahun 2014.

Sumber: Rekod Jabatan

5.3. RUMUSAN

Pada keseluruhannya, prestasi pelaksanaan projek-projek di bawah RMKe-10 pada tahun 2013 adalah baik dari segi bilangan projek yang berjaya disiapkan. Daripada 3,516 bilangan projek yang dirancang, sebanyak 3,461 projek atau 98.4% telah berjaya disiapkan. Bagaimanapun prestasi perbelanjaan didapati kurang memuaskan kerana hanya 58.3% atau RM211.86 juta sahaja dibelanjakan daripada RM363.39 juta yang diperuntukkan. Pelaksanaan projek pembangunan yang lancar akan dapat mempertingkatkan lagi taraf hidup rakyat negeri Pulau Pinang.

BAHAGIAN IV

Pencapaian Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri



BAHAGIAN IV

PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN

JABATAN/AGENSI NEGERI

6. PENDAHULUAN

6.1. Seksyen 15(A), Akta Tatacara Kewangan 1957 dan Arahan Perbendaharaan telah menetapkan tugas dan tanggungjawab Pegawai Pengawal di Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri bagi menjamin wujudnya akauntabiliti pengurusan kewangan Kerajaan. Antara lain, Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk menentukan bahawa peruntukan kewangan dan sumber lain yang secukupnya diperoleh, diguna dan diperakaunkan mengikut peraturan kewangan.

6.2. Selaras dengan Perkara 106 dan 107, Perlembagaan Persekutuan serta Akta Audit 1957, setiap tahun Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, pematuhan kepada undang-undang dan peraturan kewangan serta aktiviti Jabatan/Agensi Negeri dan mengemukakan laporan mengenainya untuk dibentangkan di Parlimen dan Dewan Undangan Negeri. Di bawah kriteria pengauditan pematuhan, semakan dibuat untuk menilai sama ada dalam pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri telah mematuhi sepenuhnya undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa.

7. PENAMBAHBAIKAN PENGURUSAN KEWANGAN OLEH JABATAN/AGENSI NEGERI

Pada tahun 2013, beberapa usaha yang berterusan telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri. Antara langkah yang diambil adalah seperti berikut:

7.1. Memastikan hasil cukai hiburan dikutip secara maksimum dengan menguatkuaskan Akta Cukai Hiburan 1953. Seiring dengan penamatan pengecualian duti hiburan bagi taman tema mulai 2 Januari 2014, akan diteliti semula pelepasan cukai yang diberikan kepada pengusaha-pengusaha yang mengisytiharkan aktiviti pelancongan yang diusahakan sebagai taman tema supaya duti hiburan dapat dikutip;

7.2. Melaksanakan fi ke atas hotel-hotel di Pulau Pinang di mana kutipan akan digunakan untuk membayai aktiviti pelancongan;

7.3. Melaksana operasi bersepadu bagi mengutip hasil cukai tanah dan menyelaras aktiviti mengurangkan tunggakan cukai tanah;

7.4. Menggunakan Sistem Cukai Taksiran yang lebih menyeluruh iaitu Sistem Kutipan Dan Cukai Taksiran menggantikan 3 sistem lama yang sedia ada;

7.5. Memperkenalkan Sistem e-lesen bagi memudahkan orang awam memperbaharui lesen secara atas talian;

7.6. Majlis Perbandaran Seberang Perai telah menyediakan templat perjanjian bagi mempercepatkan proses penyediaan kontrak;

7.7. Penggunaan *Pressure Sealed Machine* oleh Penang Development Centre bagi memastikan bil-bil sewaan bulanan (perumahan, perniagaan dan kilang) yang dihantar kepada penyewa dicetak dan dilipat secara automatik dalam masa yang singkat;

7.8. Majlis Perbandaran Seberang Perai menggunakan Sistem Selenggara Kenderaan bagi menguruskan kenderaan dari segi penjadualan, penyenggaraan dan pelaporan.

8. PELAKSANAAN INDEKS AKAUNTABILITI

8.1. Sebagai satu usaha untuk meningkatkan tahap motivasi Jabatan/Agensi Negeri agar lebih gigih memperbaiki, mempertingkat dan memperkasakan pencapaian pengurusan kewangan masing-masing, Jabatan Audit Negara telah **melaksanakan sistem penarafan berdasarkan Indeks Akauntabiliti (AI)** sejak tahun 2007. Melalui pelaksanaan sistem penarafan ini, setiap pematuhan oleh Jabatan terhadap peraturan kewangan bagi 6 aspek kawalan utama diberikan markah. Aspek tersebut ialah Kawalan Pengurusan; Kawalan Bajet; Kawalan Terimaan; Kawalan Perbelanjaan; Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah Dan Deposit; serta Pengurusan Aset Dan Stor. Bagi Jabatan Kewangan Negeri dan Agensi Negeri selain kesemua 6 kawalan di atas, Kawalan Pengurusan Pelaburan, Pengurusan Pinjaman dan Pengurusan Penyata Kewangan turut dinilai. Jabatan/Agensi Negeri diberi tahap penarafan yang cemerlang boleh dijadikan sebagai tanda aras (*role model*) kepada Jabatan/Agensi Negeri yang lain. Secara umumnya, sesuatu Jabatan/Agensi Negeri diberi tahap pencapaian pengurusan kewangan berdasarkan markah keseluruhan seperti di **Jadual 8.1**.

Jadual 8.1
Tahap Pencapaian Pengurusan Kewangan Berdasarkan AI

Markah Keseluruhan (%)	Tahap	Penarafan
90 - 100	Sangat Baik	
70 - 89	Baik	
50 - 69	Memuaskan	
49 ke bawah	Tidak Memuaskan	

Sumber: Jabatan Audit Negara

8.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Bagi membolehkan penarafan diberi kepada tahap pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri, pengauditan telah dijalankan untuk menilai sama ada:

- 8.2.1.** Wujudnya struktur dan sistem pengurusan kewangan yang berkesan.
- 8.2.2.** Wujudnya sistem kawalan dalaman yang berkesan terhadap pungutan hasil, perbelanjaan serta pengurusan akaun amanah, aset dan stor, pelaburan serta pinjaman.
- 8.2.3.** Pengurusan kewangan mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.
- 8.2.4.** Rekod yang berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

8.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

8.3.1. Pada tahun 2013, pengauditan telah dijalankan di 15 Jabatan/Agensi Negeri merangkumi 11 Jabatan/Agensi Negeri dan pengauditan setiap tahun yang dilaksanakan terhadap 4 Jabatan/Agensi Negeri iaitu Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Jabatan Kewangan Negeri, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.

8.3.2. Pengauditan telah dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan bagi tahun 2013 di peringkat Ibu Pejabat Jabatan/Agensi Negeri. Selain itu, semakan juga dibuat terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2013 dan Penyata Kewangan Agensi Negeri Tahun 2012 bagi menentukan kedudukan pencapaian pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri secara menyeluruh.

8.4. KAWALAN UTAMA

Pelaksanaan sistem penarafan bagi 10 Jabatan adalah berdasarkan pengauditan terhadap tahap prestasi kewangan mengikut 6 kawalan utama iaitu Kawalan Pengurusan; Kawalan Bajet; Kawalan Terimaan; Kawalan Perbelanjaan; Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah Dan Deposit serta Pengurusan Aset Dan Stor. Bagi Jabatan Kewangan Negeri dan 4 Agensi Negeri selain 6 kawalan di atas, kawalan terhadap Pengurusan Pelaburan, Pengurusan Pinjaman dan Pengurusan Penyata Kewangan juga turut dibuat. Penjelasan lanjut mengenai kawalan-kawalan tersebut adalah seperti berikut:

8.4.1. Kawalan Pengurusan

Bagi menentukan sama ada struktur pengurusan kewangan yang berkesan telah diwujudkan, semakan Audit telah dijalankan terhadap empat aspek utama kawalan pengurusan iaitu struktur organisasi, sistem dan prosedur, keberkesanan Unit Audit Dalam dan jawatankuasa yang diwujudkan serta pengurusan sumber manusia seperti berikut:

8.4.1.1. Struktur Organisasi

Bagi mewujudkan suatu struktur organisasi yang berkesan, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Carta organisasi disediakan dengan lengkap dan kemas kini seperitimana yang ditetapkan dalam Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991.
- b. Surat penurunan kuasa disediakan dengan lengkap dan sentiasa dikemaskinikan. Had-had kuasa dan tugas-tugas pegawai yang menjalankan tanggungjawab perlu dinyatakan dengan jelas. Seksyen 15A(2) Akta Tatacara Kewangan, Arahan Perbendaharaan (AP) 11, AP 69 dan AP 101 adalah berkaitan.
- c. Kehendak Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 dipatuhi. Pekeliling tersebut menetapkan Senarai Tugas bagi setiap pegawai perlu disediakan dengan lengkap dan jelas menunjukkan hubung kait antara penyelia dengan pegawai bawahan serta rakan sejawat dalam organisasi yang sama. Senarai tugas ini juga perlu sentiasa dikemaskinikan.
- d. Kehendak Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2007 dipatuhi. Selaras dengan pekeliling tersebut, perancangan dan pelaksanaan pusingan kerja mengikut tempoh yang sesuai dalam pelbagai bidang tugas perlu dilaksanakan bagi melahirkan sumber manusia berpotensi serta berupaya menyumbang ke arah kecemerlangan organisasi.

8.4.1.2. Sistem Dan Prosedur

Bagi memastikan sistem dan prosedur yang teratur telah diwujudkan, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Manual Prosedur Kerja disediakan dengan lengkap, kemas kini dan dikaji semula secara berterusan. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 adalah berkaitan.

- b. Fail Meja bagi setiap jawatan disediakan dengan lengkap, kemas kini dan memiliki kesemua 14 ciri-ciri asas Fail Meja yang ditetapkan. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 adalah berkaitan.
- c. Pemeriksaan mengejut seperti yang ditetapkan di bawah AP 309 dijalankan secara berkala tidak kurang dari sekali dalam tempoh 6 bulan terhadap peti besi, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas lain yang diguna untuk menyimpan wang, setem atau barang-barang lain yang berharga. Hasil pemeriksaan itu hendaklah direkodkan dengan lengkap untuk memudahkan rujukan.

8.4.1.3. Jawatankuasa Kewangan Dan Unit Audit Dalam

Kerajaan menetapkan pelbagai jawatankuasa berkaitan hal kewangan ditubuhkan di peringkat Jabatan/Agensi Negeri. Fungsi dan tanggungjawab jawatankuasa tersebut telah ditetapkan melalui surat pekeliling, arahan dan garis panduan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Bagi memastikan pelbagai jawatankuasa yang telah diwujudkan berfungsi dengan berkesan, Kerajaan juga telah mengeluarkan Panduan Pengurusan Mesyuarat Dan Urusan Jawatankuasa-jawatankuasa Kerajaan melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 2 Tahun 1991. Panduan ini menetapkan dengan jelas peranan Pengerusi dan Urus Setia dalam sesuatu mesyuarat bagi memastikan keberkesanan jawatankuasa yang telah diwujudkan. Antara jawatankuasa/unit yang perlu diwujudkan bagi memantapkan tahap pengurusan kewangan adalah seperti berikut:

a. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun

Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA) ditubuhkan di setiap pusat tanggungjawab supaya dapat memantapkan lagi pengurusan kewangan dan akaun Jabatan/Agensi Kerajaan. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 2004 menetapkan, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah melantik seorang Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa; bermesyuarat setiap 3 bulan; membincangkan perkara yang telah ditetapkan dan mengemukakan Laporan Suku Tahun dengan lengkap kepada pihak berkuasa berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

b. Unit Audit Dalam

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 2004 menghendaki Unit Audit Dalam (UAD) ditubuhkan di Jabatan/Agensi Negeri bagi membantu Ketua Jabatan memantapkan pencapaian pengurusan dan memastikan pencapaian objektif organisasi secara cekap dan berhemat. Bagi melaksanakan fungsinya, UAD adalah bertanggungjawab menyediakan Rancangan Tahunan Audit Dalam, mengemukakan Rancangan Tahunan Audit Dalam kepada Ketua Eksekutif masing-masing selewat-lewatnya pada 31 Januari, membentangkan Laporan Audit Dalam di Mesyuarat JPKA dan mengemukakan Laporan Tahunan Audit Dalam kepada Ketua Eksekutif selewat-lewatnya pada 31 Mac tahun

berikutnya. Manakala tanggungjawab Ketua Jabatan ialah mengkaji dan meluluskan Rancangan Tahunan dan Laporan Tahunan Audit Dalam, memastikan tindakan susulan diambil terhadap Pemerhatian/Laporan Audit Dalam dan memastikan anggota UAD mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk melaksanakan tanggungjawab mereka secara berkesan.

c. Jawatankuasa Keutuhan Dan Tadbir Urus

Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2009 menetapkan penubuhan Jawatankuasa Keutuhan Dan Tadbir Urus (JKTU) bagi memperkuatkan mekanisme dan terma rujukan Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan (JKP) ke arah memantapkan keutuhan sistem pengurusan dan pentadbiran, meningkatkan tadbir urus terbaik dan mengurangkan kerentan birokrasi. Selain itu, arahan ini juga menetapkan Ketua Jabatan mempengerusikan mesyuarat, ahli-ahli jawatankuasa dilantik, bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 4 bulan dan perlu diadakan dalam bulan Januari, Mei dan September setiap tahun. Laporan Suku Tahun disediakan dengan lengkap dan dikemukakan kepada pihak berkuasa berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan. Perkara yang menjadi terma rujukan JKTU adalah seperti berikut:

- i. Dasar dan Perundangan;
- ii. Sistem dan Prosedur Kerja;
- iii. Nilai-nilai Murni dan Kod Etika;
- iv. Pengurusan Pelanggan;
- v. Kawalan Dalaman;
- vi. Tindakan Pengesanan, Punitif dan Pemulihan; dan
- vii. Pengiktirafan dan Penghargaan.

8.4.1.4. Pengurusan Sumber Manusia

Bagi memastikan pengurusan kewangan dikendalikan dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah menguruskan sumber manusianya dengan cekap seperti menentukan bilangan jawatan dan gred yang sesuai, jawatan diisi sepenuhnya dan latihan dalam bidang kewangan diberikan kepada mereka yang terlibat. Jabatan/Agensi Negeri juga digalakkan memberi pengiktirafan kepada kakitangan yang cemerlang dan mengambil tindakan tatatertib/surc妖 terhadap mereka yang didapati gagal/cuai melaksanakan tanggungjawab yang telah ditetapkan.

8.4.2. Kawalan Bajet

Bagi menentukan sama ada Jabatan/Agensi telah menguruskan bajet dan peruntukannya dengan cekap, berhemat dan mengikut peraturan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek utama kawalan bajet iaitu penyediaan bajet, pengagihan peruntukan, kelulusan

pindah/tambah peruntukan, pemantauan kemajuan/pencapaian bajet dan pelaporan mengenainya seperti berikut:

8.4.2.1. Penyediaan Bajet

Peraturan kewangan mengenai penyediaan cadangan anggaran perbelanjaan mengurus dan pembangunan bagi tahun 2012 dan 2013 oleh setiap jabatan dikeluarkan melalui Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bil. 2 Tahun 2011. Selain itu, Arahan Perbendaharaan 29 hingga 46 juga menetapkan peraturan penyediaan anggaran hasil dan perbelanjaan. Antara lainnya, peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet menetapkan perkara-perkara mengenai justifikasi setiap anggaran yang disediakan; ketepatan anggaran; prosedur kelulusan bajet di peringkat Jabatan/Agenzi Negeri serta tempoh yang ditetapkan untuk mengemukakan bajet dan Perjanjian Program kepada Pegawai Kewangan Negeri atau pihak berkuasa berkenaan.

8.4.2.2. Pengagihan Peruntukan

Peraturan kewangan mengenai pengagihan peruntukan ditetapkan melalui Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bil. 1 Tahun 2012. Manakala Pekeliling Perbendaharaan Bil.1 Tahun 2007 antara lainnya menetapkan bahawa Pegawai Pengawal perlu mengagihkan peruntukan kepada pemegang-pemegang waran tertentu sebaik sahaja Waran Am diterima. Mengikut AP 94 pula, pemegang waran peruntukan tersebut boleh mengagihkan waran peruntukan/waran peruntukan kecil kepada pegawai yang berkenaan di mana perlu. Pengagihan waran ini perlu direkodkan dengan lengkap dan kemas kini.

8.4.2.3. Kelulusan Pindah/Tambah Peruntukan

Peraturan kewangan mengenai pindah/tambah peruntukan antaranya menetapkan Waran Pindah Peruntukan hendaklah ditandatangani oleh Pegawai Pengawal sendiri atau bagi pihaknya oleh mana-mana pegawai bawahannya yang diberi kuasa secara bertulis. Semua pindah peruntukan hendaklah dibuat pada tahun kewangan berkenaan dan semua Waran Pindah Peruntukan yang dikeluarkan hendaklah disampaikan kepada Pegawai Kewangan Negeri atau wakilnya tidak lewat dari 31 Disember bagi tahun kewangan berkenaan. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlulah sentiasa mengawasi dan mengemas kini akaun serta memastikan pindah peruntukan dikemas kini dalam Buku Vot supaya kawalan perbelanjaan dapat diuruskan dengan berkesan. Peraturan juga menetapkan pindahan kepada butiran yang telah dikurangkan melalui pindah peruntukan atau pengurangan kepada butiran yang telah ditambah melalui pindah peruntukan adalah tidak dibenarkan kecuali mendapat kelulusan Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

8.4.2.4. Pemantauan Kemajuan/Prestasi Bajet

Peraturan kewangan menghendaki Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan memantau pelaksanaan projek pembangunan dengan rapi bagi memastikan ia dilaksanakan mengikut jadual. Bagi tujuan ini, Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah memastikan data mengenai peruntukan dan perbelanjaan projek bagi setiap tahun diisi dan sentiasa dikemas kini dalam Sistem Pemantauan Projek II atau kaedah lain yang diterima pakai serta impak setiap aktiviti dinilai sekurang-kurangnya sekali dalam masa 5 tahun dan memastikan perbelanjaan tidak melebihi peruntukan yang telah diluluskan.

8.4.2.5. Pelaporan

Pegawai Pengawal dikehendaki menyediakan beberapa jenis laporan seperti Laporan Perbelanjaan Dan Tanggungan serta laporan untuk Buku Anggaran Belanjawan Program Dan Prestasi. Laporan-laporan ini perlu dikemukakan kepada Pegawai Kewangan Negeri dalam tempoh yang ditetapkan. Pegawai Pengawal juga dikehendaki mengemukakan laporan mengenai keperluan aliran wang tunai yang disahkan olehnya kepada Pegawai Kewangan Negeri. Bagi Ketua Jabatan yang bukan Pegawai Pengawal, laporan-laporan berkenaan akan dikemukakan kepada Pegawai Pengawal berkenaan untuk disatukan.

8.4.3. Kawalan Terimaan

Bagi menentukan sama ada segala terimaan telah dikendalikan mengikut peraturan dan diakaunkan dengan sempurna, semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek utama kawalan terimaan yang meliputi kawalan borang hasil, penerimaan wang, kemasukan pungutan ke bank, kawalan perakaunan terimaan/hasil dan penyediaan Akaun Belum Terima seperti berikut:

8.4.3.1. Kawalan Borang Hasil

Kawalan terhadap borang-borang hasil seperti buku resit adalah penting untuk memastikan ia tidak disalahgunakan.

8.4.3.2. Penerimaan Wang

Setiap Jabatan/Agensi Negeri perlu memastikan pegawai yang bertanggungjawab dengan urusan penerimaan wang mematuhi peraturan kewangan yang berkaitan. Semakan Audit telah dijalankan terhadap 4 aspek kawalan dalaman yang ditetapkan oleh AP bagi penerimaan wang iaitu dari segi kebenaran/kelulusan menerima kutipan, kawalan penerimaan melalui mel dan penerimaan wang di kaunter.

8.4.3.3. Kemasukan Pungutan Ke Bank

Arahan Perbendaharaan telah menetapkan peraturan mengenai kemasukan wang pungutan ke bank bagi memastikan ketepatan dan keselamatan wang berkenaan. Antaranya adalah mengenai penetapan tempoh memasukkan wang ke bank; kawalan keselamatan penghantaran wang dan penyelenggaraan rekod mengenainya; semakan oleh pegawai bertanggungjawab terhadap slip kemasukan wang ke bank dan keselamatan wang yang tidak sempat dimasukkan ke bank.

8.4.3.4. Kawalan Perakaunan Terimaan/Hasil

Bagi memastikan peraturan mengenai perakaunan terimaan/hasil yang ditetapkan dalam AP dipatuhi, semakan Audit telah dijalankan terhadap penyerahan Akaun Tunai Bulanan kepada Perbendaharaan Negeri, ketepatan penyediaan Penyata Penyesuaian Hasil Bulanan dan ketepatan Buku Tunai.

8.4.3.5. Akaun Belum Terima

Mengikut Surat Pekeliling Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang Bil. 4 Tahun 2010, semua Pegawai Pengawal hendaklah menyediakan Penyata Tunggakan Hasil dan mengemukakan kepada Pegawai Kewangan Negeri selewat-lewatnya pada bulan Ogos tahun semasa dan Februari tahun berikutnya. Dasar dan tatacara bagi penyelenggaraan serta pelaporan Akaun Belum Terima (ABT) ditetapkan oleh Kerajaan melalui Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 1986 dan beberapa AP. Antara peraturan yang ditetapkan mengenai pengurusan ABT adalah penyediaan Penyata Tunggakan Hasil atau Penyata Akaun Belum Terima yang lengkap dan kemas kini; penyerahan Penyata Akaun Belum Terima kepada Perbendaharaan Negeri dalam tempoh ditetapkan dan tindakan susulan diambil terhadap jumlah terimaan/hasil yang tertunggak.

8.4.4. Kawalan Perbelanjaan

Bagi menentukan sama ada semua perbelanjaan mengurus dan pembangunan telah dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan dan diperakaunkan dengan tepat, semakan Audit telah dijalankan terhadap 3 aspek utama kawalan perbelanjaan iaitu perakaunan, pengurusan perolehan dan pengurusan bayaran seperti berikut:

8.4.4.1. Perakaunan

Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bil. 4 Tahun 2004 mengenai Pelaksanaan Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri (SPEKS), Perenggan 29 menghendaki Pegawai Pengawal memastikan Laporan Harian Buku Vot dicetak setiap hari dan disemak serta difailkan secara teratur. Laporan bulanan SPEKS juga perlu dicetak pada hari akhir bekerja bulan berkenaan. Selain itu, Penyata Penyesuaian

Perbelanjaan hendaklah dikemukakan kepada Pejabat Perakaunan tidak lewat dari 10 hari bulan berikutnya pada setiap bulan. Semakan Audit dijalankan bagi menentukan Buku Vot dan Penyata Penyesuaian Perbelanjaan diselenggarakan oleh Jabatan/Agensi Negeri mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Pekeliling dan AP yang berkaitan.

8.4.4.2. Pengurusan Perolehan

Setiap tahun, Jabatan/Agensi Negeri membelanjakan jutaan ringgit untuk tujuan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja. Bagi menentukan pengurusan perolehan Jabatan/Agensi Negeri telah mematuhi peraturan yang berkaitan, semakan Audit telah dibuat terhadap pengurusan pembelian terus, sebut harga, tender, kontrak dan kontrak pusat.

8.4.4.3. Pengurusan Bayaran

Semakan Audit telah dijalankan terhadap kawalan dalaman bagi proses bayaran; kesempurnaan bayaran yang memerlukan kelulusan khas; penyediaan dan penyimpanan daftar/rekod pembayaran dan Daftar Bil; bayaran pukal serta Panjar Wang Runcit.

8.4.5. Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/ Akaun Amanah Dan Deposit

Pengurusan dan kawalan terhadap kumpulan wang amanah/akaun amanah dan deposit adalah penting untuk menentukan ia diurus dengan teratur, mengikut pekeliling dan arahan amanah yang ditetapkan serta diperakaunkan dengan betul dan kemas kini. Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengurusan kumpulan wang seperti berikut:

8.4.5.1. Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah

Tatacara pengurusan akaun amanah ditetapkan melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 18 Tahun 2001. Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengendalian Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah di Jabatan/Agensi Negeri dari segi penyediaan dan penyerahan Penyata Tahunan untuk diaudit serta kesempurnaan rekod perakaunan/penyata penyesuaian akaun/transaksi akaun.

8.4.5.2. Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman

Jabatan/Agensi Negeri perlu menguruskan kumpulan wang pinjaman dan pendahuluan diri/pelbagai mengikut Pekeliling/Surat Pekeliling Perbendaharaan yang berkaitan seperti berikut:

- a. Pinjaman kenderaan hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan oleh Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 dan 8 Tahun 1993.

- b. Pinjaman komputer hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan oleh Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1992.
- c. Pendahuluan diri hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan oleh Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1993.
- d. Pendahuluan pelbagai hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan oleh Pekeliling Perbendaharaan Bil. 13 Tahun 1990.

8.4.5.3. Pengurusan Akaun Deposit

Tatacara dan pengurusan akaun deposit ditetapkan melalui AP 156 hingga 163.

8.4.6. Pengurusan Aset, Inventori Dan Stor

Perolehan aset dan inventori perlu direkodkan, dikawal dan dipantau dengan sempurna bagi mengelakkan daripada berlaku pembaziran dan penyalahgunaan. Sehubungan itu, semakan Audit telah dijalankan untuk menilai tahap pematuhan Jabatan/Agensi Negeri kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Pekeliling/Surat Pekeliling Perbendaharaan yang berkenaan dan Tatacara Pengurusan Stor berhubung dengan perkara-perkara berikut:

8.4.6.1. Kawalan Umum

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, Pegawai Pengawal hendaklah mewujudkan Unit Pengurusan Aset yang antaranya bertanggungjawab untuk mengurus pelantikan Pegawai Pemeriksa, Lembaga Pemeriksa dan Jawatankuasa Penyiasat. Unit tersebut diberi tanggungjawab menjadi Urus Setia kepada Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan yang diwujudkan, menguruskan pelupusan, kehilangan dan hapus kira aset serta menyelaras penyediaan laporan mengenainya. Selain itu, Pegawai Pengawal perlu melantik seorang Pegawai Aset secara bertulis bagi setiap pusat tanggungjawab di bawahnya dan memastikan Pegawai Aset di peringkat Ibu Pejabat diberi tanggungjawab sebagai Setiausaha Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan.

8.4.6.2. Penerimaan

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, seorang Pegawai Penerima hendaklah diberi kuasa untuk menerima dan mengesahkan aset yang diterima. Antara tanggungjawab seseorang Pegawai Penerima adalah memastikan aset/bekalan pejabat diterima menepati spesifikasi, kualiti dan kuantiti yang telah ditetapkan sebelum membuat pengesahan penerimaan. Bagi membolehkan Pegawai Penerima membuat rujukan, sesalinan dokumen kontrak hendaklah disimpan oleh Pegawai Penerima. Bagi penerimaan bekalan pejabat pula, Borang Terima Barang perlu disahkan dan direkodkan dalam Kad Kawalan Stok dan Kad Petak. Borang Laporan Penerimaan Aset Alih Kerajaan hendaklah

disediakan, disahkan dan dihantar dengan serta merta kepada agen penghantaran atau syarikat pembekal. Aset hendaklah diterima berserta Surat Jaminan dan manual penggunaan/penyenggaraan.

8.4.6.3. Pendaftaran

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan aset perlu didaftarkan dalam tempoh 2 minggu daripada tarikh pengesahan penerimaan. Aset tersebut perlu dilabelkan dengan tanda Hak Milik Kerajaan dan nombor siri pendaftaran.

8.4.6.4. Penggunaan, Penyimpanan Dan Pemeriksaan Aset

Bagi memastikan penggunaan, penyimpanan dan pemeriksaan aset diurus dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan peraturan-peraturan seperti berikut yang ditetapkan oleh Pekeliling Perbendaharaan yang berkenaan dipatuhi:

- a.** Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan aset diguna hanya bagi tujuan rasmi sahaja dan mengikut tujuan asal perolehannya. Setiap aset hendaklah dikendalikan oleh pegawai yang mahir dan berkelayakan, pengeluaran/penggunaannya direkodkan dengan teratur serta kerosakan aset dilaporkan dengan menggunakan borang yang ditetapkan. Aset perlu disimpan di tempat yang selamat dan sesuai serta sentiasa di bawah kawalan pegawai bertanggungjawab.
- b.** Pekeliling tersebut juga menghendaki sekurang-kurangnya 2 Pegawai Pemeriksa/Lembaga Verifikasi Stok dilantik secara bertulis. Pemeriksaan aset dilaksanakan sekurang-kurangnya 1 kali setahun dan verifikasi stok dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan. Laporan Pemeriksaan Harta Modal dan Laporan Pemeriksaan Inventori disediakan dengan lengkap dan dikemukakan kepada Ketua Jabatan dan seterusnya kepada Perbendaharaan Negeri di mana berkenaan.
- c.** Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1980 menetapkan penggunaan kenderaan Jabatan dikawal dengan melantik seorang Pegawai Pengangkutan yang bertanggungjawab meluluskan penggunaan kenderaan dan menyediakan fail sejarah bagi setiap kenderaan, menyelenggarakan Buku Log dengan lengkap dan kemas kini serta menyediakan Cerakinan Bulanan Penggunaan Bahan Api setiap bulan bagi mengawal kegunaan bahan api.
- d.** Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1996 pula menetapkan penggunaan kenderaan pegawai Gred JUSA dikawal dengan teratur di mana pembelian minyak setahun tidak melebihi had yang ditetapkan/diluluskan.

- e. Selaras dengan kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 1999, Kad Inden Minyak perlu dikawal dengan teratur melalui penyelenggaraan Buku Rekod Pergerakan Kad Inden yang lengkap dan kemas kini. Penyata pembelian atau penyata kad perlu disemak sebelum bayaran dilakukan.
- f. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1999 menetapkan kad elektronik bagi pembayaran tol dikawal dengan teratur dan rekod berhubung dengan penggunaannya diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.
- g. Berkuat kuasa pada 5 April 2013, Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2013 mengenai Pengurusan Kenderaan Kerajaan adalah terpakai dan telah membatalkan Pekeliling Perbendaharaan di para c hingga f.

8.4.6.5. Penyenggaraan Aset

Bagi memastikan aset disenggarakan dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Senarai aset yang memerlukan penyenggaraan disediakan dengan lengkap dan kemas kini; jadual penyenggaraan disediakan dan dilaksanakan seperti dirancang; penyenggaraan direkodkan dengan betul dan lengkap; program penyenggaraan dinilai dan penyenggaraan aset oleh pihak swasta diselia dan dipantau bagi memastikan syarat-syarat yang ditetapkan dalam perjanjian dipatuhi. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 adalah berkaitan.
- b. Kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1980 dipatuhi. Pekeliling ini menetapkan kenderaan perlu disenggarakan secara berjadual, manakala kos penyenggaraan dan pembaikan perlu direkodkan dalam fail kenderaan dan Daftar Harta Modal. Kenderaan juga hendaklah disimpan dengan selamat.

8.4.6.6. Pelupusan

Bagi memastikan pelupusan aset diuruskan dengan teratur dan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Lembaga Pemeriksa dilantik untuk tempoh tidak melebihi 2 tahun. Lembaga Pemeriksa perlu menyediakan jadual pemeriksaan dan ia perlu dilaksanakan dalam tempoh 1 bulan daripada tarikh arahan dikeluarkan. Laporan Lembaga Pemeriksa hendaklah disediakan dan ditandatangani. Lembaga Pemeriksa juga perlu mengesyorkan kaedah pelupusan yang sesuai.
- b. Perakuan pelupusan aset mekanikal, teknikal, elektrik dan elektronik disediakan oleh Jabatan/Pegawai Teknikal berkaitan. Manakala perakuan pelupusan aset itu

disahkan oleh 2 orang pegawai yang mempunyai 3 tahun pengalaman dan tidak terlibat dengan pengurusan aset berkenaan.

- c. Kaedah pelupusan aset dibuat dengan teratur dan ia dilaksanakan dalam tempoh 3 bulan daripada tarikh surat kelulusan dikeluarkan. Sijil Penyaksian Pemusnahan Aset Alih Kerajaan dan Sijil Pelupusan Aset disediakan dan dikemukakan kepada pihak yang meluluskannya. Seterusnya, rekod aset yang telah diluluskan pelupusan itu perlu dikemaskinikan.

8.4.6.7. Kehilangan Dan Hapus Kira

Bagi memastikan kehilangan dan hapus kira aset diuruskan dengan teratur dan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, setiap Jabatan/Agenzi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Kehilangan aset dilaporkan kepada Ketua Jabatan dengan serta merta dan laporan polis dibuat dalam tempoh 24 jam dari waktu kehilangan. Ketua Pejabat menyedia Laporan Awal dan dikemukakan kepada Pegawai Pengawal dan Pegawai Kewangan Negeri dalam tempoh 2 hari bekerja. Sesalinan Laporan Awal dikemukakan kepada Pegawai Pengawal, Pegawai Kewangan Negeri dan Ketua Audit Negara atau wakil tempatan Ketua Audit Negara.
- b. Jawatankuasa Penyiasat dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal dalam tempoh 2 minggu daripada tarikh Laporan Awal disediakan. Laporan Akhir disediakan dalam tempoh 2 bulan daripada tarikh lantikan jawatankuasa tersebut walaupun Laporan Hasil Penyiasatan Polis belum diperoleh. Laporan Akhir yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada pihak yang menerima Laporan Awal.

8.4.7. Pengurusan Pelaburan

Pelaburan merupakan tindakan melabur dana bagi suatu tempoh masa untuk memperoleh pulangan yang dikehendaki dengan menyedari sepenuhnya risiko yang terbabit. Pelaburan yang dibuat hendaklah mengikut peraturan yang berkaitan. Rekod perlu diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini bagi memudahkan kawalan dan pemantauan. Antara elemen kawalan yang perlu diwujudkan adalah penubuhan Jawatankuasa Pelaburan yang berfungsi menguruskan pelaburan Agensi. Antara perkara yang perlu diberi perhatian ialah kuasa melabur, had pelaburan, sasaran pelaburan dan pemantauan pelaburan.

8.4.8. Pengurusan Pinjaman

Pinjaman dibuat bagi membiayai pelbagai projek untuk pembangunan ekonomi negeri, menampung perbelanjaan dan meningkatkan taraf pembangunan serta kemajuan penduduk. Pinjaman tersebut hendaklah digunakan mengikut maksud pinjaman dipohon. Antara

perkara yang perlu diberi perhatian ialah kuasa untuk meminjam, penyelenggaraan rekod pinjaman yang lengkap dan kemas kini, perjanjian pinjaman disediakan dan mekanisme kawalan serta pemantauan pinjaman.

8.4.9. Penyata Kewangan

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4 Tahun 2007 menghendaki Agensi Negeri mengemukakan Penyata Kewangan kepada Ketua Audit Negara tidak lewat dari 30 April setiap tahun. Ini membolehkan Penyata Kewangan dan laporan tahunan Agensi Negeri dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada tahun yang sama dan tidak lewat dari 31 Disember setiap tahun. Pekeliling ini bertujuan untuk meningkatkan akauntabiliti dan tadbir urus yang baik di Jabatan Kewangan Negeri dan Agensi Negeri. Di samping itu, pembentangan awal membolehkan *stakeholders* menilai pencapaian Agensi Negeri yang lebih jelas, lengkap dan relevan.

8.5. PENEMUAN AUDIT

8.5.1. Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan

Pada tahun 2013, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan pengauditan pengurusan kewangan berasaskan Indeks Akauntabiliti di 15 Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri. Pada keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan di peringkat Jabatan/Agensi Negeri bagi tahun 2013 menunjukkan ada peningkatan. Pada tahun 2013, 8 atau 53.3% Jabatan/Agensi Negeri memperoleh tahap sangat baik berbanding 7 atau 58.3% Jabatan/Agensi Negeri pada tahun 2012. Manakala 7 atau 46.7% Jabatan/Agensi Negeri adalah pada tahap baik pada tahun 2013 berbanding 4 atau 33.3% pada tahun 2012. Keadaan ini juga menunjukkan Jabatan/Agensi telah mengambil tindakan proaktif untuk meningkatkan prestasi pengurusan kewangan masing-masing daripada kedudukan baik kepada kedudukan sangat baik. Selain itu, tiada Jabatan/Agensi Negeri yang memperoleh tahap memuaskan dan tidak memuaskan pada tahun 2013 berbanding tahun sebelum. Prestasi pengurusan kewangan mengikut Jabatan/Agensi Negeri bagi tahun 2013 adalah seperti di **Carta 8.1**. Manakala kedudukan tahap prestasi pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri bagi tahun 2008 hingga 2013 secara keseluruhan adalah seperti di **Jadual 8.2**.

Carta 8.1

Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Jabatan/Agenzi Negeri Pada Tahun 2013



Sumber: Jabatan Audit Negara

Jadual 8.2

Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Jabatan/Agenzi Negeri Bagi Tahun 2008 Hingga 2013

Tahap Penarafan	Jabatan/Agenzi Negeri					
	2008	2009	2010	2011	2012	2013
Sangat Baik	2	3	3	4	7	8
Baik	10	10	10	3	4	7
Memuaskan	1	-	1	-	1	-
Tidak Memuaskan	-	-	-	-	-	-
Jumlah	13	13	14	7	12	15


Sumber: Jabatan Audit Negara

8.5.2. Tahap Pematuhan Terhadap Kawalan Utama

8.5.2.1. Semakan Audit di 10 Jabatan mendapati secara umumnya 4 kawalan iaitu Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan dan Kawalan Perbelanjaan adalah pada tahap sangat baik. Kesemua Jabatan telah mencapai tahap sangat baik bagi Kawalan Bajet, Terimaan dan Perbelanjaan. Bagi Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah Dan Deposit hanya 4 Jabatan adalah pada tahap sangat baik manakala 2 Jabatan berada di tahap tidak memuaskan iaitu Jabatan Taman Botani dan Jabatan Perancang Bandar Dan Desa. Bagi Pengurusan Aset Dan Stor pula hanya 2 Jabatan mencapai tahap sangat baik. Kedudukan tahap pencapaian adalah seperti di **Carta 8.2**. Bagaimanapun, tindakan sewajarnya telah diambil terhadap perkara yang dibangkitkan.

Carta 8.2

Tahap Pematuhan Pengurusan Kewangan Mengikut Kawalan Bagi Jabatan Tahun 2013



Sumber: Jabatan Audit Negara


8.5.2.2. Antara kelemahan yang menyebabkan Jabatan berada di tahap tidak memuaskan adalah seperti berikut:

- Penyata Terimaan Dan Bayaran serta Sijil Pengesahan Baki Bulan Disember tahun 2012 tidak dikemukakan kepada Jabatan Audit sebelum 31 Mac 2013.
- Buku Akaun Utama Deposit dan Buku Akaun Deposit Individu bagi Akaun Deposit Kebun Bunga Pulau Pinang(72023) yang dikemukakan kepada Jabatan Audit tidak lengkap dan tidak kemas kini.
- Senarai Baki Pendeposit Tahun 2012 hanya diserahkan kepada Jabatan Kewangan Negeri pada 3 Januari 2013.
- Tindakan masih belum diambil untuk mewartakan senarai pendeposit yang tidak dituntut melebihi 12 bulan.
- Akaun deposit yang tidak aktif dan tidak diperlukan lagi masih belum ditutup.

8.5.2.3. Bagi Jabatan Kewangan Negeri dan 4 Agensi Negeri pula, secara umumnya 5 kawalan utama adalah pada tahap sangat baik iaitu bagi Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Pengurusan Pelaburan, Pengurusan Pinjaman dan Penyerahan Penyata Kewangan. Manakala 4 kawalan lain adalah pada tahap baik. Bagaimanapun Majlis Sukan Negeri hanya berada di tahap memuaskan bagi Pengurusan Aset Dan Stor. Kedudukan tahap pencapaian adalah seperti di **Carta 8.3**.

Carta 8.3

Tahap Pematuhan Pengurusan Kewangan Mengikut Kawalan Bagi Jabatan Kewangan Negeri Dan Agensi Negeri Tahun 2013




Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: Majlis Sukan Negeri tidak mempunyai pelaburan dan pinjaman

8.5.3. Perbandingan Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri

8.5.3.1. Pada tahun 2013, daripada 15 Jabatan/Agensi Negeri yang dilaksanakan pengauditan pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti, sebanyak 2 Agensi Negeri telah dilaksanakan setiap tahun mulai tahun 2007 iaitu Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang. Manakala bagi Jabatan Kewangan Negeri, pengauditan bermula tahun 2008 dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri pula tahun 2011. Jabatan Kewangan Negeri dan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang memperoleh tahap prestasi pengurusan kewangan sangat baik bagi 6 tahun berturut-turut iaitu pada tahun 2008 hingga 2013 manakala Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang memperoleh tahap prestasi sangat baik bagi 4 tahun berturut-turut pada tahun 2010 hingga 2013. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri yang mula diaudit setiap tahun mulai tahun 2011, juga mengekalkan prestasi sangat baik dengan markah 95.62% pada tahun 2013. Jabatan yang diaudit berdasarkan pusingan iaitu Pejabat Tanah Dan Galian kekal pada tahap sangat baik dan menunjukkan peningkatan dari iaitu 94.87% berbanding 92.70% pada tahun 2012. Manakala bagi 3 Jabatan iaitu Pejabat Daerah Dan Tanah Daerah Timur Laut, Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Utara dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar berjaya meningkat daripada tahap baik kepada tahap sangat baik pada tahun 2013.

8.5.3.2. Adalah didapati prestasi Jabatan lain turut meningkat dari segi pemarkahan, sungguhpun masih mengekalkan kedudukan di tahap baik. Majlis Sukan Negeri telah menunjukkan prestasi baik dengan mencapai tahap baik berbanding hanya pada tahap memuaskan pada tahun 2012. Kedudukan tahap pencapaian pengurusan kewangan Jabatan/Agenzi Negeri bagi tahun 2013 berbanding tahun sebelumnya adalah seperti di **Carta 8.4**.



Sumber: Jabatan Audit Negara

8.5.3.3. Analisis Audit mendapati pada tahun 2013, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang terus cemerlang dengan mencatatkan peningkatan dalam pemarkahan dari tahun ke tahun. Daripada tahap prestasi baik dengan markah 71.79% pada tahun 2007, Majlis terus mengambil langkah proaktif meningkatkan prestasi pengurusan kewangan sehingga berjaya memperoleh markah 94.42% pada tahun 2013. Peningkatan ini adalah disebabkan tindakan telah diambil terhadap penetapan perkadaran kutipan hasil dan peningkatan markah daripada aspek Pengesahan Penyata Kewangan.

8.5.3.4. Bagi Jabatan/Agensi Negeri seperti Pejabat Daerah Dan Tanah Daerah Timur Laut, Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Utara serta Jabatan Perkhidmatan Veterinar, pencapaian pada tahun 2013 adalah merupakan usaha gigih yang ditunjukkan oleh Jabatan/Agensi Negeri berkenaan untuk meningkatkan prestasi pengurusan kewangan. Analisis Audit menunjukkan antara punca peningkatan markah dan tahap pencapaian pengurusan kewangan ialah tindakan pembetulan yang diambil oleh Jabatan/Agensi terhadap aspek kawalan seperti Kawalan Pengurusan, Kawalan Terimaan, Kawalan Perbelanjaan dan Pengurusan Aset Dan Stor. Isu-isu seperti carta organisasi tidak lengkap dan tidak dipamerkan, minit mesyuarat JPKA tidak lengkap, surat penurunan kuasa secara bertulis tidak dikeluarkan, fail meja tidak lengkap, pemeriksaan mengejut tidak dilaksanakan mengikut tempoh yang telah ditetapkan, bilangan hari berkursus tidak mencukupi, keselamatan semasa kutipan tidak dipatuhi, pengeluaran resit lewat bagi terimaan melalui mel dan tidak menggunakan pesanan tempatan bagi urusan perolehan telah dapat diatasi sepenuhnya. Selain itu, dari segi pengurusan aset pula, keperluan penyelenggaraan Buku Log, penyediaan Laporan Pemeriksaan /Verifikasi Stor, urusan penerimaan dan pendaftaran, pengeluaran barang-barang stor, kawalan kad inden, kawalan pergerakan aset serta verifikasi stor telah diambil tindakan. Bagi Majlis Sukan Negeri pula, peningkatan tahap pengurusan kewangan daripada memuaskan kepada baik adalah disebabkan peningkatan dalam Kawalan Pengurusan dan penekanan terhadap Pengurusan Aset Dan Stor berbanding tahun 2010.

8.6. PEMERIKSAAN AUDIT MENGEJUT

8.6.1. Pemeriksaan Audit mengejut merupakan satu pendekatan audit yang dilaksanakan tanpa memaklumkan terlebih dahulu tarikh sebenar lawatan kepada pihak Audit. Semakan dijalankan terhadap borang hasil dikawal, hasil, wang awam, harta awam, barang berharga yang disimpan oleh Pejabat/Agensi Kerajaan supaya diuruskan mengikut peraturan kewangan yang sedang berkuat kuasa serta wujud pematuhan kepada Arahan Perbendaharaan/Perkhidmatan termasuk juga lawatan dan tinjauan secara mengejut terhadap aktiviti dan operasi Jabatan/ Agensi. Pemeriksaan Audit mengejut dilaksanakan selaras dengan kehendak Seksyen 6(a) Akta Audit 1957 yang menyatakan bahawa Ketua Audit Negara hendaklah dalam pengauditannya membuat apa-apa pemeriksaan yang difikirkannya perlu untuk menentukan sama ada segala langkah berjaga-jaga yang munasabah telah diambil untuk melindungi pemungutan dan penjagaan wang awam atau wang lain yang tertakluk kepada pengauditannya. Untuk menentukan sejauh mana peraturan ini dipatuhi, pada tahun 2013 Jabatan Audit Negara telah menjalankan pemeriksaan Audit mengejut di 17 buah Jabatan/Pejabat seperti di **Jadual 8.3** berikut:

Jadual 8.3**Jabatan/Agenzi Negeri Yang Dijalankan Pemeriksaan Audit Mengejut Tahun 2013**

Bil.	Jabatan/Pejabat
1.	Jabatan Kerja Raya Daerah Barat Daya
2.	Jabatan Kerja Raya Seberang Perai Selatan
3.	Mahkamah Rendah Syariah Daerah Barat Daya
4.	Mahkamah Rendah Syariah Daerah Seberang Perai Utara
5.	Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Tengah
6.	Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Barat Daya
7.	Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Timur Laut
8.	Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Seberang Perai Utara
9.	Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Seberang Perai Tengah
10.	Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Seberang Perai Utara
11.	Pejabat Agama Daerah Seberang Perai Tengah
12.	Pejabat Agama Daerah Seberang Perai Selatan
13.	Jabatan Pengairan Dan Saliran Seberang Perai Tengah
14.	Pejabat Pertanian, Seberang Perai Tengah
15.	Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang
16.	Pejabat Renjer Daerah Barat Daya
17.	Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri

Sumber: Jabatan Audit Negara

8.6.2. Hasil daripada pemeriksaan Audit mengejut yang dijalankan mendapati 7 Jabatan telah mematuhi sepenuhnya peraturan kewangan yang disemak. Bagaimanapun 10 Jabatan/Pejabat lagi yang dilawati tidak mematuhi sepenuhnya peraturan yang ditetapkan. Antara ketidakpatuhan yang ditemui adalah seperti di **Jadual 8.4**.

Jadual 8.4**Pemeriksaan Audit Mengejut Tahun 2013**

Bil.	Jabatan/Pejabat	Penemuan Audit
1.	Jabatan Kerja Raya Daerah Barat Daya	Terimaan dan pengeluaran setem telah direkod tetapi tidak disahkan oleh Ketua Jabatan.
2.	Jabatan Kerja Raya Seberang Perai Selatan	Semua terimaan dan pengeluaran setem melalui mesin franki direkodkan dalam daftar tetapi tidak disahkan oleh Ketua Jabatan dengan menurun tandatangan.
3.	Mahkamah Rendah Syariah Daerah Barat Daya	Tiada Isu
4.	Mahkamah Rendah Syariah Daerah Seberang Perai Utara	<ul style="list-style-type: none"> i. Buku resit yang belum digunakan tidak direkodkan dalam daftar. ii. Baki fizikal setem berbeza dengan daftar manakala daftar tidak dikemas kini. iii. Nama dan jawatan pegawai yang menjalankan pemeriksaan mengejut tidak direkodkan. iv.
5.	Mahkamah Rendah Syariah Daerah Seberang Perai Tengah	Daftar Borang Hasil tidak disediakan.
6.	Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Barat Daya	<ul style="list-style-type: none"> i. Tiada bukti semakan pada Buku Tunai dan Penyata Pemungut. ii. Surat kuasa tidak dikemas kini(Pengarah Baru) bagi urusan menyemak dan menandatangani Buku Tunai, terima wang, menulis resit dan memperakaunkan Buku Tunai.

Bil.	Jabatan/Pejabat	Penemuan Audit
		iii. Kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan kepada 2 pegawai yang memegang anak kunci tidak dipatuhi.
7.	Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Timur Laut	Tiada Isu.
8.	Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Seberang Perai Utara	Tiada Isu.
9.	Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Seberang Perai Tengah	<ul style="list-style-type: none"> i. Borang Terimaan dan Keluaran Borang-Borang Hasil serta Penyata Mengenai Borang Borang Hasil Yang Dikawal tidak dikemas kini. ii. Maklumat perakuan resit rasmi tidak diisi dan ditandatanganani. iii. Rekupmen bilangan 8/2013 belum diterima. iv. Buku Tunai Panjar Wang Runcit tidak dikemas kini bagi bulan Julai 2013 dan tidak disediakan bagi bulan Ogos 2013. v. Tiada pengesahan Ketua Pejabat bagi bulan Mei hingga Ogos 2013 bagi terimaan dan pengeluaran setem pos. vi. Peti besi diletakkan dalam bilik Pegawai Kebajikan Masyarakat dan tidak dicantumkan ke rangka bangunan.
10.	Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Seberang Perai Utara	<ul style="list-style-type: none"> i. Semua dokumen Panjar Wang Runcit tidak diserahkan untuk semakan pihak Audit. ii. Pemeriksaan Mengejut terhadap setem tidak dibuat. iii. Stok setem fizikal berbeza dengan Daftar Setem. iv. Tiada bukti semakan oleh Ketua Pejabat bagi terimaan dan pengeluaran setem.
11.	Pejabat Agama Daerah Seberang Perai Tengah	<ul style="list-style-type: none"> i. Kutipan, resit rasmi dan borang akuan terima yang belum digunakan serta wang yang lewat dibankkan hanya disimpan dalam kabinet berpalang dalam bilik Pegawai Agama kerana peti besi sedia ada rosak dan tidak dapat digunakan. ii. Daftar setem hanya merekodkan pengeluaran dan tidak disahkan oleh Ketua Pejabat. iii. Perakuan resit rasmi dibuat pada belakang helaian salinan pembayar. iv. Pemeriksaan Mengejut tidak dilakukan sekurang-kurangnya 6 bulan sekali.
12.	Pejabat Agama Daerah Seberang Perai Selatan	Tiada Isu.
13.	Jabatan Pengairan Dan Saliran Seberang Perai Tengah	Tiada Isu.
14.	Pejabat Pertanian Daerah Seberang Perai Tengah	<ul style="list-style-type: none"> i. Terdapat perbezaan jumlah antara rekod di Buku Tunai Panjar Wang Runcit dan baki wang di tangan. ii. Tiada pengesahan Ketua Pejabat terhadap rekod penerimaan dan pengeluaran dalam Daftar Setem.
15.	Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang	Tiada Isu.
16.	Pejabat Renjer Daerah Barat Daya	<ul style="list-style-type: none"> i. Kutipan tidak dimasukkan ke bank/diserahkan

Bil.	Jabatan/Pejabat	Penemuan Audit
		<p>kepada Jabatan Perhutanan pada hari yang sama atau pada keesokan hari.</p> <p>ii. Tidak menyelenggara Daftar Pemeriksaan Mengejut dan Ketua Pejabat tidak melakukan pemeriksaan mengejut ke atas peti besi, peti wang tunai dan laci yang menyimpan wang.</p>
17.	Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	Pejabat tidak menyelenggara Daftar Setem dengan lengkap dan kemas kini.

Sumber: Jabatan Audit Negara

8.6.3. Ketua Jabatan/Pejabat yang berkenaan telah dimaklumkan tentang perkara yang diperhatikan dan mereka telah diminta untuk mengambil tindakan pembetulan dengan sewajarnya. Maklum balas yang diterima menunjukkan Ketua Jabatan/Pejabat berkenaan telah mengambil tindakan sewajarnya terhadap perkara yang dibangkitkan.

8.7. SYOR AUDIT

Sungguhpun prestasi pengurusan kewangan di peringkat Jabatan/Agensi Negeri pada tahun 2013 menunjukkan peningkatan, namun bagi memantapkan lagi prestasi pengurusan kewangan ini, adalah disyorkan supaya Jabatan/Agensi Negeri mengambil tindakan terhadap perkara berikut:

8.7.1. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah memastikan isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara dan Unit Audit Dalam diambil tindakan pembetulan dan pencegahan. Tujuan pembetulan adalah untuk memastikan kelemahan yang dibangkitkan dapat diperbetulkan manakala tindakan pencegahan adalah bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang.

8.7.2. Mewujudkan mekanisme pemantauan yang teratur dan memastikan pemeriksaan berkala dibuat terhadap kerja dan tugas pegawai bawahan.

8.7.3. Menyelia dengan lebih rapi tugas pegawai bawahan yang terlibat dengan urusan kewangan dan memastikan bimbingan dan latihan yang sewajarnya diberikan kepada mereka.

8.7.4. Kelemahan dalam pengurusan aset dan stor perlu diberi perhatian yang lebih serius.

8.7.5. Latihan yang berterusan diberikan kepada pegawai-pegawai yang terlibat dengan pengurusan.

BAHAGIAN V

Penyerahan, Pembentangan Penyata Kewangan Dan Prestasi Kewangan Agenzi Negeri



BAHAGIAN V

PENYERAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

9. PENDAHULUAN

Mengikut Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara juga mengaudit Penyata Kewangan Agensi Negeri iaitu Badan Berkanun Negeri, Kumpulan Wang, Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan. Pengauditan ini adalah untuk mengesah dan memastikan ketepatannya serta memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama dengan berpandukan Akta dan Piawaian yang diluluskan.

9.1. PENG AUDITAN PENYATA KEWANGAN

9.1.1. Selaras dengan Seksyen 5(c) Akta Audit 1957, Jabatan Audit Negara melaksanakan pengauditan terhadap penyata kewangan Agensi Negeri bagi memastikan segala akaun serta rekod kewangan diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pada tahun 2013, Kerajaan Negeri mempunyai 5 Badan Berkanun Negeri, 3 Kumpulan Wang, 1 Majlis Agama Islam dan 2 Pihak Berkuasa Tempatan. Daripada 11 Agensi tersebut, Jabatan Audit Negara mengaudit sendiri 3 Kumpulan Wang dan 1 Majlis Agama Islam, manakala 7 penyata kewangan lagi diaudit oleh firma audit swasta yang dilantik oleh Ketua Audit Negara. Pelantikan firma audit swasta adalah selaras dengan peruntukan Seksyen 7(3) Akta Audit 1957 yang memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara melantik mana-mana orang yang difikirkan kompeten untuk menjalankan pengauditan bagi pihaknya. Syarat pelaksanaan pengauditan ini telah ditetapkan melalui perjanjian yang dimeterai.

9.1.2. Bagi memastikan firma audit swasta menjalankan pengauditan berkualiti selaras dengan arahan yang ditetapkan serta mematuhi piawaian perakaunan dan pengauditan yang diluluskan, Jabatan Audit Negara telah mengeluarkan Garis Panduan Penyata Kewangan Agensi Negeri yang antaranya menetapkan panduan penyediaan Memorandum Perancangan Audit, pemantauan terhadap pengauditan yang dilaksanakan oleh firma audit swasta, proses semakan semula kertas kerja dan penyediaan Sijil Ketua Audit Negara.

9.1.3. Jabatan Audit Negara akan memantau sebelum, semasa dan selepas pengauditan dilaksanakan. Sebelum pengauditan dijalankan, firma audit swasta dikehendaki menyediakan Memorandum Perancangan Audit dengan menyatakan antaranya pendekatan Audit, tempoh pengauditan dan pasukan Audit yang terlibat. Melalui memorandum ini, Jabatan Audit Negara dapat memastikan Firma Audit Swasta mempunyai pendekatan dan liputan Audit yang mencukupi untuk menjalankan pengauditan serta memastikan pengauditan dijalankan dalam tempoh yang ditetapkan. Pihak Jabatan Audit Negara membuat lawatan semasa tempoh pengauditan oleh firma audit swasta. Semasa lawatan, pihak firma audit swasta berbincang dengan pihak Jabatan Audit Negara mengenai perkara berbangkit semasa pengauditan dijalankan. Perbincangan ini membolehkan perkara berbangkit yang kurang *material* dapat diselesaikan. Pada akhir pengauditan, firma audit

swasta dikehendaki mengemukakan penemuan Audit berserta fail kertas kerja, senarai terperinci dan Laporan Juruaudit mengenai penyata kewangan yang diaudit. Fail kertas kerja akan disemak untuk memastikan perkara *material* dibangkitkan, bukti audit mencukupi dan memuaskan serta mengikut format yang ditetapkan. Setiap akhir tahun, prestasi semua firma audit swasta dinilai dan akan diambil kira semasa membuat keputusan untuk ditawarkan bagi pengauditan penyata kewangan seterusnya.

9.2. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN

9.2.1. Enakmen Penubuhan Badan Berkanun Negeri menghendaki setiap Badan Berkanun Negeri mengemukakan Penyata Kewangan untuk diaudit dalam masa 6 bulan selepas akhir setiap tahun kewangan. Bagi Pihak Berkuasa Tempatan, Seksyen 60(2) Akta Kerajaan Tempatan 1976, menghendaki Penyata Kewangan disediakan dengan seberapa segera apabila tamat tempoh tahun kewangan bagi tahun tersebut untuk membolehkan Ketua Audit Negara mengesahkan Penyata Kewangan pada atau sebelum akhir bulan Oktober tahun berikutnya. Bagi mempercepatkan penyediaan penyata kewangan, Kerajaan Negeri telah mengeluarkan arahan kepada semua Agensi Negeri untuk menyerahkan Penyata Kewangan selewat-lewatnya pada 30 April tahun berikutnya.

9.2.2. Sehingga 30 April 2014, 10 Penyata Kewangan telah diterima untuk diaudit. Manakala Penyata Kewangan bagi Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang diterima pada 12 Mei 2014. Kedudukan penyerahan penyata kewangan sehingga 30 April 2014 adalah seperti di **Jadual 9.1**.

Jadual 9.1
Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan
Agensi Kerajaan Negeri Sehingga 30 April 2014

Bil.	Agenzi	Tarikh Penyata Kewangan Dikemukakan
1.	Tabung Biasiswa Negeri Pulau Pinang	13.02.2014
2.	Tabung Biasiswa Kecil Negeri Pulau Pinang	13.02.2014
3.	Majlis Perbandaran Pulau Pinang	28.03.2014
4.	Majlis Perbandaran Seberang Perai	28.03.2014
5.	Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang	25.04.2014
6.	Kumpulan Wang Amanah Sekolah Penang Free	25.04.2014
7.	Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang	29.04.2014
8.	Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang	29.04.2014
9.	Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang	30.04.2014
10.	Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang	30.04.2014

Sumber: Jabatan Audit Negara

9.3. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN

Pengauditan Penyata Kewangan Agensi Negeri dijalankan untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Agensi menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Selaras dengan piawaian pengauditan yang diluluskan, Ketua Audit Negara telah mengeluarkan 4 jenis sijil iaitu Sijil Tanpa Teguran, Sijil Berteguran, Sijil Adverse dan Sijil *Disclaimer*. Kesemua 11 penyata kewangan bagi tahun berakhir 2012 yang terdiri daripada 8 penyata kewangan Badan Berkanun Negeri, 2 penyata kewangan Pihak Berkuasa Tempatan dan 1 penyata kewangan Majlis Agama Islam telah pun disahkan dan dikeluarkan Sijil Ketua Audit Negara. Sebanyak 10 penyata kewangan telah diberi Sijil Tanpa Teguran dan satu lagi telah memperoleh Sijil Berteguran. Perbadanan Bukit Bendera telah menerima Sijil Berteguran disebabkan tidak mematuhi peraturan kewangan berkaitan Pengurusan dan Kawalan Aset, pemutang serta perbelanjaan terakru.

9.4. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN

Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan menyatakan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Agensi Kerajaan Negeri yang disahkan hendaklah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Menurut Akta Majlis Sukan Negara, Penyata Kewangan Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang tidak perlu dibentangkan di Dewan Undangan Negeri tetapi hanya memadai dihantar kepada Ketua Menteri manakala Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang tidak pernah dibentangkan kerana tiada keperluan dalam Enakmen (Pentadbiran) Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang 2004 untuk membentangkannya di Dewan Undangan Negeri. Sebanyak 9 Penyata Kewangan Agensi Kerajaan Negeri yang berakhir pada 31 Disember 2012 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 9 Disember 2013.

9.5. PRESTASI KEWANGAN

Analisis prestasi kewangan tahun 2013 Badan Berkanun Negeri (BBN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah berdasarkan kepada penyata kewangan 8 BBN dan 2 PBT yang dikemukakan untuk pengauditan.

9.5.1. Analisis Prestasi Kewangan Badan Berkanun Negeri

9.5.1.1. Analisis prestasi kewangan BBN adalah berdasarkan penyata kewangan tahun 2013 bagi 8 BBN yang telah diaudit. Pada keseluruhannya, kedudukan kewangan tahun 2013 bagi BBN adalah memuaskan. Pada akhir tahun 2013, lebihan pendapatan terkumpul atau keuntungan terkumpul meningkat sejumlah RM75.30 juta atau 5.0% dan lebihan jumlah aset juga meningkat sejumlah RM195.77 juta atau 10.8%. Manakala lebihan pendapatan tahun semasa atau keuntungan tahun semasa menurun sejumlah RM0.65 juta atau 0.7% berbanding tahun 2012. Bagi tahun 2012 dan 2013, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang menyumbang kepada peningkatan lebihan

pendapatan terkumpul berjumlah RM62.14 juta atau 4.2%, Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang sejumlah RM0.76 juta atau 19.2%, Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang sejumlah RM0.25 juta atau 5.6%, Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang sejumlah RM0.88 juta atau 37.3% dan Tabung Biasiswa Negeri Pulau Pinang sejumlah RM0.17 juta atau 8.3%. Selain itu, aset bersih semasa menurun sejumlah RM31.35 juta atau 3.2% berbanding tahun 2012. Prestasi kewangan 8 BBN bagi tahun 2012 dan 2013 adalah seperti di **Jadual 9.2**.

Jadual 9.2

Prestasi Kewangan Badan Berkanun Negeri Bagi Tahun 2012 Dan 2013

Bil.	Perkara	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Lebihan Pendapatan Terkumpul	1,491.22	1,566.52	75.30	5.0
2.	Lebihan Jumlah Aset	1,804.93	2,000.70	195.77	10.8
3.	Aset Bersih Semasa	967.09	935.74	-31.35	-3.2
4.	Lebihan Pendapatan Semasa	94.67	94.02	-0.65	-0.7

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri

9.5.1.2. Analisis terhadap Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 mendapati 7 daripada 8 BBN telah mencatatkan lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan antara RM4,000 juta hingga RM80.98 juta. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang telah mencatatkan lebihan pendapatan paling tinggi iaitu RM80.98 juta hasil daripada peningkatan dalam Lain-lain Pendapatan Kendalian, Penjualan Tanah dan Pelarasan Kerugian Yang Tidak Dijangka.

9.5.1.3. Analisis terhadap Lembaran Imbangan pada 31 Disember 2013 mendapati 8 BBN berada dalam kedudukan stabil di mana aset semasa melebihi liabiliti semasa antara RM0.013 juta hingga RM910.24 juta. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang mencatat aset semasa bersih paling tinggi iaitu berjumlah RM910.24 juta di mana aset semasa berjumlah RM1,298.35 juta berbanding liabiliti semasa yang berjumlah RM388.11 juta. Antara aset semasa yang besar dimiliki adalah Harta Dalam Pembangunan berjumlah RM806.94 juta dan Pengutang Perdagangan berjumlah RM178.02 juta. Prestasi kewangan BBN bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 adalah seperti di **Jadual 9.3**.

Jadual 9.3**Prestasi Kewangan Badan Berkanun Negeri Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2013**

Bil.	Badan Berkanun Negeri	Penyata Pendapatan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2013 (RM Juta)			Lembaran Imbalan Pada 31 Disember 2013 (RM Juta)		
		Pendapatan	Perbelanjaan	Surplus/Defisit	Aset Semasa	Liabiliti Semasa	Aset/(Liabiliti) Semasa Bersih
1.	Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang	403.80	322.82	80.98	1,298.35	388.11	910.24
2.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Pulau Pinang	13.79	13.03	0.76	5.12	1.22	3.90
3.	Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang	2.66	2.41	0.25	2.68	0.05	2.63
4.	Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang	8.24	7.36	0.88	3.02	0.47	2.55
5.	Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang	22.25	11.18	11.07	15.41	1.50	13.91
6.	Tabung Biasiswa Negeri Pulau Pinang	0.28	0.11	0.17	2.17	0.0006	2.17
7.	Tabung Biasiswa Kecil Negeri Pulau Pinang	2.04	2.13	(0.09)	0.014	0.0006	0.013
8.	Kumpulan Wang Amanah Sekolah Penang Free	0.010	0.014	0.004	0.324	0.0002	0.323
Jumlah		453.07	359.05	94.02	1,327.09	391.35	935.74

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri


9.5.2. Analisis Pendapatan

9.5.2.1. Pada akhir tahun 2013, pendapatan janaan sendiri yang diperoleh oleh 8 BBN ialah sejumlah RM417.40 juta berbanding dengan RM295.88 juta pada tahun 2012. Analisis Audit mendapati antara BBN yang mengalami kenaikan pendapatan janaan sendiri ialah Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang iaitu berjumlah RM120.14 juta atau 42.6% berbanding tahun 2012, Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang mengalami kenaikan berjumlah RM0.59 juta atau 138.8% berbanding tahun 2012 dan Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang mengalami kenaikan berjumlah RM0.54 juta atau 51.4%. Selain itu, BBN yang mengalami penurunan pendapatan janaan sendiri bagi tahun 2013 adalah Kumpulan Wang Amanah Sekolah Penang Free dengan penurunan pendapatan sejumlah RM6,584 atau 38.8%.

9.5.2.2. Selain daripada pendapatan janaan sendiri, 7 daripada 8 BBN juga menerima geran daripada Kerajaan serta sumbangan lain sejumlah RM144.68 juta pada tahun 2013 berbanding RM67.41 juta pada tahun 2012. Jumlah geran ini meliputi geran operasi dan pembangunan untuk membantu BBN melaksanakan program serta aktiviti BBN dan juga menguruskan projek pembangunan. Trend jumlah pendapatan janaan sendiri dan geran yang diterima daripada Kerajaan untuk BBN bagi tahun 2012 hingga 2013 adalah seperti di **Carta 9.1**.

Carta 9.1

Trend Jumlah Pendapatan Janaan Sendiri Dan Geran Yang Diterima Daripada Kerajaan Untuk BBN Bagi Tahun 2011 Hingga 2013



Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri

9.5.3. Jumlah Lebihan Pendapatan

Pada keseluruhannya, 8 BBN memperoleh lebihan pendapatan (keuntungan) berjumlah RM94.02 juta pada tahun 2013 iaitu berlaku penurunan sejumlah RM10.23 juta atau 10.8% berbanding RM94.67 juta pada tahun 2012. Jumlah lebihan pendapatan BBN bagi tahun 2012 dan 2013 adalah seperti di **Jadual 9.4**.

Jadual 9.4

Jumlah Lebihan Pendapatan Badan Berkanun Negeri Bagi Tahun 2012 Dan 2013

Bil.	Badan Berkanun Negeri	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang	91.86	80.98	(10.88)	(11.8)
2.	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang	1.09	0.76	(0.33)	(30.3)
3.	Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang	(0.38)	11.07	11.45	2986.8
4.	Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang	0.54	0.25	(0.29)	(53.7)
5.	Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang	1.32	0.88	(0.44)	(33.3)
6.	Kumpulan Wang Amanah Sekolah Penang Free	0.002	0.004	0.002	100.0
7.	Tabung Biasiswa Negeri Pulau Pinang	0.21	0.17	(0.04)	(19.0)
8.	Tabung Biasiswa Kecil Negeri Pulau Pinang	0.029	(0.09)	(0.119)	(410.3)
Jumlah		94.67	94.02	10.23	10.8

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun

9.5.4. Analisis Kumpulan Wang Terkumpul

Kumpulan Wang Terkumpul bagi 8 BBN pada tahun 2013 adalah berjumlah RM1,546.16 juta iaitu penurunan sejumlah RM6.20 juta atau 0.4% berbanding RM1,552.36 juta pada tahun 2012. Kumpulan Wang Terkumpul terdiri daripada modal berbayar, rizab am, lebihan/kurangan pendapatan serta geran pembangunan semasa dan yang dibawa dari tahun sebelumnya. Kumpulan Wang Terkumpul ini tidak mengambil kira kumpulan wang lain seperti Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan, Kumpulan Wang Pinjaman Komputer

dan Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan. Analisis Audit mendapati perubahan Kumpulan Wang Terkumpul bagi 8 BBN pada tahun 2013 berbanding tahun 2012 adalah disebabkan oleh penurunan dalam lebihan pendapatan terkumpul. Kumpulan Wang Terkumpul BBN bagi tahun 2012 dan 2013 adalah seperti di **Jadual 9.5**.

Jadual 9.5

Kumpulan Wang Terkumpul BBN Bagi Tahun 2012 Dan 2013

Bil.	Badan Berkanun Negeri	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang	1,518.17	1,498.24	(19.93)	(1.3)
2.	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang	20.17	21.50	1.33	6.6
3.	Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang	4.76	15.95	11.19	235.1
4.	Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang	4.47	4.72	0.25	5.6
5.	Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang	2.35	3.23	0.88	37.4
6.	Kumpulan Wang Amanah Sekolah Penang Free	0.338	0.335	0.003	0.9
7.	Tabung Biasiswa Negeri Pulau Pinang	2.00	2.17	0.17	8.5
8.	Tabung Biasiswa Kecil Negeri Pulau Pinang	0.103	0.013	(0.09)	(87.4)
Jumlah		1,552.36	1,546.16	-6.20	-0.4

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri


9.5.5. Analisis Aset

Pada akhir tahun 2013, sebanyak 8 BBN memperoleh aset sejumlah RM2,000.70 juta berbanding RM1,804.93 juta pada tahun 2012 iaitu peningkatan sejumlah RM195.77 juta atau 10.8%. Daripada jumlah tersebut, aset semasa bersih pada akhir tahun 2013 ialah sejumlah RM935.74 juta berbanding RM967.10 juta pada tahun 2012 iaitu penurunan sejumlah RM31.36 juta atau 3.2%. Peningkatan aset semasa bersih yang ketara berlaku di Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang iaitu peningkatan sejumlah RM10.18 juta kerana peningkatan Akaun Simpanan Tetap. Di samping itu juga berlaku peningkatan di Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang sejumlah RM0.64 juta dan di Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang iaitu peningkatan sejumlah RM0.76 juta bagi Akaun Tunai Di Bank. Peningkatan juga berlaku di Tabung Biasiswa Negeri Pulau Pinang dan Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang yang masing-masing meningkat RM0.16 juta dan RM0.11 juta. Bagi penurunan dalam aset semasa bersih, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang mengalami penurunan tertinggi sejumlah RM43.12 juta dan diikuti oleh Tabung Biasiswa Kecil Negeri Pulau Pinang sejumlah RM0.09 juta. Manakala aset semasa bersih Kumpulan Wang Amanah Sekolah Penang Free tidak menunjukkan perubahan ketara.

9.5.6. Analisis Pelaburan

Pada akhir tahun 2013, jumlah pelaburan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang ialah sejumlah RM296.82 juta. Pelaburan ini terdiri daripada pelaburan dalam anak syarikat, syarikat bersekutu, pelaburan saham amanah, pelaburan jangka panjang dan pelaburan lain. Analisis Audit mendapati pada keseluruhannya, jumlah pelaburan telah menurun sejumlah RM72.24 juta atau 19.57% berbanding RM369.06 juta pada tahun 2012. Jenis pelaburan BBN bagi tahun 2013 adalah seperti di **Carta 9.2**.

Carta 9.2
Jenis Pelaburan



Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri

9.5.7. Analisis Liabiliti

Pada akhir tahun 2013, jumlah liabiliti bagi 8 BBN ialah sejumlah RM845.68 juta berbanding RM697.44 juta pada tahun 2012 iaitu peningkatan sejumlah RM148.24 juta atau 21.3%. Perubahan jumlah liabiliti BBN bagi tahun 2012 dan 2013 adalah seperti di **Jadual 9.6**.

Jadual 9.6
Jumlah Liabiliti Badan Berkanun Bagi Tahun 2012 Dan 2013

Bil.	Badan Berkanun Negeri	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang	693.04	842.44	149.40	21.6
2.	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang	2.72	1.22	-1.50	-55.1
3.	Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang	1.10	1.50	0.40	36.4
4.	Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang	0.10	0.05	-0.05	-50.0
5.	Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang	0.48	0.47	-0.01	-2.1
6.	Kumpulan Wang Amanah Sekolah Penang Free	0.0014	0.0002	-0.0012	-85.7
7.	Tabung Biasiswa Negeri Pulau Pinang	0.0006	0.0006	0	0
8.	Tabung Biasiswa Kecil Negeri Pulau Pinang	0.0006	0.0006	0	0
Jumlah		697.44	845.68	148.24	21.3

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri

9.5.8. Analisis Nisbah

Nisbah hutang mengukur peratusan jumlah aset yang diperoleh melalui pembiayaan hutang. Analisis nisbah hutang menunjukkan hanya satu daripada 5 BBN iaitu Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang menggunakan 43.20% jumlah asetnya yang diperoleh melalui pembiayaan hutang. Dua BBN iaitu Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dan Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang mempunyai kurangan aliran tunai bersih sebanyak RM40.89 juta dan RM0.87 juta. 5 BBN menunjukkan nisbah kecairan melebihi 2 iaitu menggambarkan BBN berkenaan mampu untuk memenuhi tanggungan jangka pendek.

Analisis juga mendapati 5 BBN mempunyai modal kerja yang mencukupi. Kedudukan analisis kecairan dan kestabilan BBN bagi tahun 2012 adalah seperti di **Jadual 9.7**.

Jadual 9.7

Analisis Kecairan Dan Kestabilan Badan Berkanun Negeri Bagi Tahun 2013

Bil.	Badan Berkanun Negeri	Nisbah Semasa	Nisbah Cepat	Modal Kerja (RM Juta)	Aliran Tunai Bersih (RM Juta)	Nisbah Hutang (%)
1.	Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang	3.35	3.22	910.24	-40.89	43.2
2.	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang	4.18	4.18	3.90	-0.87	5.4
3.	Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang	10.23	10.23	13.91	10.50	8.6
4.	Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang	52.16	52.16	2.63	0.05	1.1
5.	Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang	6.34	6.34	2.55	0.74	12.9

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri

9.5.9. Prestasi Anak Syarikat Badan Berkanun Negeri

9.5.9.1. Analisis Pelaburan Dalam Syarikat

Pada tahun 2013, satu BBN iaitu Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) melabur sejumlah RM64.18 juta dalam 16 syarikat. Untuk pelaburan dalam syarikat bersekutu pula, PDC melabur sejumlah RM53.0 juta dalam 11 syarikat bersekutu. Analisis pelaburan pada kos dalam anak syarikat dan syarikat bersekutu oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang adalah seperti di **Jadual 9.8**.

Jadual 9.8

Pelaburan Pada Kos Dalam Anak Syarikat Dan Syarikat Bersekutu

Perkara	Bilangan Syarikat
Anak Syarikat (100%)	13
Anak Syarikat (>50%)	3
Anak Syarikat (<50%)	-
Syarikat Bersekutu (>50%)	1
Syarikat Bersekutu (<50%)	10
Jumlah Syarikat	27
Pelaburan (RM Juta)	117.19

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri

9.5.9.2. Status Anak Syarikat

PDC melabur dalam 16 anak syarikat. Adalah didapati 13 anak syarikat berstatus aktif, 1 berstatus dorman dan 2 syarikat telah dibubarkan secara sukarela.

9.5.9.3. Analisis Keuntungan/Kerugian Terkumpul Syarikat

Pada 31 Disember 2013, sebanyak 13 anak syarikat yang aktif di bawah Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang telah mendapat keuntungan terkumpul secara keseluruhannya termasuk bahagian Keuntungan Syarikat Bersekutu yang berjumlah RM14.83 juta. Analisis keuntungan terkumpul dan kerugian terkumpul anak syarikat BBN bagi tahun kewangan 2013 adalah seperti **Jadual 9.9**.

Jadual 9.9

Analisis Keuntungan/Kerugian Terkumpul Anak Syarikat Badan Berkanun Negeri Bagi Tahun Kewangan 2013

Badan Berkanun Negeri	Keuntungan Terkumpul		Kerugian Terkumpul		Keuntungan / Kerugian Bersih (RM Juta)
	Bil. Anak Syarikat	Jumlah (RM Juta)	Bil. Anak Syarikat	Jumlah (RM Juta)	
Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang	11	96.05	2	5.08	90.97
Jumlah	11	96.05	2	5.08	90.97

Sumber: Penyata Kewangan Anak Syarikat

9.5.10. Prestasi Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan

9.5.10.1. Prestasi kewangan bagi dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Seberang Perai bagi tahun 2013 adalah baik kerana kedua-duanya telah mencatatkan surplus berjumlah RM50.32 juta. Begitu juga aset semasa melebihi liabiliti semasa dengan jumlah RM609.76 juta. Prestasi Pihak Berkuasa Tempatan bagi tahun 2013 adalah seperti di **Jadual 9.10**.

Jadual 9.10

Prestasi Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan Bagi Tahun 2013

Bil.	Agensi	Penyata Pendapatan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2013 (RM Juta)			Lembaran Imbangan Pada 31 Disember 2013 (RM Juta)		
		Pendapatan	Perbelanjaan	Surplus/Defisit	Aset Semasa	Liabiliti Semasa	Aset/Liabiliti Semasa Bersih
1.	Majlis Perbandaran Pulau Pinang	341.09	293.51	47.58	619.10	125.59	493.51
2.	Majlis Perbandaran Seberang Perai	199.81	197.07	2.74	172.02	55.77	116.25
Jumlah		540.90	490.58	50.32	791.12	181.36	609.76

Sumber: Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan

9.5.10.2. Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) mencatatkan surplus sejumlah RM47.58 juta pada tahun 2013 iaitu menurun sejumrah RM32.51 juta atau 40.6% berbanding dengan surplus RM80.09 juta pada tahun 2012. Penurunan ini antaranya disebabkan oleh peningkatan dalam belanja penyelenggaraan alat kelengkapan pejabat,

elektronik dan elektrik serta bayaran-bayaran lain sejumlah RM22.17 juta iaitu RM 28.11 juta pada tahun 2013 berbanding RM5.94 juta yang dicatatkan pada tahun 2012. Manakala kedudukan kewangan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) pada tahun semasa adalah memuaskan walaupun mencatatkan surplus sejumlah RM2.74 juta pada tahun 2013 berbanding RM4.15 juta pada tahun 2012 iaitu dengan penurunan sejumlah RM1.41 juta atau 34.0%. Penurunan ini antaranya disebabkan oleh peningkatan belanja Perkhidmatan Ikhtisas, belanja Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil serta belanja hutang lapuk yang dihapus kira. Kedudukan kewangan bagi Majlis Perbandaran adalah seperti di **Jadual 9.11**.

Jadual 9.11

Kedudukan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan Bagi Tahun 2012 Dan 2013

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Tahun		Perubahan	
		2012 Surplus/ Defisit (RM Juta)	2013 Surplus/ Defisit (RM Juta)	Surplus/ Defisit (RM Juta)	(%)
1.	Majlis Perbandaran Pulau Pinang	80.09	47.58	-32.51	-40.6
2.	Majlis Perbandaran Seberang Perai	4.15	2.74	-1.41	-34.0
Jumlah		84.24	50.32	-33.92	-40.1

Sumber: Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan

9.5.10.3. Hasil Dan Perbelanjaan

Pada tahun 2013, PBT telah membelanjakan sejumlah RM490.58 juta yang meliputi perbelanjaan emolumen, pengangkutan dan perjalanan rasmi, pentadbiran am, perkhidmatan dan bekalan, perbelanjaan khas, penyenggaraan serta perhubungan dan utiliti. Hasil utama PBT pula adalah daripada cukai taksiran, geran berkanun/sumbangan kerajaan, faedah dan pada pelaburan, lesen perniagaan dan perkhidmatan sewaan. Analisis Audit mendapati pada tahun 2013, PBT telah mengutip hasil sejumlah RM540.90 juta. Adalah didapati geran berkanun/sumbangan kerajaan menyumbangkan RM10.00 juta atau 1.8% daripada keseluruhan hasil PBT tersebut. Hasil PBT bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 adalah seperti di **Jadual 9.12**.

Jadual 9.12

Jenis Hasil PBT Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2013

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Cukai Taksiran (RM Juta)	Geran Berkanun (RM Juta)	Pelbagai (RM Juta)	Lesen (RM Juta)	Faedah Pelaburan (RM Juta)	Jumlah (RM Juta)
1.	Majlis Perbandaran Pulau Pinang	149.45	5.00	165.60	5.40	15.64	341.09
2.	Majlis Perbandaran Seberang Perai	131.16	5.00	47.22	10.78	5.65	199.81
Jumlah		280.61	10.00	212.82	16.18	21.29	540.90

Sumber: Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan

9.5.10.4. Aset Semasa Bersih

- a. Aset semasa bersih PBT bagi tahun berakhir 31 Disember 2012 dan 2013 adalah seperti di **Jadual 9.13**.

Jadual 9.13

Aset Semasa Bersih Pihak Berkua Tempatan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012 Dan 2013

Pihak Berkua Tempatan	Tahun 2012			Tahun 2013			Perubahan Aset Semasa Bersih	
	Aset Semasa (RM Juta)	Liabiliti Semasa (RM Juta)	Aset Semasa Bersih (RM Juta)	Aset Semasa (RM Juta)	Liabiliti Semasa (RM Juta)	Aset Semasa Bersih (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
MPPP	577.14	92.24	484.90	619.10	125.59	493.51	8.61	1.8
MPSP	182.86	54.88	127.98	172.02	55.77	116.25	-11.73	-9.2
Jumlah	760.00	147.12	612.88	791.12	181.36	609.76	-3.12	-0.5

Sumber: Penyata Kewangan Pihak Berkua Tempatan

- b. Analisis Audit mendapati secara keseluruhannya pada tahun 2013, aset semasa bersih bagi Majlis Perbandaran Pulau Pinang menunjukkan peningkatan berjumlah RM8.61 juta manakala aset semasa bersih bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai menunjukkan penurunan berjumlah RM11.73 juta. Pada tahun 2013, aset semasa bersih Majlis Perbandaran Pulau Pinang adalah berjumlah RM493.51 juta berbanding RM484.90 juta pada tahun 2012. Manakala bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai pula, nilai aset semasa bersih adalah berjumlah RM116.25 juta berbanding RM127.98 juta pada tahun 2012.

9.5.10.5. Tunggakan Hasil Cukai Taksiran

- a. Cukai taksiran adalah cukai tahunan yang dikenakan terhadap harta pegangan di bawah kawasan pentadbiran PBT mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976. Cukai taksiran adalah merupakan penyumbang utama kepada pendapatan PBT. Cukai taksiran dikenakan ke atas pegangan seperti rumah kediaman, harta perdagangan (kedai, kilang, hotel dan sebagainya), harta industri (kilang, pelabuhan dan sebagainya) dan tanah. Sumbangan membantu kadar merupakan cukai tahunan yang dikenakan ke atas bangunan milik Kerajaan. Pada tahun 2013, hasil cukai taksiran diperoleh oleh PBT bertambah sejumlah RM6.50 juta atau 2.4% berbanding hasil cukai taksiran pada tahun 2012. Hasil cukai taksiran PBT bagi tempoh 2012 dan 2013 adalah seperti di **Jadual 9.14**.

Jadual 9.14

Hasil Cukai Taksiran PBT Bagi Tempoh 2012 Dan 2013

Bil.	Pihak Berkua Tempatan	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Majlis Perbandaran Pulau Pinang	148.36	149.45	1.09	0.70
2.	Majlis Perbandaran Seberang Perai	125.75	131.16	5.41	4.30
Jumlah		274.11	280.61	6.50	2.40

Sumber: Penyata Kewangan Pihak Berkua Tempatan

- b. Secara keseluruhannya, analisis Audit terhadap tunggakan cukai taksiran mendapati jumlah tunggakan cukai telah menurun daripada RM88.04 juta pada tahun 2012 menjadi RM79.81 juta pada tahun 2013. Kedua-dua PBT menunjukkan penurunan tunggakan cukai taksiran. Tunggakan cukai taksiran Majlis Perbandaran Pulau Pinang pada tahun 2013 adalah berjumlah RM57.98 juta berbanding RM61.39 juta pada tahun 2012. Ini menunjukkan penurunan sejumlah RM3.41 juta atau sebanyak 5.6%. Manakala bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai, tunggakan cukai taksiran pada tahun 2013 adalah berjumlah RM21.83 juta berbanding RM26.65 juta pada tahun 2012 iaitu pengurangan sejumlah RM4.82 juta atau sebanyak 18.1%. Penurunan tunggakan cukai taksiran bagi Majlis Perbandaran Pulau Pinang antaranya adalah disebabkan Majlis ada melaksanakan tindakan untuk mengurangkan tunggakan seperti mempergiatkan operasi penyerahan notis peringatan dan notis tuntutan tunggakan. Di samping itu juga Majlis mewujudkan lebih banyak saluran pembayaran cukai taksiran untuk memudahkan pembayaran kutipan oleh agensi seperti Tenaga Nasional Berhad, Telekom Malaysia, bayaran atas talian melalui bank-bank dan kutipan van bergerak ke kawasan kediaman orang ramai. Bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai pula jumlah tunggakan cukai taksiran didapati menurun kerana Majlis juga mengambil beberapa tindakan bagi mendapatkan semua hasil yang tertunggak. Majlis telah menubuhkan pasukan khas memungut tunggakan cukai taksiran dan melantik syarikat pemungut hutang untuk memastikan tunggakan cukai taksiran dapat dikurangkan. Selain itu Majlis juga mengadakan Klinik Tunggakan Cukai pada hari Jumaat terakhir setiap bulan. Butiran lanjut tunggakan cukai taksiran adalah seperti di **Jadual 9.15**.

Jadual 9.15

Tunggakan Cukai Taksiran Pihak Berkuasa Tempatan Bagi Tempoh 2012 Dan 2013

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Majlis Perbandaran Pulau Pinang	61.39	57.98	-3.41	-5.6
2.	Majlis Perbandaran Seberang Perai	26.65	21.83	-4.82	-18.1
Jumlah		88.04	79.81	-8.23	-9.3

Sumber: Jabatan Audit Negara

9.5.10.6. Berdasarkan penyata kewangan bagi tahun 2013, tunggakan cukai taksiran bagi 2 PBT adalah berjumlah RM79.81 juta iaitu 14.8% daripada jumlah pendapatan PBT. Peratus tunggakan cukai taksiran berbanding pendapatan tahun 2013 adalah seperti di **Jadual 9.16**.

Jadual 9.16**Peratus Tunggakan Cukai Taksiran Berbanding Pendapatan Bagi Tahun 2013**

Bil.	Pihak Berkusa Tempatan	Tunggakan (RM Juta)	Pendapatan (RM Juta)	Tunggakan Berbanding Pendapatan (%)
1.	Majlis Perbandaran Pulau Pinang	57.98	341.09	17.0
2.	Majlis Perbandaran Seberang Perai	21.83	199.81	10.9
	Jumlah	79.81	540.90	14.8

Sumber: Penyata Kewangan Pihak Berkusa Tempatan

9.6. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, penyerahan penyata kewangan tahun 2013 bagi semua Agensi Kerajaan Negeri, Majlis Agama Islam dan Pihak Berkusa Tempatan adalah baik. Prestasi kewangan Badan Berkanun Negeri dan Majlis Agama Islam adalah baik. Daripada 9 Agensi Negeri yang diaudit, 8 Agensi telah mencatatkan surplus manakala hanya 1 Agensi mencatatkan defisit. Manakala bagi Pihak Berkusa Tempatan pula, prestasi kewangan di Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Seberang Perai pada tahun semasa adalah baik. Bagaimanapun, tunggakan cukai taksiran Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Seberang Perai didapati masih lagi tinggi. Bagi tujuan penambahbaikan kepada perkara yang dibangkitkan, Agensi Kerajaan Negeri adalah disarankan untuk menimbangkan syor berikut:

9.6.1. Agensi yang mengalami defisit dan kekurangan aset semasa bersih perlu mempertingkatkan prestasi kewangannya supaya pendapatan yang diperoleh dapat menampung perbelanjaan mengurus dan menanggung liabiliti semasa.

9.6.2. Pihak Berkusa Tempatan perlu mengambil tindakan proaktif dan meningkatkan usaha untuk mendapatkan semula tunggakan cukai taksiran bagi memastikan kedudukan kewangan Majlis akan bertambah baik pada masa akan datang.

BAHAGIAN VI

Pembentangan

Laporan Ketua Audit Negara

Dan Mesyuarat Jawatankuasa

Kira-Kira Wang Awam Negeri



BAHAGIAN VI

PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

10. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI; DAN AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

Mengikut Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan, Laporan Ketua Audit Negara mengenai Akaun Kerajaan Negeri yang telah diaudit hendaklah dibentangkan segera di Dewan Undangan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Pulau Pinang Tahun 2012 berserta Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Pulau Pinang Tahun 2012 Siri 1, Siri 2 dan Siri 3 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 9 Disember 2013.

11. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri berperanan untuk mewujudkan Akauntabiliti Awam. Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat bagi membincangkan Laporan Ketua Audit Negara yang terkini, mengkaji isu-isu lama Laporan Ketua Audit Negara yang belum selesai dan memastikan syor-syor Jawatankuasa diambil tindakan oleh Ketua-ketua Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri. Sepanjang tahun 2013, Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri hanya bermesyuarat sekali iaitu pada 25 September membincangkan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2010 dan 2011 mengenai aktiviti Jabatan.

PENUTUP



PENUTUP

Pada umumnya, tahap pengurusan Jabatan/Agensi pada tahun 2013 telah menunjukkan prestasi yang lebih baik berbanding dengan tahun 2012. Ini dapat ditunjukkan dengan 8 berbanding 7 Jabatan/Agensi Negeri memperoleh tahap sangat baik pada tahun 2013. Keadaan ini juga menunjukkan Jabatan/Agensi telah mengambil tindakan proaktif untuk meningkatkan prestasi pengurusan kewangan masing-masing daripada kedudukan baik kepada kedudukan sangat baik. Bagaimanapun, prestasinya masih boleh dipertingkatkan lagi sekiranya Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan bukan sahaja mengambil tindakan memperbetulkan kelemahan yang telah dibangkitkan oleh pihak Audit, bahkan juga mengambil tindakan *preventive* bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang. Sehubungan ini, bagi memantapkan lagi prestasi pengurusan kewangan, adalah disyorkan perkara berikut:

- a. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu mengaturkan supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara juga berlaku di bahagian lain dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan memandangkan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan kepada sampel dan skop tertentu.
- b. Jabatan/Agensi Negeri perlu mempertingkatkan keberkesanan fungsi Unit Audit Dalam (UAD). Antaranya ialah dengan memastikan anggota UAD mendapat latihan dan bimbingan yang secukupnya, perancangan audit tahunan disediakan supaya pengauditan dapat dilaksanakan mengikut keutamaan, penilaian dibuat secara objektif dan bebas bukan sahaja berkaitan dengan aspek kawalan dalam malahan pengurusan risiko dan tadbir urus organisasi, melaporkan penemuan yang signifikan serta mengesyorkan cadangan yang memberi impak kepada organisasi.
- c. Bagi memperbaiki tahap pengurusan kewangan, penglibatan Pegawai Pengawal/ Ketua Jabatan perlu dipertingkatkan. Mereka perlu terlibat secara '*hands on*' dalam urusan tersebut.
- d. Ketua Jabatan perlu mewujudkan sistem pemantauan berterusan, menjalankan pemeriksaan mengejut, mengadakan penilaian secara berkala ke atas kemahiran dan keupayaan pegawai serta memberi latihan kepada pegawai yang terlibat dengan pengurusan kewangan bagi meningkatkan kecekapan mereka. Ini adalah bagi mengelakkan pegawai kurang mahir atau kurang pengetahuan menggunakan budi bicara apabila membuat keputusan.

JABATAN AUDIT NEGARA

Putrajaya
13 Ogos 2014

LAMPIRAN





**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013**

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 telah diaudit atas arahan saya selaras dengan Akta Audit 1957. Pihak pengurusan Kerajaan Negeri adalah bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini dan tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut. Pengauditan telah dilaksanakan dengan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan.


Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada 31 Disember 2013; hasil operasi serta aliran tunainya bagi tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan. Rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.


(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

~~Ketua Audit Negara~~

Maysia.

Putrajaya
24 April 2014



**PERNYATAAN PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
DAN BENDAHARI NEGERI**

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Nota kepada Penyata Kewangan disediakan:

- (a) mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting*; dan
- (b) dengan menyatukan maklumat kewangan daripada semua Jabatan Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Akaun Memorandum berserta Nota kepada Penyata Kewangan menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama pada 31 Disember 2013.

Pada masa pernyataan ini ditandatangani, mengikut sebaik-baik pengetahuan kami, tidak wujud apa-apa keadaan yang boleh menjelaskan ketepatan dan kesahihan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri 2013.


DATO' HAJI MOKHTAR BIN MOHD JAIT
Pegawai Kewangan Negeri Pulau Pinang
10 Januari 2014


ROSMAH BINTI ISMAIL
Bendahari Negeri Pulau Pinang
10 Januari 2014

Lampiran III

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
pada 31 Disember 2013

		<u>2013</u>	<u>2012</u>
	<u>Nota</u>	<u>RM</u>	<u>RM</u>
WANG AWAM			
WANG TUNAI	3	8,753,583.84	7,803,730.67
PELABURAN	4	1,283,350,000.00	1,184,450,000.00
		1,292,103,583.84	1,192,253,730.67
DIPEGANG BAGI:			
KUMPULAN WANG DISATUKAN			
AKAUN HASIL DISATUKAN	5	826,579,027.29	825,285,384.24
AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	6	0.00	0.00
AKAUN AMANAH DISATUKAN	7	465,524,556.55	366,968,346.43
		1,292,103,583.84	1,192,253,730.67

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

Lampiran IV

**PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI
bagi tahun berakhir 31 Disember 2013**

	<u>Nota</u>	<u>2013</u>	<u>2012</u>
		<i>RM</i>	<i>RM</i>
TERIMAAN			
Hasil	5		
Hasil Cukai		120,171,085.45	116,642,591.51
Hasil Bukan Cukai		511,708,001.61	416,427,024.37
Terimaan Bukan Hasil		<u>201,834,873.33</u>	<u>121,482,747.93</u>
		833,713,960.39	654,552,363.81
Pinjaman	6		
Dalam Negeri		3,160,642.00	14,689,358.00
		<u>3,160,642.00</u>	<u>14,689,358.00</u>
Terimaan Modal	7		
Pelbagai Terimaan Modal		51,986,252.76	57,339,300.87
Jualan Instrumen Kewangan		<u>0.00</u>	<u>0.00</u>
		51,986,252.76	57,339,300.87
Terimaan Lain	7		
Terimaan Amanah		58,428,047.72	0.00
		<u>58,428,047.72</u>	<u>0.00</u>
Jumlah Terimaan		<u>947,288,902.87</u>	<u>726,581,022.68</u>

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI (sambungan)
bagi tahun berakhir 31 Disember 2013

	<u>2013</u>	<u>2012</u>			
	<i>Nota</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>
BAYARAN					
Perbelanjaan Mengurus	5				
Emolumen		134,744,458.46		124,647,694.29	
Perkhidmatan dan Bekalan		109,118,229.51		98,379,590.91	
Aset		6,772,432.77		3,139,875.95	
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap		376,032,614.86		239,277,534.30	
Perbelanjaan Lain		<u>3,613,950.93</u>		<u>2,455,941.06</u>	
		630,281,686.53			467,900,636.51
Perbelanjaan Pembangunan	7				
Langsung		211,858,090.36		169,530,882.93	
Pinjaman		<u>0.00</u>		<u>12,000,000.00</u>	
		211,858,090.36			181,530,882.93
Perbelanjaan Modal					
Pembelian Instrumen Kewangan	4	<u>98,900,000.00</u>		98,900,000.00	<u>56,392,653.07</u>
Pinjaman	6				
Dalam Negeri		2,138,630.81		2,176,284.44	
Kepada Agensi		<u>3,160,642.00</u>		<u>14,689,358.00</u>	
		5,299,272.81			16,865,642.44
Bayaran Lain					
Akaun Amanah	7	<u>0.00</u>		0.00	<u>1,777,870.95</u>
					1,777,870.95
Jumlah Bayaran		<u>946,339,049.70</u>			<u>724,467,685.90</u>
Tambahan / (Kurangan) Wang Tunai			949,853.17		2,113,336.78
Wang Tunai Pada 1 Januari			7,803,730.67		5,690,393.89
WANG TUNAI PADA 31 DISEMBER		<u>8,753,583.84</u>			<u>7,803,730.67</u>

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PRESTASI KEWANGAN
bagi tahun berakhir 31 Disember 2013

	<i>Nota</i>	<u>2013</u>		<u>2012</u>	
		<i>Anggaran</i>	<i>Sebenar</i>	<i>Anggaran</i>	<i>Sebenar</i>
		<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>
HASIL	5	708,523,660	833,713,960.39	654,552,363.81	
<i>Tolak:</i>					
Belanja Mengurus	5	770,561,310	632,420,317.34	470,076,920.95	
LEBIHAN / (KURANGAN) HASIL		(62,037,650)	201,293,643.05	184,475,442.86	
<i>Tolak:</i>					
Belanja Pembangunan	7	363,385,531.00	211,858,090.36	181,530,882.93	
LEBIHAN / (KURANGAN) KESELURUHAN		(425,423,181)	(10,564,447.31)	2,944,559.93	
DIBIAYAI OLEH:					
Pinjaman	6		3,160,642.00		14,689,358.00
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan	7		48,825,610.76		42,649,942.87
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah			(41,421,805.45)		(60,283,860.80)
JUMLAH PEMBIAYAAN			10,564,447.31		(2,944,559.93)

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

Lampiran VI

PENYATA AKAUN MEMORANDUM pada 31 Disember 2013

	<u>2013</u>	<u>2012</u>
	<u>Nota</u>	<u>RM</u>
MEMORANDUM ASET	8	
Pinjaman Boleh Dituntut	122,200,078.40	119,636,012.78
Pelaburan	239,071,802.16	240,616,960.07
MEMORANDUM LIABILITI	9	
Hutang Awam	50,496,077.52	49,234,066.32

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
bagi tahun berakhir 31 Disember 2013****DASAR DAN KAEAH PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN****1. DASAR DAN PRINSIP PERAKAUNAN**

Dasar dan prinsip perakaunan diguna secara konsisten dalam penyediaan penyata kewangan kecuali dinyatakan sebaliknya.

- a) Dasar perakaunan adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pengurusan perakaunan dan kewangan Kerajaan Negeri.
- b) Perakaunan Kerajaan Negeri adalah berasaskan Kumpulan Wang Disatukan selaras dengan:
 - i) Perkara 97 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa segala hasil diterima kecuali Zakat, Fitrah, dan Baitulmal atau lain-lain hasil agama Islam seumpamanya, dikumpulkan menjadi satu kumpulan wang.
 - ii) Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa tiada wang boleh dikeluarkan dari Kumpulan Wang Disatukan melainkan diperuntukkan atau dibenarkan dengan cara lain oleh Parlimen, kecuali untuk perbelanjaan tanggungan tertentu.
 - iii) Seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] memperuntukkan Kumpulan Wang Disatukan dibahagi kepada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.
- c) Kerajaan Negeri mengamal atas perakaunan tunai ubahsuai. Semua urus niaga bayaran dan terimaan diakaunkan apabila bayaran dibuat dan terimaan diperoleh dengan pengubahsuaian seperti berikut:
 - i) Bayaran bagi kerja yang telah dijalankan, bekalan dan perkhidmatan yang telah diterima sehingga 31 Disember tahun kewangan semasa boleh dibayar dalam bulan Januari tahun berikutnya dan dikenakan kepada peruntukan tahun kewangan semasa.
 - ii) Terimaan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambilkira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada 31 Disember tahun kewangan semasa merupakan wang tunai dalam perjalanan dan diakaunkan sebagai hasil tahun kewangan semasa.
 - iii) Mengakaun urus niaga bukan tunai tertentu seperti pindahan peruntukan daripada Akaun Hasil Disatukan ke Akaun Amanah Disatukan, Untung Rugi Pelaburan, Hapuskira Pinjaman Amanah, Penukaran Pinjaman Kepada Ekuiti dan seumpamanya.
- d) Entiti perakaunan terdiri daripada semua Jabatan Kerajaan Negeri.
- e) Tahun kewangan sebagaimana yang telah ditetapkan di bawah Seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] adalah satu tempoh dua belas bulan yang berakhir pada 31 Disember setiap tahun.
- f) Mata wang yang digunakan dalam penyata kewangan ini adalah Ringgit Malaysia (RM). Urus niaga yang melibatkan mata wang asing telah ditukar kepada nilai setara RM berdasarkan kadar pertukaran Bank Negara Malaysia atau Jabatan Akauntan Negara Malaysia mengikut polisi yang ditetapkan.
- g) Penyata Kewangan disediakan mengikut asas yang sama dengan Anggaran Perbelanjaan bagi membolehkan perbandingan dibuat.
- h) Apabila berlaku perubahan ke atas persembahan atau klasifikasi butiran, angka perbandingan telah dinyatakan semula kecuali dinyatakan sebaliknya.

2. PERSEMBAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Persembahan Penyata Kewangan dan nota yang disertakan bagi tahun 2013 telah dibuat penambahbaikan bagi memudahkan pemahaman dan penganalisisan.

Penyata Prestasi Kewangan adalah penyata baharu yang menunjukkan prestasi kewangan Kerajaan Negeri secara keseluruhan.

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang disedia mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard (IPSAS) - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting* mengandungi komponen berikut :

- a) Penyata Kedudukan Kewangan
- b) Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai
- c) Penyata Prestasi Kewangan
- d) Penyata Akaun Memorandum
- e) Nota Kepada Penyata Kewangan

3. WANG TUNAI

Wang Tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan.

Wang Tunai Dalam Perjalanan menunjukkan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada akhir tahun kewangan.

Wang Tunai Dalam Tangan merupakan Panjar Wang Runcit.

Wang Tunai pada 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:

	2013 RM	2012 RM
<i>Perihal</i>		
Wang Tunai Dalam Bank	8,014,091.94	2,967,690.81
Wang Tunai Dalam Perjalanan	416,000.08	4,503,639.86
Wang Tunai Dalam Tangan	323,491.82	332,400.00
JUMLAH WANG TUNAI	8,753,583.84	7,803,730.67

4. PELABURAN

Pelaburan terdiri daripada Pelaburan Kumpulan Wang Amanah dan Pelaburan Am dan dinyatakan pada nilai buku.

Pelaburan Kumpulan Wang Amanah ialah pelaburan yang dibuat daripada Kumpulan Wang Amanah selaras dengan arahan amanah Seksyen 9 dan suratcara amanah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] serta peraturan yang berkuatkuasa. Pelaburan Am adalah semua pelaburan yang dibuat daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan selain daripada pelaburan Kumpulan Wang Amanah. Pelaburan Am juga merangkumi pelaburan daripada penukaran pinjaman kepada ekuiti.

Pelaburan pada 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:

	2013		2012	
	<i>Nilai Buku</i>		<i>Nilai Buku</i>	
	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah	Pelaburan Am	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah	Pelaburan Am
<i>Perihal</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>
Saham	0.00	31,450,000.00	0.00	31,450,000.00
Deposit Dalam Negeri	400,000.00	1,251,500,000.00	3,000,000.00	1,150,000,000.00
<i>Jumlah</i>	<i>400,000.00</i>	<i>1,282,950,000.00</i>	<i>3,000,000.00</i>	<i>1,181,450,000.00</i>
JUMLAH PELABURAN	1,283,350,000.00		1,184,450,000.00	

5. AKAUN HASIL DISATUKAN

Akaun Hasil Disatukan mengakaun semua urus niaga terimaan hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan selaras dengan Perkara 97 dan 98 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61].

Akaun Hasil Disatukan bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:

Perihal	2013		2012	
	Anggaran RM	Sebenar RM	% Anggaran	Sebenar RM
BAKI PADA 1 JANUARI		825,285,384		710,809,941.38
HASIL				
Hasil Cukai	134,720,700.00	120,171,085.45	89.20	116,642,591.51
Hasil Bukan Cukai	158,002,960.00	511,708,001.61	323.86	416,427,024.37
Terimaan Bukan Hasil	415,800,000.00	201,834,873.33	48.54	121,482,747.93
Jumlah Hasil	708,523,660.00	833,713,960.39	117.67	654,552,363.81
PERBELANJAAN MENGURUS				
Emolumen	143,761,001.00	134,744,458.46	93.73	124,647,694.29
Perkhidmatan dan Bekalan	117,119,460.00	109,118,229.51	93.17	98,379,590.91
Aset	7,539,799.00	6,772,432.77	89.82	3,139,875.95
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap**	496,015,820.00	378,171,245.67	76.24	241,453,818.74
Perbelanjaan-perbelanjaan lain	6,125,230.00	3,613,950.93	59.00	2,455,941.06
<i>Perbelanjaan Mengurus (sebelum pindahan)</i>	<i>770,561,310.00</i>	<i>632,420,317.34</i>	<i>82.07</i>	<i>470,076,920.95</i>
<i>Pindahan Lebihan Hasil ke</i>				
<i>Kumpulan Wang Pembangunan</i>	<i>200,000,000.00</i>	<i>200,000,000.00</i>		<i>70,000,000.00</i>
<i>Jumlah Perbelanjaan Mengurus (selepas pindahan)</i>	<i>970,561,310.00</i>	<i>832,420,317.34</i>	<i>85.77</i>	<i>540,076,920.95</i>
<i>Lebihan/(Kurangan) bagi Tahun</i>		<i>1,293,643.05</i>		<i>114,475,442.86</i>
BAKI PADA 31 DISEMBER		826,579,027.29		825,285,384.24

Nota: (**) - Tidak termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan.

(a) Hasil

Hasil diakaunkan secara jumlah kasar ke dalam Akaun Hasil kecuali diperuntukkan sebaliknya oleh mana-mana undang-undang.

Hasil mengikut penjenisannya bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:

Perihal	2013		2012		
	Anggaran Asal RM	Anggaran Disemak RM	Sebenar RM	% Anggaran	Sebenar RM
HASIL CUKAI					
Cukai Tanah	124,985,000.00	124,985,000.00	107,645,177.15	86.13	104,249,740.17
Cukai Parit Dan Talair	884,200.00	884,200.00	627,216.84	70.94	666,878.14
Cukai Langsung Yang Lain	151,500.00	151,500.00	203,273.90	134.17	229,167.13
Cukai Hiburan	8,700,000.00	8,700,000.00	11,695,417.56	134.43	11,496,806.07
Jumlah Hasil Cukai	134,720,700.00	134,720,700.00	120,171,085.45	89.20	116,642,591.51

(disambung)

(sambungan)

Hasil mengikut penjenisannya bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:

Perihal	2013		2012	
	Anggaran Asal	Anggaran Disemak	Sebenar	Sebenar
	RM	RM	RM	RM
HASIL BUKAN CUKAI				
Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit	9,408,460.00	9,408,460.00	12,009,145.38	127.64
Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan	44,396,900.00	44,396,900.00	69,599,442.56	156.77
Perolehan daripada Jualan Barang-barang	45,544,810.00	45,544,810.00	366,175,125.92	803.99
Sewaan	5,132,100.00	5,132,100.00	5,033,385.22	98.08
Keuntungan Pembiayaan Dan Perolehan Pelaburan	45,197,000.00	45,197,000.00	53,983,424.26	119.44
Denda dan Hukuman	8,323,690.00	8,323,690.00	4,907,478.27	58.96
Jumlah Hasil Bukan Cukai	158,002,960.00	158,002,960.00	511,708,001.61	323.86
TERIMAAN BUKAN HASIL				
Pulangan Balik Perbelanjaan	30,040,000.00	30,040,000.00	6,162,444.25	20.51
Terimaan daripada Agensi-agensi	385,760,000.00	385,760,000.00	195,672,429.08	50.72
Jumlah Terimaan Bukan Hasil	415,800,000.00	415,800,000.00	201,834,873.33	48.54
JUMLAH HASIL	708,523,660.00	708,523,660.00	833,713,960.39	117.87

(b) Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan dan Bekalan seperti emolumen, perkhidmatan dan bekalan, aset, pemberian dan kenaan bayaran tetap dan perbelanjaan-perbelanjaan lain.

Perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan mengikut undang-undang Persekutuan selaras dengan Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan.

Perbelanjaan bagi Maksud Bekalan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan berdasarkan kelulusan Parlimen selaras dengan Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan.

Perbelanjaan Mengurus mengikut Maksud Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:

Maksud Perbelanjaan	2013		
	Anggaran Asal RM	Anggaran Dipinda RM	Sebenar RM
PERBELANJAAN TANGGUNGAN			
T. 01 Peruntukan Diraja	3,508,450.00	3,508,450.00	3,156,738.33
T. 02 Pejabat Ketua Menteri Dan Pejabat Setiausaha Kerajaan	228,000.00	228,000.00	161,185.82
T. 03 Jabatan Kewangan Negeri	30,679,410.00	30,679,410.00	21,287,908.03
Jumlah Perbelanjaan Tanggungan	34,415,860.00	34,415,860.00	24,605,832.18
PERBELANJAAN BEKALAN			
B. 01 Pejabat Ketua Menteri Dan Pejabat Setiausaha Kerajaan	129,013,692.00	129,013,692.00	121,125,947.55
B. 02 Pejabat Tanah Dan Galian	8,430,150.00	8,430,150.00	7,503,774.84
B. 03 Pejabat Daerah Dan Tanah, Daerah Timur Laut	6,578,630.00	6,578,630.00	6,227,256.73
B. 04 Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Barat Daya	6,079,340.00	6,079,340.00	5,605,559.16
B. 05 Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Utara	6,810,700.00	6,810,700.00	6,801,973.49
B. 06 Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Tengah	6,432,160.00	6,432,160.00	6,429,984.70
B. 07 Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Selatan	5,275,560.00	5,275,560.00	5,115,852.64
B. 08 Jabatan Pengairan Dan Saliran	31,582,270.00	31,582,270.00	30,004,185.44
B. 09 Jabatan Perhutanan	3,328,230.00	3,328,230.00	3,096,061.38

(disambung)

(sambungan)

Perbelanjaan Mengurus mengikut Maksud Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 adalah seperti berikut

Maksud Perbelanjaan	2013			
	Anggaran Asal RM	Anggaran Dipinda RM	Sebenar RM	% Anggaran
PERBELANJAAN BEKALAN				
B. 10 Jabatan Taman Botani	4,034,150.00	4,034,150.00	3,691,472.82	91.51
B. 12 Jabatan Kerja Raya	32,165,868.00	32,165,868.00	30,784,885.20	95.71
B. 13 Jabatan Hal Ehwal Agama	15,745,450.00	15,745,450.00	14,996,651.67	95.24
B. 14 Jabatan Kebajikan Masyarakat	6,988,990.00	6,988,990.00	6,902,243.00	98.76
B. 15 Jabatan Perancang Bandar Dan Desa	3,612,830.00	3,612,830.00	3,520,039.98	97.43
B. 16 Jabatan Kewangan Negeri	648,942,490.00	648,942,490.00	335,935,466.88	51.77
B. 17 Jabatan Perkhidmatan Veterinar	5,542,470.00	5,542,470.00	4,916,846.45	88.71
B. 18 Jabatan Pertanian	7,703,350.00	7,703,350.00	7,375,650.71	95.75
B. 19 Jabatan Mufti	2,305,080.00	2,305,080.00	2,266,234.16	98.31
B. 20 Jabatan Kehakiman Syariah	5,574,040.00	5,574,040.00	5,514,398.36	98.93
Jumlah Perbelanjaan Bekalan	936,145,450.00	936,145,450.00	607,814,485.16	64.93
PERBELANJAAN MENGURUS	970,561,310.00	970,561,310.00	632,420,317.34	65.16
PINDAHAN LEBIHAN HASIL KE KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN			200,000,000.00	
PERBELANJAAN MENGURUS (selepas pindahan)			832,420,317.34	

Maklumat terperinci perbelanjaan mengurus dapat dirujuk di Lampiran C - Penyata Perbelanjaan Mengurus bagi tahun berakhir 31 Disember 2013.

6. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

Akaun Pinjaman Disatukan mengakaun semua terimaan dan bayaran balik pinjaman di bawah kuasa undang-undang Persekutuan.

Bayaran faedah hutang negeri tidak diakaun di Akaun Pinjaman Disatukan sebaliknya dikenakan kepada perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan T03 berjumlah RM1,242,701.10 seperti di Nota 5(b).

Semua baki Pinjaman dipindah ke Kumpulan Wang Pembangunan.

Akaun Pinjaman Disatukan pada 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:

Perihal	2013		2012	
	(Debit)/Kredit RM	(Debit)/Kredit RM	(Debit)/Kredit RM	(Debit)/Kredit RM
PINJAMAN				
Badan Berkanun				
Baki pada 1 Januari	0.00	0.00		
Terimaan	0.00	3,850,000.00		
Bayaran	0.00	(3,850,000.00)		
Baki pada 31 Disember	0.00	0.00		
Bekalan Air				
Baki pada 1 Januari	0.00	0.00		
Terimaan	3,160,642.00	10,839,358.00		
Bayaran	(3,160,642.00)	(10,839,358.00)		
Baki pada 31 Disember	0.00	0.00		
BAKI AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	0.00	0.00		

Di Penyata Prestasi Kewangan Pinjaman Negeri berjumlah RM3,160,642.00 untuk tahun 2013 adalah terimaan bersih tahun semasa.

7. AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan mengakaun semua terimaan dan bayaran wang amanah mengikut kehendak undang-undang, akta-akta amanah, suratcara amanah, arahan amanah dan perjanjian. Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit.

Bagi Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, sebahagian besar urus niaga semasa terdiri daripada urus niaga Akaun Penyelesaian Utama Perpendaharaan. Akaun penyelesaian ini mengakaunkan urus niaga bagi Akaun Kawalan, Akaun Kena Bayar dan akaun seumpamanya yang tidak melibatkan terimaan atau bayaran sebenar.

Akaun Amanah Disatukan pada 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:

Penihai	Baki pada	Debit (Debit)/Kredit	Kredit RM	Baki pada
	01.01.2013			31.12.2013
	(Debit)/Kredit			RM
KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN				
Kumpulan Wang Pembangunan	45,671,987.78	211,858,090.36	251,986,252.76	85,800,150.18
Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan	0.00	0.00	0.00	0.00
Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	118,025,152.39	3,366,143,553.29	3,400,287,246.82	152,168,845.92
<i>Jumlah Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</i>	<i>163,697,140.17</i>	<i>3,578,001,643.65</i>	<i>3,652,273,499.58</i>	<i>237,968,996.10</i>
KUMPULAN WANG AMANAH AWAM				
Kumpulan Wang Amanah Khas	0.00	0.00	0.00	0.00
Kumpulan Wang Amanah Am	112,867,805.58	171,207,123.00	167,170,705.00	108,831,387.58
<i>Jumlah Kumpulan Wang Amanah Awam</i>	<i>112,867,805.58</i>	<i>171,207,123.00</i>	<i>167,170,705.00</i>	<i>108,831,387.58</i>
AKAUN DEPOSIT				
Deposit Am	90,403,400.68	39,590,611.24	31,137,389.14	81,950,178.58
Deposit Pelarasan	0.00	0.00	0.00	0.00
<i>Jumlah Akaun Deposit</i>	<i>90,403,400.68</i>	<i>39,590,611.24</i>	<i>31,137,389.14</i>	<i>81,950,178.58</i>
JUMLAH AKAUN AMANAH DISATUKAN	<u>366,968,346.43</u>	<u>3,788,799,377.89</u>	<u>3,850,581,593.72</u>	<u>428,750,562.26</u>

Terimaan lain di Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai sebanyak RM58,428,047.72 merupakan baki bersih Akaun Amanah.

(a) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan mengakaun terimaan dari peruntukan Kerajaan dan bayaran bagi maksud tertentu mengikut Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan.

- (i) Kumpulan Wang Pembangunan mengakaun terimaan dan bayaran pembangunan seperti yang diperuntukkan oleh Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406].

Terimaan utama bagi kumpulan wang ini terdiri daripada pindahan dari Akaun Hasil Disatukan, pinjaman yang diambil bagi pembangunan dan terimaan bayaran balik pinjaman yang dikeluarkan daripada kumpulan wang ini.

Bayaran kumpulan wang ini adalah perbelanjaan pembangunan secara langsung atau pinjaman.

Kumpulan Wang Pembangunan pada 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:

<i>Perihal</i>	<i>2013</i> <i>(Debit)/Kredit</i> <i>RM</i>	<i>2012</i> <i>(Debit)/Kredit</i> <i>RM</i>
<i>BAKI PADA 1 JANUARI</i>	45,671,987.78	99,863,569.84
TERIMAAN		
Pindahan Dari Akaun Hasil Disatukan	200,000,000.00	70,000,000.00
Pindahan Dari Akaun Pinjaman Disatukan	3,160,642.00	14,689,358.00
Terimaan Lain-lain Hasil	3,000,000.00	3,000,000.00
Pemberian Tahap Pembangunan Ekonomi	13,516,000.00	13,516,000.00
Sewa Beli Daripada Perumahan Murah	2,233,558.51	2,755,029.92
Jualan Rumah Kos Rendah	1,545,064.15	16,762,778.93
Pindahan Daripada Kumpulan Wang Amanah	20,000,000.00	0.00
Terimaan Balik Pinjaman Daripada PDC	639,313.04	0.00
Terimaan Balik Pinjaman Daripada MPSP	3,882,859.99	2,822,068.02
Pajakan PBA	4,008,815.07	3,794,066.00
<i>Jumlah Terimaan</i>	251,986,252.76	127,339,300.87
BAYARAN		
Perbelanjaan Pembangunan		
Langsung	211,858,090.36	169,530,882.93
Pinjaman	0.00	12,000,000.00
<i>Jumlah Bayaran</i>	211,858,090.36	181,530,882.93
<i>Lebihan/(Kurangan) Bagi Tahun</i>	40,128,162.40	(54,191,582.06)
BAKI KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN PADA 31 DISEMBER	85,800,150.18	45,671,987.78

Maklumat terperinci perbelanjaan pembangunan dapat dirujuk di Lampiran B - Penyata Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun berakhir 31 Disember 2013.

Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:

<i>Perihal</i>	<i>2013</i>		<i>2012</i>	
	<i>(Debit)/Kredit</i>	<i>RM</i>	<i>(Debit)/Kredit</i>	<i>RM</i>
AKAUN PENYELESAIAN				
Akaun Semasa Antara Pentadbiran	550,000.00		566,641.65	
Akaun Penyelesaian Utama Perbendaharaan	1,361,425.05		1,279,700.61	
<i>Jumlah Akaun Penyelesaian</i>	1,911,425.05		1,846,342.26	
AKAUN PERNIAGAAN				
Stor dan Woksyop Tak Beruntuk	90,000.00		90,000.00	
Stor dan Woksyop Tak Beruntuk JKR	14,044.05		14,044.05	
Akaun Kira-kira Worksyop JKR	272,000.00		272,000.00	
Akaun Worksyop JKR	699,588.30		606,110.37	
<i>Jumlah Akaun Perniagaan</i>	1,075,632.35		982,154.42	
AKAUN PINJAMAN				
Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan	2,416,809.89		2,448,630.82	
Kumpulan Wang Pendahuluan Diri	382,159.86		380,709.78	
Kumpulan Wang Pendahuluan Pelbagai	468,004.80		484,880.00	
Kumpulan Wang Pinjaman Komputer	1,122,165.18		1,328,897.95	
Tabung Amanah Pinjaman Penuntut-penuntut	33,701,194.56		31,602,346.10	
<i>Jumlah Akaun Pinjaman</i>	38,090,334.29		36,245,464.65	
KUMPULAN WANG LUAR JANGKA				
Kumpulan Wang Amanah Belanja Mengejut	400,000.00		400,000.00	
<i>Jumlah Kumpulan Wang Luar Jangka</i>	400,000.00		400,000.00	
PELBAGAI KUMPULAN WANG				
Kumpulanwang Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri	50,471,489.76		22,621,965.63	
Jawatankuasa Pesta Pulau Pinang	40,371.06		37,012.60	
Jawatankuusa Ekspo Pertanian	1,375,385.39		1,250,720.02	
Jawatankuasa Induk Pelancongan	95,283.70		361,894.14	
Jawatankuasa Pesta Perahu Naga	667.32		667.32	
Jawatankuasa Hal Ehwal Wanita	126,224.17		716,335.03	
Jawatankuasa Tapak Pesta	5,769,276.12		4,988,526.01	
Kumpulanwang Kebajikan Negeri	1,169,145.00		1,009,085.97	
Akaun Amanah Pengurusan Krisis Negeri	4,000,000.00		4,000,000.00	
Kumpulanwang Bantuan Wang TYT Negeri	2,608,634.69		299,159.95	
Kumpulanwang Amanah Tabung TYT (Pelaburan)	400,000.00		3,000,000.00	
Kumpulanwang Amanah Pelaburan Negeri	27,943,273.87		26,944,993.89	
Akaun Kena Bayar	16,691,703.15		13,320,830.50	
<i>Jumlah Pelbagai Kumpulan Wang</i>	110,691,454.23		78,551,191.06	
JUMLAH PELBAGAI KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN	152,168,845.92		118,025,152.39	

(b) Kumpulan Wang Amanah Awam

Kumpulan Wang Amanah Awam mengakaun terimaan dan bayaran bagi maksud tertentu mengikut akta khas atau Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Kumpulan Wang Amanah Awam terdiri daripada Amanah Khas yang diwujudkan di bawah aktanya sendiri dan Amanah Am yang diwujudkan di bawah Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Sumber kewangan kumpulan wang ini adalah daripada badan-badan atau orang perseorangan untuk tujuan tertentu.

Kumpulan Wang Amanah Awam yang matan bagi setiap Kumpulan Wang Amanah Awam pada 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:

<i>Perihal</i>	2013 <i>RM</i>	2012 <i>RM</i>
AMANAH AM		
Kumpulanwang Pembangunan Hutan	128,068.09	127,049.41
Penyelenggaraan Rumah-Rumah Pangsa	910,212.26	174,004.91
Akaun Amanah Bayaran Pampasan PAKR	762,362.90	826,862.90
Pusat Warisan	0.00	351.04
Kajian Rancangan Tempatan Daerah Pulau Pinang	304,948.74	330,289.24
Akaun Amanah Saliran Pulau Pinang	45,640,079.11	46,509,530.11
Akaun Amanah Pengurusan SPEKS	1,118,333.87	1,189,123.87
Akaun Amanah Pelbagai Jabatan Kerja Raya	1,542,675.27	755,309.31
Akaun Amanah Kebun Bunga Pulau Pinang	38,890.09	84,880.09
Akaun Amanah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	148,005.65	104,859.78
Akaun Amanah ePerolehan	0.00	911,338.68
Akaun Amanah Pelbagai Bagi Projek PAKR	18,397,950.72	11,442,782.25
Akaun Amanah Perumahan Bumiputera	53,896,196.22	41,201,761.20
Akaun Amanah Pengurusan Sokongan Keluarga Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang	286,450.00	297,300.00
Akaun Amanah Kesenian Negeri Pulau Pinang	521,360.00	341,920.00
Akaun Amanah Pengurusan Kompleks Masyarakat Penyayang	718,448.82	665,892.79
Akaun Amanah Kebajikan Dan Kemasyarakatan Negeri Pulau Pinang	2,000,000.00	2,000,000.00
Akaun Amanah Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang	19,191,400.13	5,904,550.00
JUMLAH KUMPULAN WANG AMANAH AWAM	145,605,381.87	112,867,805.58

(c) Akaun Deposit

Akaun Deposit terdiri daripada Deposit Am dan Deposit Pelarasan. Deposit Am adalah wang yang diterima khusus bagi sesuatu maksud di bawah undang-undang atau perjanjian dan perlu dibayar balik apabila maksud telah tercapai. Deposit Pelarasan adalah akaun sementara yang diguna sebelum bayaran dibuat atau pelarasan kepada akaun tertentu.

Akaun Deposit yang matan bagi setiap kategori Deposit pada 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:

<i>Perihal</i>	2013 <i>(Debit)/Kredit</i> <i>RM</i>	2012 <i>(Debit)/Kredit</i> <i>RM</i>
DEPOSIT AM		
Pelbagai Deposit JKR	47,119,274.91	43,257,738.91
Pejabat Tanah Balik Pulau	8,539,292.20	7,645,597.15
Pejabat Tanah Seberang Perai Tengah	5,972,479.23	14,934,849.11
Pejabat Tanah Seberang Perai Selatan	3,993,288.43	4,098,662.30
Pejabat Tanah Timur Laut	2,164,289.90	2,161,439.90
Pelbagai Deposit Am	14,161,553.91	18,305,113.31
JUMLAH AKAUN DEPOSIT	81,950,178.58	90,403,400.68

8. MEMORANDUM ASET

Memorandum Aset menunjukkan sebahagian aset kewangan kerajaan iaitu Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan yang dikenakan kepada perbelanjaan mengurus atau pembangunan, tetapi tidak dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

(a) Pinjaman Boleh Dituntut

Pinjaman Boleh Dituntut adalah baki pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada Agensi, Pihak Berkuasa Tempatan, Badan Berkanun dan Pelbagai.

Pinjaman Boleh Dituntut pada 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:

Perihal	<i>Baki Belum Selesai pada</i>	
	<i>2013</i>	<i>2012</i>
	<i>RM</i>	<i>RM</i>
Pinjaman Kepada Majlis Perbandaran	64,270,039.44	67,456,012.78
Pinjaman Kepada Perbadanan Bekalan Air	19,149,352.00	13,000,000.00
Pinjaman Kepada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang	5,600,686.96	6,000,000.00
Pinjaman Kepada Jelutong Development Sdn. Bhd. - "Reimbursable Land Cost"	33,180,000.00	33,180,000.00
JUMLAH PINJAMAN BOLEH DITUNTUT	122,200,078.40	119,636,012.78

Maklumat terperinci Pinjaman Boleh Dituntut dapat dirujuk di Lampiran C - Penyata Akaun Memorandum Pinjaman Boleh Dituntut pada 31 Disember 2013.

(b) Pelaburan

Pelaburan adalah pegangan ekuiti dalam syarikat dan badan berkanun.

Pelaburan pada 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:

Perihal	<i>Nilai Buku</i>	
	<i>2013</i>	<i>2012</i>
	<i>RM</i>	<i>RM</i>
Pelaburan Lembaga Kumpulan Wang Amanah Pelaburan Pulau Pinang (LKAPP)	66,237,928.97	67,783,086.88
Pelaburan Ekuiti	172,833,873.19	172,833,873.19
JUMLAH PELABURAN	239,071,802.16	240,616,960.07

Maklumat terperinci Pelaburan dapat dirujuk di Lampiran D - Penyata Akaun Memorandum Pelaburan pada 31 Disember 2013.

(c) Bayaran Air Mentah

Baki Bayaran Air Mentah bagi tahun berakhir 2013 adalah sejumlah RM7,665,984.93

9. MEMORANDUM LIABILITI

Memorandum Liabiliti menunjukkan sebahagian liabiliti kerajaan iaitu Hutang Awam yang tidak dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

(a) Hutang Awam

Mulai tahun kewangan 2013, Hutang Awam diklasifikasi sebagai Pinjaman selaras dengan Para 1.10. *Cash Basis* IPSAS.

Hutang Awam pada 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:

	2013 <i>RM</i>	2012 <i>RM</i>
Penihal		
PINJAMAN		
BAKI PADA 1 JANUARI	49,234,066.32	36,720,992.76
TERIMAAN		
Pinjaman Baru	Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) Projek Bekalan Air (PBA) Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC)	0.00 3,160,642.00 0.00
<i>Jumlah Terimaan</i>	 3,160,642.00	 10,839,358.00 3,850,000.00
BAYARAN		
Bayaran Balik (Pokok)	(1,898,630.80)	(2,176,284.44)
BAKI HUTANG PADA 31 DISEMBER	 50,496,077.52	 49,234,066.32

10. AKAUN BELUM TERIMA

Akaun Belum Terima pada 31 Disember 2013 berjumlah RM82,400,746.58 berdasarkan rekod Jabatan dilaporkan sebagai maklumat tambahan, walaupun Kerajaan Negeri mengamalkan asas perakaunan tunai ubahsuai.



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA
No. 15, Aras 1-5
Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62518 Wilayah Persekutuan Putrajaya

www.audit.gov.my